# PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN 4

**KSSM**

## NOTA LENGKAP BUKU TEKS

**NAMA :**

**TINGKATAN :**

**PAUTAN KOD QR BUKU TEKS:** [http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=2271](http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=2271)

## ISI KANDUNGAN


| PEL | UNIT | TAJUK | MUKASURAT | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| | | **AL QURAN HAFAZAN** | | |
| 1 | | Al-An'am :162-163 | 3 | |
| 2 | 1 | Al-Kahfi : 101-106 | 7 | |
| | 2 | Al-Kahfi : 107-110 | 11 | |
| | | **AL QURAN : TAJWID** | | |
| 3 | | Hukum tajwid: Mad Silah, Lazim dan Qalqalah | **15** | |
| | | **AL QURAN : KEFAHAMAN** | | |
| 4 | | Larangan Rasuah : al-Baqarah: 188 | 21 | |
| 5 | | Memahami Sunnatullah : Ali-Imran: 137-139 | 24 | |
| 6 | | Larangan Mempersendakan Agama : al-An'am 70 | 29 | |
| 7 | | Dakwah Pembawa Kemajuan : Fussilat : 33 | 33 | |
| | | **HADIS** | | |
| 8 | | Hindari Dosa Besar | 37 | |
| 9 | | Kemuliaan Berdikari | 45 | |
| | | **AKIDAH** | | |
| 10 | | Allah Maha Pembalas Dan Maha Perkasa: | | |
| | 1 | al-Muntaqim | 49 | |
| | 2 | al- Jabbar | 51 | |
| 11 | | Perkara Yang Membatalkan Iman | 53 | |
| 12 | | Hindari Ajaran Sesat | 58 | |
| | | **FIKAH** | | |
| 13 | | Haji dan Umrah | 62 | |
| 14 | | Sembelihan | 71 | |
| 15 | 1 | Korban | 75 | |
| | 2 | Akikah | 79 | |
| 16 | 1 | Konsep Muamalat Islam | 82 | |
| | 2 | Jenis Aqad Dalam Muamalat Islam | 87 | |
| 17 | 1 | Solat Sunat Dhuha | 89 | |
| | 2 | Solat Sunat Gerhana | 92 | |
| | | **SIRAH DAN TAMADUN ISLAM** | | |
| 18 | | Kerajaan Khulafa al-Rasyidin | 95 | |
| 19 | | Kerajaan Umaiyah | 100 | |
| 20 | | Kerajaan Abbasiah | 104 | |
| 21 | | Keunggulan Tokoh Empat Mazhab | 108 | |
| | | **AKHLAK ISLAMIAH** | | |
| 22 | | Bersikap Benar Menjauhkan Kemunafikan | 113 | |
| 23 | | Khauf Dan Raja' | 116 | |
| 24 | 1 | Adab Terhadap Orang Sakit | 119 | |
| | 2 | Adab Terhadap Orang Kurang Upaya | 121 | |
| 25 | | Wasatiyyah | 123 | |

## 01: AL QURAN : HAFAZAN: SURAH AL-AN'AM: 6, AYAT:162-163

### BACA DENGAN BETUL, LANCAR DAN BERTAJWID

| |
|---|
| قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُۥ ۖ وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾ |
| (Surah al-An'am: 6, ayat:162-163) |

**Maksud:**
Katakanlah Sesungguhnya solatku dan ibadahku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah, Tuhan yang mentadbir sekalian Alam , Tiada lah sekutu baginya dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan, Dan aku ialah orang Islam yang awal pertama yang berserah diri kepada Allah.

**PAUTAN KOD QR: BACAAN AYAT HAFAZAN**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1683

### BACA POTONGAN AYAT DENGAN BETUL, LANCAR DAN BERTAJWID

| | |
|---|---|
| Katakanlah Sesungguhnya solatku dan ibadahku, | قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي |
| Hidupku dan matiku, | وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي |
| Hanyalah untuk Allah, Tuhan yang mentadbir sekalian Alam | لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾ |
| Tiada lah sekutu baginya | لَا شَرِيكَ لَهُۥ ۖ |
| Dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan, | وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ |
| Dan aku ialah orang Islam yang awal pertama yang berserah diri kepada Allah. | وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾ |


syabas181@gmail.com

**SPEKTRUM ILMU**

Sunat membacad **Doa Iftitah** dalam solat:
Ali bin Abu Talib meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:
Apabila baginda mendirikan solat, baginda akan membaca:

وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِىْ فَطَرَ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضَ حَنِيْفًا مُسْلِمًا وَمَا اَنَا مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ
إِنَّ صَلاَتِيْ وَنُسُكِيْ وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِيْ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ. لاَشَرِيْكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ
وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِيْنَ.

(Riwayat Muslim)

**SPEKTRUM ILMU**

Ibnu Umar meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:



بَيْنَمَا نَحْنُ نُصَلِّي مَعَ رَسُولِ اللهِ ﷺ إِذْ قَالَ
رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ: "اللهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ
لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا" فَقَالَ
رَسُولُ اللهِ ﷺ: مَنِ الْقَائِلُ كَلِمَةَ كَذَا وَكَذَا؟
قَالَ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ: أَنَا يَا رَسُولَ اللهِ. قَالَ
عَجِبْتُ لَهَا فُتِحَتْ لَهَا أَبْوَابُ السَّمَاءِ، قَالَ
ابْنُ عُمَرَ: فَمَا تَرَكْتُهُنَّ مُنْذُ سَمِعْتُ رَسُولَ
اللهِ ﷺ يَقُولُ ذَلِكَ.

(Riwayat Muslim)

**Maksud:**

Ketika kami solat bersama dengan Rasulullah tiba-tiba seorang mengucapkan:

اَللّٰهُ اَكْبَرُ كَبِيْرًا وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ كَثِيْرًا وَسُبْحَانَ اللهِ بُكْرَةً وَأَصِيْلاً.

(Maha Besar Allah dan segala puji bagi Allah pujian yang banyak dan Maha suci Allah pada waktu pagi dan petang).

Kemudian Rasulullah SAW bertanya: "Siapakah yang mengucapkan kalimah tadi". sSeorang sahabat menjawab: "Saya wahai Rasulullah". Baginda bersabda: "Sesungguhnya aku sangat kagum dengan ucapan tadi, sebab pintu pintu langit dibuka kerana kalimah itu. Kata Ibnu Umar: "Maka aku tidak pernah meninggalkannya Semenjak Aku mendengar Rasulullah mengucapkan perkara itu."

**INTISARI AYAT**

1. Solat ialah tonggak kepada segala amalan seseorang muslim.
2. Segala ibadah yang dilakukan perlu mengikut syariat Nabi Muhammad
3. Kehidupan di dunia perlu dipenuhi dengan melaksanakan perintah Allah dan Rasulullah supaya bahagia di dunia dan di akhirat.
4. Menyerahkan segala urusan kehidupan sesudah kematian kepada Allah
5. Keikhlasan ialah faktor utama segala ibadah diterima oleh Allah.
6. Umat Islam wajib menjauhi syirik kerana syirik merupakan larangan Allah.
7. Umat Islam wajib memohon hanya kepada Allah kerana dia ialah Tuhan sekelian Alam.

**AMALAN**

Doa untuk ditetapkan Iman:

اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ.

(Riwayat Abu Daud)

Maksud:

Ya Allah, Bantulah aku untuk aku mengingatiMu mensyukuriMu dan beribadah kepadaMu dengan baik

**HAFADZ POTONGAN AYAT DENGAN BETUL, LANCAR, SERTA BERTAJWID**

| | |
|---|---|
| قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي | 1 |
| وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي | 2 |
| لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾ | 3 |
| لَا شَرِيكَ لَهُۥ ۖ | 4 |
| وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ | 5 |
| وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾ | 6 |



syabas181@gmail.com

**AKTIVITI**
1. Hafal ayat 102 103 surah al-An'am
2. Perdengarkan bacaan anda di hadapan guru
3. Perdengarkan bacaan anda kepada rakan sementar akan menandakan √ tahap penguasaan anda

| BERTAJWID | LANCAR | BETUL | POTONGAN AYAT | |
|---|---|---|---|---|
| | | | قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي | 1 |
| | | | وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي | 2 |
| | | | لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٦٢﴾ | 3 |
| | | | لَا شَرِيكَ لَهُۥ ۖ | 4 |
| | | | وَبِذَٰلِكَ أُمِرْتُ | 5 |
| | | | وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾ | 6 |

4. Laksanakan aktiviti **RALLY TABLE** untuk menyemak bacaan sendiri dengan rakan

**PENILAIAN**
1. Baca ayat 162-163 surah al-An'am di hadapan guru.
2. Perdengarkan hafazan ayat 162-163 surah al-an'aam di hadapan guru.
3. Nyatakan dua intisari ayat


syabas181@gmail.com

## 02:UNIT 1: AL QURAN : HAFAZAN: SURAH AL-KAHFI: 18, AYAT:101-106

**BACA DENGAN BETUL, LANCAR DAN BERTAJWID**

ٱلَّذِينَ كَانَتۡ أَعۡيُنُهُمۡ فِي غِطَآءٍ عَن ذِكۡرِي وَكَانُواْ لَا يَسۡتَطِيعُونَ سَمۡعًا ﴿١٠١﴾
أَفَحَسِبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَن يَتَّخِذُواْ عِبَادِي مِن دُونِيٓ أَوۡلِيَآءَۚ إِنَّآ أَعۡتَدۡنَا
جَهَنَّمَ لِلۡكَٰفِرِينَ نُزُلٗا ﴿١٠٢﴾ قُلۡ هَلۡ نُنَبِّئُكُم بِٱلۡأَخۡسَرِينَ أَعۡمَٰلًا ﴿١٠٣﴾ ٱلَّذِينَ
ضَلَّ سَعۡيُهُمۡ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا وَهُمۡ يَحۡسَبُونَ أَنَّهُمۡ يُحۡسِنُونَ صُنۡعًا ﴿١٠٤﴾
أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمۡ وَلِقَآئِهِۦ فَحَبِطَتۡ أَعۡمَٰلُهُمۡ فَلَا نُقِيمُ لَهُمۡ
يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ وَزۡنٗا ﴿١٠٥﴾ ذَٰلِكَ جَزَآؤُهُمۡ جَهَنَّمُ بِمَا كَفَرُواْ وَٱتَّخَذُوٓاْ ءَايَٰتِي
وَرُسُلِي هُزُوًا ﴿١٠٦﴾

(Surah al-Kahfi:18, ayat:101-106)

**Maksud:**
Orang yang matanya telah tertutup daripada melihat tanda-tanda yang membawa kepada mengingatiku dan mereka pula tidak dapat mendengar sama sekali.Maka Adakah orang kafir menyangka bahawa mereka mengambil hamba-hamba-ku sebagai makhluk yang di sembah selain aku, dapat menolong mereka? Sesungguhnya kami telah sediakan Neraka Jahanam bagi orang kafir Itu sebagai tempat tetamu.Katakanlah, “Mahukah kami khabarkan kepada kamu akan orang yang rugi amal perbuatannya?”Orang yang sia-sia usahanya dalam kehidupan ini sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul pada apa yang dilakukan oleh mereka.Merekalah orang yang ingkar akan ayat-ayat Tuhan mereka dan pertemuan dengannya, Maka gugurlah amal-amal mereka maka kami tidak akan memberikan timbangan untuk menilai amal mereka, pada hari kiamat kelak. Demikianlah, balasan mereka ialah neraka jahannam disebabkan mereka ingkar, dan mereka menjadikan ayat-ayat ku dan rasul-rasul ku sebagai ejek-ejekan.

**PAUTAN KOD QR: BACAAN AYAT HAFAZAN**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1684


syabas181@gmail.com

## BACA POTONGAN AYAT DENGAN BETUL, LANCAR DAN BERTAJWID

| | |
|---|---|
| Orang yang matanya telah tertutup daripada melihat tanda-tanda yang membawa kepada mengingatiku dan mereka pula tidak dapat mendengar sama sekali. | ٱلَّذِينَ كَانَتۡ أَعۡيُنُهُمۡ فِي غِطَآءٍ عَن ذِكۡرِي وَكَانُواْ لَا يَسۡتَطِيعُونَ سَمۡعًا ١٠١ |
| Maka Adakah orang kafir menyangka bahawa mereka mengambil hamba-hamba-ku sebagai makhluk yang di sembah selain aku, dapat menolong mereka? Sesungguhnya kami telah sediakan Neraka Jahanam bagi orang kafir Itu sebagai tempat tetamu. | أَفَحَسِبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَن يَتَّخِذُواْ عِبَادِي مِن دُونِيٓ أَوۡلِيَآءَۚ إِنَّآ أَعۡتَدۡنَا جَهَنَّمَ لِلۡكَٰفِرِينَ نُزُلٗا ١٠٢ |
| Katakanlah, "Mahukah kami khabarkan kepada kamu akan orang yang rugi amal perbuatannya?" | قُلۡ هَلۡ نُنَبِّئُكُم بِٱلۡأَخۡسَرِينَ أَعۡمَٰلًا ١٠٣ |
| Orang yang sia-sia usahanya dalam kehidupan ini sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul pada apa yang dilakukan oleh mereka. | ٱلَّذِينَ ضَلَّ سَعۡيُهُمۡ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا وَهُمۡ يَحۡسَبُونَ أَنَّهُمۡ يُحۡسِنُونَ صُنۡعًا ١٠٤ |
| Merekalah orang yang ingkar akan ayat-ayat Tuhan mereka dan pertemuan dengannya, Maka gugurlah amal-amal mereka maka kami tidak akan memberikan timbangan untuk menilai amal mereka, pada hari kiamat kelak | أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمۡ وَلِقَآئِهِۦ فَحَبِطَتۡ أَعۡمَٰلُهُمۡ فَلَا نُقِيمُ لَهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ وَزۡنٗا ١٠٥ |
| Demikianlah, balasan mereka ialah neraka jahannam disebabkan mereka ingkar, dan mereka menjadikan ayat-ayat ku dan rasul-rasul ku sebagai ejek-ejekan. | ذَٰلِكَ جَزَآؤُهُمۡ جَهَنَّمُ بِمَا كَفَرُواْ وَٱتَّخَذُوٓاْ ءَايَٰتِي وَرُسُلِي هُزُوًا ١٠٦ |

## INTISARI AYAT

1. Orang yang telah tertutup pintu hati tidak akan dapat melihat tanda-tanda kekuasaan .
2. Allah Allah menyediakan Neraka Jahanam bagi sesiapa sahaja yang mensyirikkanNya
3. Orang yang mempersendakan ayat Allah dan menghina para rasulnya ialah golongan yang rugi.
4. Orang yang ingkar perintah Allah akan ditolak amal kebaikan pada hari kiamat.

**SPEKTRUM ILMU**
Abu Darda’ RA meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda:

مَنْ حَفِظَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ آخِرِ سُورَةِ الْكَهْفِ عُصِمَ مِنْ فِتْنَةِ الدَّجَّالِ.

(Riwayat Muslim)

**Maksud:**
Sesiapa yang menghafaz 10 ayat terakhir surah al-Kahfi maka dia akan terhindar dari fitnah dajjal

**HAFADZ POTONGAN AYAT DENGAN BETUL, LANCAR, DAN BERTAJWID**

| BERTAJWID | LANCAR | BETUL | POTONGAN AYAT | |
|---|---|---|---|---|
| | | | ٱلَّذِينَ كَانَتۡ أَعۡيُنُهُمۡ فِي غِطَآءٍ عَن ذِكۡرِي | 1 |
| | | | وَكَانُواْ لَا يَسۡتَطِيعُونَ سَمۡعًا ١٠١ | 2 |
| | | | أَفَحَسِبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ | 3 |
| | | | أَن يَتَّخِذُواْ عِبَادِي مِن دُونِيٓ أَوۡلِيَآءَۚ | 4 |
| | | | إِنَّآ أَعۡتَدۡنَا جَهَنَّمَ لِلۡكَٰفِرِينَ نُزُلٗا ١٠٢ | 5 |
| | | | قُلۡ هَلۡ نُنَبِّئُكُم بِٱلۡأَخۡسَرِينَ أَعۡمَٰلًا ١٠٣ | 6 |
| | | | ٱلَّذِينَ ضَلَّ سَعۡيُهُمۡ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا | 7 |
| | | | وَهُمۡ يَحۡسَبُونَ أَنَّهُمۡ يُحۡسِنُونَ صُنۡعًا ١٠٤ | 8 |
| | | | أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمۡ وَلِقَآئِهِۦ | 9 |
| | | | فَحَبِطَتۡ أَعۡمَٰلُهُمۡ | 10 |
| | | | فَلَا نُقِيمُ لَهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ وَزۡنٗا ١٠٥ | 11 |
| | | | ذَٰلِكَ جَزَآؤُهُمۡ جَهَنَّمُ بِمَا كَفَرُواْ | 12 |
| | | | وَٱتَّخَذُوٓاْ ءَايَٰتِي وَرُسُلِي هُزُوًا ١٠٦ | 13 |

**AKTIVITI**

1. Hafal ayat 101 106 surah Al Kahfi
2. Perdengarkan bacaan anda di hadapan guru.
3. Perdengarkan bacaan dan kepada rakan, minta rakan menandakan tahap penguasaan anda.

| BERTAJWID | LANCAR | BETUL | POTONGAN AYAT | |
|---|---|---|---|---|
| | | | ٱلَّذِينَ كَانَتۡ أَعۡيُنُهُمۡ فِي غِطَآءٍ عَن ذِكۡرِي<br>وَكَانُواْ لَا يَسۡتَطِيعُونَ سَمۡعًا ١٠١ | 1 |
| | | | أَفَحَسِبَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَن يَتَّخِذُواْ عِبَادِي<br>مِن دُونِيٓ أَوۡلِيَآءَۚ إِنَّآ أَعۡتَدۡنَا جَهَنَّمَ<br>لِلۡكَٰفِرِينَ نُزُلٗا ١٠٢ | 2 |
| | | | قُلۡ هَلۡ نُنَبِّئُكُم بِٱلۡأَخۡسَرِينَ أَعۡمَٰلًا ١٠٣ | 3 |
| | | | ٱلَّذِينَ ضَلَّ سَعۡيُهُمۡ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا وَهُمۡ<br>يَحۡسَبُونَ أَنَّهُمۡ يُحۡسِنُونَ صُنۡعًا ١٠٤ | 4 |
| | | | أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمۡ وَلِقَآئِهِۦ<br>فَحَبِطَتۡ أَعۡمَٰلُهُمۡ فَلَا نُقِيمُ لَهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ<br>وَزۡنٗا ١٠٥ | 5 |
| | | | ذَٰلِكَ جَزَآؤُهُمۡ جَهَنَّمُ بِمَا كَفَرُواْ وَٱتَّخَذُوٓاْ<br>ءَايَٰتِي وَرُسُلِي هُزُوًا ١٠٦ | 6 |

4. Laksanakan aktiviti tasmik dan tahsin secara berkumpulan.
5. Jalankan aktiviti **JIGSAW READING** untuk memantapkan lagi hafazan ayat 101 -106 surah Al Kahfi

**PENILAIAN**

1. Baca ayat 101-106 surah Al-Kahfi di hadapan guru.
2. Perdengarkan hafazan anda di hadapan guru.
3. Nyatakan dua intisari ayat

## 02:UNIT 2: AL QURAN : HAFAZAN SURAH AL-KAHFI: 18, AYAT:107-110

### BACA DENGAN BETUL, LANCAR DAN BERTAJWID

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ كَانَتْ لَهُمْ جَنَّـٰتُ ٱلْفِرْدَوْسِ نُزُلًا ﴿١٠٧﴾ خَـٰلِدِينَ فِيهَا
لَا يَبْغُونَ عَنْهَا حِوَلًا ﴿١٠٨﴾ قُل لَّوْ كَانَ ٱلْبَحْرُ مِدَادًا لِّكَلِمَـٰتِ رَبِّى لَنَفِدَ ٱلْبَحْرُ قَبْلَ أَن
تَنفَدَ كَلِمَـٰتُ رَبِّى وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِۦ مَدَدًا ﴿١٠٩﴾ قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ
إِلَـٰهُكُمْ إِلَـٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ فَمَن كَانَ يَرْجُوا۟ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَـٰلِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ
رَبِّهِۦٓ أَحَدًۢا ﴿١١٠﴾

(Surah al-Kahfi:18, ayat:107-110)

**Maksud:**
Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh, disediakan bagi mereka syurga-syurga Firdaus sebagai tempat tetamu.Mereka kekal di dalamnya, dan tidak ingin berpindah daripadanya.Katakanlah, "Kalau semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah-kalimah tuhanmu sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah-kalimah Tuhanku Walaupun kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya sebagai bantuan."Katakanlah, "Sesungguhnya Aku hanyalah seorang manusia seperti kamu diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang satu maka sesiapa yang berharap akan bertemu tuhanmu, hendaklah ia mengerjakan amal soleh dan Janganlah ia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadatnya kepada tuhanNya."

### PAUTAN KOD QR: BACAAN AYAT HAFAZAN
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1715

### BACA POTONGAN AYAT DENGAN BETUL, LANCAR DAN BERTAJWID

| | |
|---|---|
| Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh, disediakan bagi mereka syurga-syurga Firdaus sebagai tempat tetamu. | إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ كَانَتْ لَهُمْ جَنَّـٰتُ ٱلْفِرْدَوْسِ نُزُلًا ﴿١٠٧﴾ |
| Mereka kekal di dalamnya, dan tidak ingin berpindah daripadanya. | خَـٰلِدِينَ فِيهَا لَا يَبْغُونَ عَنْهَا حِوَلًا ﴿١٠٨﴾ |
| Katakanlah, "Kalau semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah-kalimah tuhanmu sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah-kalimah Tuhanku Walaupun kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya sebagai bantuan." | قُل لَّوْ كَانَ ٱلْبَحْرُ مِدَادًا لِّكَلِمَـٰتِ رَبِّى لَنَفِدَ ٱلْبَحْرُ قَبْلَ أَن تَنفَدَ كَلِمَـٰتُ رَبِّى وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِۦ مَدَدًا ﴿١٠٩﴾ |


syabas181@gmail.com

| | |
|---|---|
| Katakanlah, “Sesungguhnya Aku hanyalah seorang manusia seperti kamu diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang satu maka sesiapa yang berharap akan bertemu tuhanmu, hendaklah ia mengerjakan amal soleh dan Janganlah ia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadatnya kepada tuhanNya.” | قُلۡ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٞ مِّثۡلُكُمۡ يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمۡ إِلَٰهٞ وَٰحِدٞۖ فَمَن كَانَ يَرۡجُواْ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلۡيَعۡمَلۡ عَمَلٗا صَٰلِحٗا وَلَا يُشۡرِكۡ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدَۢا ١١٠ |

**INTISARI AYAT**

1. Allah akan mengurniakan syurga Firdaus kepada orang yang beramal soleh.
2. Orang yang beramal soleh akan kekal di dalam syurga Firdaus.
3. Kehebatan dan keluasan ilmu Allah tiada tandingannya..
4. Para rasul dilantik dalam kalangan manusia yang diberikan Wahyu untuk disampaikan kepada umatnya.
5. Orang yang rindu untuk bertemu dengan tuhannya akan sentiasa beramal soleh serta menjauhi perbuatan syirik.

**SPEKTRUM ILMU**

Allah berfirman :

وَلَوۡ أَنَّمَا فِي ٱلۡأَرۡضِ مِن شَجَرَةٍ أَقۡلَٰمٞ وَٱلۡبَحۡرُ يَمُدُّهُۥ مِنۢ بَعۡدِهِۦ سَبۡعَةُ أَبۡحُرٖ مَّا نَفِدَتۡ كَلِمَٰتُ ٱللَّهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٞ ٢٧

(Surah Luqman:31,ayat:27)

**Maksud:**
Sekiranya segala pohon yang ada di bumi (seluruh dunia) menjadi Pena dan seluruh lautan (menjadi tinta) dengan dibantu pula tujuh lautan lagi selepas itu, pasti tidak akan habis kalimah-kalimah Allah itu ditulis, Sesungguhnya Allah maha Perkasa lagi Maha bijaksana.



s y a b a s 1 8 1 @ g m a i l . c o m

## HAFADZ POTONGAN AYAT DENGAN BETUL, LANCAR, DAN BERTAJWID

| POTONGAN AYAT | |
|---|---|
| إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ | 1 |
| كَانَتۡ لَهُمۡ جَنَّٰتُ ٱلۡفِرۡدَوۡسِ نُزُلًا ١٠٧ | 2 |
| خَٰلِدِينَ فِيهَا لَا يَبۡغُونَ عَنۡهَا حِوَلٗا ١٠٨ | 3 |
| قُل لَّوۡ كَانَ ٱلۡبَحۡرُ مِدَادٗا لِّكَلِمَٰتِ رَبِّي | 4 |
| لَنَفِدَ ٱلۡبَحۡرُ قَبۡلَ أَن تَنفَدَ كَلِمَٰتُ رَبِّي | 5 |
| وَلَوۡ جِئۡنَا بِمِثۡلِهِۦ مَدَدٗا ١٠٩ | 6 |
| قُلۡ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٞ مِّثۡلُكُمۡ | 7 |
| يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمۡ إِلَٰهٞ وَٰحِدٞۖ | 8 |
| فَمَن كَانَ يَرۡجُواْ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلۡيَعۡمَلۡ عَمَلٗا صَٰلِحٗا | 9 |
| وَلَا يُشۡرِكۡ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدَۢا ١١٠ | 10 |

**AKTIVITI**

6. Hafal ayat 107 110 surah Al Kahfi
7. Perdengarkan bacaan anda di hadapan guru.
8. Perdengarkan bacaan dan kepada rakan, minta rakan menandakan tahap penguasaan anda.

| BERTAJWID | LANCAR | BETUL | POTONGAN AYAT | |
|---|---|---|---|---|
| | | | إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ كَانَتْ لَهُمْ<br>جَنَّٰتُ ٱلْفِرْدَوْسِ نُزُلًا ﴿١٠٧﴾ | 1 |
| | | | خَٰلِدِينَ فِيهَا لَا يَبْغُونَ عَنْهَا حِوَلًا ﴿١٠٨﴾ | 2 |
| | | | قُل لَّوْ كَانَ ٱلْبَحْرُ مِدَادًا لِّكَلِمَٰتِ رَبِّى لَنَفِدَ<br>ٱلْبَحْرُ قَبْلَ أَن تَنفَدَ كَلِمَٰتُ رَبِّى وَلَوْ جِئْنَا<br>بِمِثْلِهِۦ مَدَدًا ﴿١٠٩﴾ | 3 |
| | | | قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ<br>إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ فَمَن كَانَ يَرْجُوا۟ لِقَآءَ رَبِّهِۦ<br>فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَٰلِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ<br>أَحَدًۢا ﴿١١٠﴾ | 4 |

9. Jalankan aktiviti **TALK PARTNER** untuk memantapkan lagi hafazan ayat 107 -110 surah Al Kahfi

**PENILAIAN**

4. Baca ayat 107-110 surah Al-Kahfi di hadapan guru.
5. Perdengarkan hafazan anda di hadapan guru.
6. Nyatakan dua intisari ayat

## 03: AL QURAN : HUKUM TAJWID

### HUKUM MAD SILAH, MAD LAZIM DAN QALQALAH

| **MAT SILAH** |
| --- |
| Ialah Mad, yang terdapat selepas huruf Ha Dhomir (ـه) yang berbaris Kasrah (ـِ) (bawah) atau berbaris Dhommah (ـُ) (depan) |

| **MAD SILAH QASIRAH** |
| --- |
| • Apabila Ha dhomir (ـه) terletak di antara dua huruf berbaris<br>• Bertemu dengan huruf hijaiyah Selain huruf Hamzah (ء) ,<br>• Pada dua kalimah berlainan |
| **Cara Bacaan**<br>2 harakat |
| **CONTOH** |
| <br> |

| **MAD SILAH TAWILAH** |
| --- |
| • Apabila ha Dhomir (ـه) terletak di antara dua huruf berbaris,<br>• Bertemu dengan huruf Hamzah (ء),<br>• Pada dua kalimah yang berlainan |
| **Cara Bacaan**<br>4 atau 5 harakat |
| **CONTOH** |
| <br> |

**SPEKTRUM ILMU**

Ha Dhomir (ـه) , ganti nama dalam Bahasa Arab yang bermaksud "ن" (Nya)

**PAUTAN KOD QR : CARA BACAAN MAD SILAH QASIRAH**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1718

**PAUTAN KOD QR: CARA BACAAN MAD SILAH TOWILAH**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1719

**MAD LAZIM**

Mad lazim ialah huruf Mad **(ا/و/ي)** bertemu dengan huruf yang bertanda sukun (mati) ketika bacaan secara wasal atau wakaf

**CARA BACAAN**

6 harakat

**MAD LAZIM KALIMI**

Huruf Mad **(ا/و/ي)** bertemu dengan huruf bertanda sukun (mati) dalam satu kalimah

**MAD LAZIM KALIMI MUKHAFFAF**

- Huruf Mad bertemu dengan huruf bertanda sukun
- Tidak bersyaddah (sabdu)
- Dalam satu kalimah
- Tidak dibaca secara Idgham

**CONTOH**







**MAD LAZIM KALIMI MUSAQQAL**

- Huruf Mad bertemu dengan huruf bertanda sukun
- Bersyahadah (sabdu)
- Dalam satu kalimah
- Dibaca secara Idgham

**CONTOH**







**PAUTAN KOD QR: CARA BACAAN MAD LAZIM KALIMI MUKHAFFAF**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1923

**PAUTAN KOD QR: CARA BACAAN MAD LAZIM KALIMI MUSAQQAL**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1924


syabas181@gmail.com

**MAD LAZIM HARFI**

Huruf mad **(ا/و/ي)** yang terdapat pada ***FAWATIH SURAH*** bertemu huruf yang bertanda sukun yang ejaannya menjadi hukum mad asli.

**MAD LAZIM HARFI MUKHAFFAF**

- Huruf mad yang terdapat pada ***Fawatih Suwar***
- Bertemu huruf bertanda sukun
- Tidak dibaca secara Idgham

**CONTOH**







**MAD LAZIM HARFI MUSAQQAL**

- Huruf mad yang terdapat pada ***Fawatih Suwar***
- Bertemu huruf bertanda sukun
- Dibaca secara Idgham

**CONTOH**







**PAUTAN KOD QR: CARA BACAAN MAD LAZIM HARFI MUKHAFFAF**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1925

**PAUTAN KOD QR: CARA BACAAN MAD LAZIM HARFI MUSAQQAL**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1926

**SPEKTRUM ILMU**

- **FAWATIH SUWAR**
  Potongan ayat yang terdapat pada permulaan surah
- **IDGHAM**
  Dimasukkan bunyi huruf pertama ke dalam huruf yang kedua

**SPEKTRUM ILMU**

**Cara Mudah Mengenal Pasti Hukum Mad Lazim**











syabas181@gmail.com

| **QALQALAH** |
| --- |
| .Bunyi ***lantunan*** ketika menyebut huruf-huruf **Qalqalah** ق ط ب ج د |

| **1. QALQALAH SUGRA** | **2. QALQALAH KUBRA** | **3. QALQALAH KUBRA** |
| --- | --- | --- |
| • Huruf Qalqalah yang berbaris sukun pada pertengahan kalimah Atau pada hujung kalimah<br>• Ketika bacaan cara wasal | • Huruf Qalqalah yang berbaris sukun atau sukun Yang mendatang berada pada hujung kalimah<br>• Ketika bacaan cara waqaf | • Huruf Qalqalah yang berbaris syaddah (sabdu) ada pada hujung kalimah<br>• Ketika bacaan waqaf |
| | | |
| **CARA BACAAN**<br>Bunyi ***lantunan yang rendah*** ketika menyebut huruf Qalqalah yang berbaris ***sukun*** | **CARA BACAAN**<br>Bunyi ***lantunan kuat*** ketika menyebut huruf Qalqalah ketika ***Waqaf*** | **CARA BACAAN**<br>Bunyi **lantunan *lebih*** kuat ketika menyebut huruf Qalqalah ketika ***Waqaf*** |
| | | |
| **CONTOH**<br>سَنُقْرِئُكَ فَلَا تَنسَىٰٓ<br>وَتَصَدَّقْ عَلَيْنَآ | **CONTOH**<br>ثَمَٰنِيَ حِجَجٍ<br>وَلَمْ يُولَدْ | **CONTOH**<br>وَلَا جِدَالَ فِي ٱلْحَجِّ<br>قُلِ ٱللَّهُ يَهْدِي لِلْحَقِّ |

**(Sumber: Hidayah al-Qari ila Tajwid Kalam al-Bari)**

**PAUTAN KOD QR: CARA BACAAN QALQALAH SUGHRA**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1927

**PAUTAN KOD QR: CARA BACAAN QALQALAH KUBRA**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1928

**PAUTAN KOD QR: CARA BACAAN QALQALAH AKBAR**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1930

## AKTIVITI

1. Baca al-Quran dan cari ayat yang mengandungi hukum Mad Silah, Mad Lazim dan Qalqalah. Lakukan aktiviti **COMBO MAT** secara bergilir-gilir.
2. Secara berkumpulan tentukan hukum Mad Silah, Mad Lazim dan Qalqalah. Dalam ayat 1-10 surah al-a'raf

الٓمٓصٓ ١ كِتَٰبٌ أُنزِلَ إِلَيۡكَ فَلَا يَكُن فِي صَدۡرِكَ حَرَجٞ مِّنۡهُ لِتُنذِرَ بِهِۦ وَذِكۡرَىٰ
لِلۡمُؤۡمِنِينَ ٢ ٱتَّبِعُواْ مَآ أُنزِلَ إِلَيۡكُم مِّن رَّبِّكُمۡ وَلَا تَتَّبِعُواْ مِن دُونِهِۦٓ أَوۡلِيَآءَۗ قَلِيلٗا مَّا
تَذَكَّرُونَ ٣ وَكَم مِّن قَرۡيَةٍ أَهۡلَكۡنَٰهَا فَجَآءَهَا بَأۡسُنَا بَيَٰتًا أَوۡ هُمۡ قَآئِلُونَ ٤ فَمَا كَانَ
دَعۡوَىٰهُمۡ إِذۡ جَآءَهُم بَأۡسُنَآ إِلَّآ أَن قَالُوٓاْ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ٥ فَلَنَسۡـَٔلَنَّ ٱلَّذِينَ أُرۡسِلَ إِلَيۡهِمۡ
وَلَنَسۡـَٔلَنَّ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ٦ فَلَنَقُصَّنَّ عَلَيۡهِم بِعِلۡمٖۖ وَمَا كُنَّا غَآئِبِينَ ٧ وَٱلۡوَزۡنُ يَوۡمَئِذٍ
ٱلۡحَقُّۚ فَمَن ثَقُلَتۡ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ٨ وَمَنۡ خَفَّتۡ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُوْلَٰٓئِكَ
ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓاْ أَنفُسَهُم بِمَا كَانُواْ بِـَٔايَٰتِنَا يَظۡلِمُونَ ٩ وَلَقَدۡ مَكَّنَّٰكُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ
وَجَعَلۡنَا لَكُمۡ فِيهَا مَعَٰيِشَۗ قَلِيلٗا مَّا تَشۡكُرُونَ ١٠

(Surah al-A’raf:7, Ayat:1-10)

| POTONGAN AYAT | HUKUM | CARA BACAAN |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |

## PENILAIAN

1. Jelaskan maksud dan cara bacaan hukum tajwid berikut

| | |
|---|---|
| • Mad Silah Qasirah<br>• Mad Silah Tawilah<br>• Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf<br>• Mad Lazim Kalimi Musaqqal<br>• Mad Lazim Harfi Mukhaffaf | • Mad Lazim Harfi Musaqqal<br>• Qalqalah Sugra<br>• Qalqalah Kubra<br>• Qalqalah Akbar |


syabas181@gmail.com

2. Baca dan padankan ayat berikut dengan hukum tajwid yang tepat ayat hukum tajwid

| | اية | حكوم تجويد |
|---|---|---|
| a | ءَآلْـَٰٔنَ وَقَدْ عَصَيْتَ | مد صلة طويلة |
| b | كُنتُمْ تُشَٰٓقُّونَ فِيهِمْ | مد صلة قصيرة |
| c | أَن تَأْجُرَنِى ثَمَٰنِىَ حِجَجٍ | مد لازم كليمي مثقل |
| d | صٓ وَٱلْقُرْءَانِ ذِى ٱلذِّكْرِ | مد لازم كليمي مخفف |
| e | لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ | مد لازم حرفي مثقل |
| f | دَعَانَا لِجَنۢبِهِۦٓ أَوْ قَاعِدًا | مد لازم حرفي مخفف |
| g | وَأَنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ | قلقلة كبرى |
| h | حمٓ | قلقلة أكبر |
| h | فَقَالُوا۟ يَٰلَيْتَنَا نُرَدُّ | قلقلة صغرى |

3. Tentukan hukum dan baca ayat berikut

| | | | |
|---|---|---|---|
| a | وَٱلَّيْلِ وَمَا وَسَقَ | b | يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ |
| c | مِن كُلِّ دَآبَّةٍ | d | وَأُمِّهِۦ وَأَبِيهِ |
| e | يسٓ | f | كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ ٱللَّهُ |

4. Jelaskan cara bacaan ayat berikut

| | | | |
|---|---|---|---|
| a | لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ | b | الٓمٓصٓ ① كِتَٰبٌ أُنزِلَ إِلَيْكَ |
| c | وَوَجَدَكَ ضَآلًّا فَهَدَىٰ | d | خَلَقَ ٱلْإِنسَٰنَ مِنْ عَلَقٍ |
| e | وَلَئِنْ أَذَقْنَٰهُ نَعْمَآءَ بَعْدَ ضَرَّآءَ | f | مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ |

5. Senaraikan tiga contoh bagi setiap hukum tajwid berikut serta cara bacaannya
   a) Mad Silah Tawilah,
   b) Mad Lazim Harfi Mukhaffaf
   c) Mad Lazim Kalimi Musaqqal
   d) Qalqalah Sughra

## 04: AL QURAN: KEFAHAMAN: LARANGAN RASUAH

### BACA DENGAN BETUL, LANCAR DAN BERTAJWID

وَلَا تَأۡكُلُوٓاْ أَمۡوَٰلَكُم بَيۡنَكُم بِٱلۡبَٰطِلِ وَتُدۡلُواْ بِهَآ إِلَى ٱلۡحُكَّامِ لِتَأۡكُلُواْ فَرِيقٗا مِّنۡ أَمۡوَٰلِ
ٱلنَّاسِ بِٱلۡإِثۡمِ وَأَنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ١٨٨

(Surah al-Baqarah: 2, ayat:188)

### PAUTAN KOD QR: BACAAN AYAT KEFAHAMAN
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1697

**Maksud:**
Dan Janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) ,antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu memberikan rasuah kepada para hakim, kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan dosa, sedangkan kamu mengetahui salahnya

### BACA POTONGAN AYAT DENGAN BETUL DAN FAHAMI MAKSUDNYA

| | |
|---|---|
| Dan Janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) | وَلَا تَأۡكُلُوٓاْ أَمۡوَٰلَكُم |
| Antara kamu dengan jalan yang salah, | بَيۡنَكُم بِٱلۡبَٰطِلِ |
| Dan jangan pula kamu memberikan rasuah kepada para hakim | وَتُدۡلُواْ بِهَآ إِلَى ٱلۡحُكَّامِ |
| Kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan dosa, | لِتَأۡكُلُواْ فَرِيقٗا مِّنۡ أَمۡوَٰلِ ٱلنَّاسِ بِٱلۡإِثۡمِ |
| Sedangkan kamu mengetahui salahnya | وَأَنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ١٨٨ |

### LARANGAN ALLAH BERDASARKAN AYAT

Allah melarang manusia mengambil harta orang lain dengan cara berikut:

- Rasuah
- Riba
- Judi
- Mencuri
- Merompak
- Menipu
- Salah guna kuasa

**PENGERTIAN RASUAH**

Sebarang pemberian atau suapan yang bertujuan memalukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan

**BENTUK KESALAHAN RASUAH**

1. Meminta atau menerima rasuah
2. Menawarkan atau memberikan rasuah
3. Mengemukakan tuntutan palsu
4. Menyalahgunakan kedudukan atau jawatan untuk kepentingan tertentu

**SPEKTRUM ILMU**

1. **Memalsukan Kebenaran**
   Contohnya :
   Memberikan rasuah kepada seseorang agar menyimpan rahsia supaya kebenaran tidak dibongkarkan

2. **Membenarkan Kepalsuan**
   Contohnya:
   Memberikan rasuah untuk meluluskan tender sehingga menutup peluang orang lain yang lebih layak

**KESAN PERBUATAN RASUAH**

1. Allah dan rasulnya melaknat pemberi dan penerima rasuah
2. Menjadikan individu hilang harga diri kerana perbuatan itu berdosa.
3. Melumpuhkan ekonomi negara akibat daripada kos pengurusan yang meningkat.
4. Meningkatkan kes jenayah dalam masyarakat Kerana sifat mementingkan diri sendiri

**SPEKTRUM ILMU**

Abu Hurairah dan Abdullah bin Umar meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَعَنَ رَسُولُ اللهِ ﷺ الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِي.

(Riwayat at-Tirmizi, Abu Daud, dan Ibnu Majah)

**Maksud:**

Rasulullah melaknat orang yang memberikan dan menerima rasuah

**PENGAJARAN AYAT**

1. **Kita** hendaklah mencari rezeki yang halal **agar** tidak menyalahi Syariat Islam.
2. **Kita** hendaklah menjauhkan diri daripada memberikan rasuah **supaya** kita tidak menzalimi diri dan masyarakat.
3. **Kita** hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan sumpah palsu **untuk** mendapatkan kepentingan tertentu

**AKTIVITI**

1. Laksanakan aktiviti tasmik dan tahsin secara berkumpulan.
2. Laksanakan aktiviti **GOLDFISH BOWL** untuk menyebut maksud potongan ayat Cari maklumat melalui Internet tentang rasuah kemudian melaksanakan aktiviti **INSIDE OUTSIDE CIRCLE**
3. Bina peta pemikiran untuk menjelaskan kesan melakukan rasuah dalam kehidupan

**PENILAIAN**

1. Baca ayat 188 surah al-baqarah di hadapan guru secara bertajwid.
2. Nyatakan maksud potongan ayat berikut:

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | أَمۡوَٰلَكُم | 3 | إِلَى ٱلۡحُكَّامِ | 5 | ٱلنَّاس |
| 2 | بِٱلۡبَٰطِلِ | 4 | لِتَأۡكُلُو | 6 | وَأَنتُمۡ تَعۡلَمُونَ |

3. Nyatakan maksud rasuah.
4. Jelaskan larangan Allah yang terdapat dalam ayat tersebut.
5. Jelaskan dua bentuk perbuatan rasuah.
6. Terangkan dua pengajaran ayat.
7. 

Bincangkan peranan anggota masyarakat untuk mencegah perbuatan rasuah.


syabas181@gmail.com

## 05: AL QURAN : KEFAHAMAN: MEMAHAMI SUNNATULLAH

### BACA DENGAN BETUL, LANCAR DAN BERTAJWID

قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَـٰقِبَةُ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾
هَـٰذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا۟ وَلَا تَحْزَنُوا۟ وَأَنتُمُ
ٱلْأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah ali-Imran: 3, ayat:137-139)

**PAUTAN KOD QR: BACAAN AYAT KEFAHAMAN**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1696

**Maksud:**
Sesungguhnya telah berlaku Sebelum kamu sunnah-sunnah ( peraturan dan ketetapan Allah) Maka mengembaralah kamu di muka bumi, Kemudian perhatikanlah bagaimana kesudahan golongan pendusta, (al-Quran) ini ialah penerangan kepada seluruh umat manusia, Dan petunjuk serta pengajaran bagi orang yang (hendak) bertaqwa, dan Janganlah kamu merasa lemah dan Janganlah kamu berdukacita , Pada hal kamu orang tertinggi (darjatnya) Jika kamu orang yang beriman

### BACA POTONGAN AYAT DENGAN BETUL DAN FAHAMI MAKSUDNYA

| | |
|---|---|
| Sesungguhnya telah berlaku Sebelum kamu sunnah-sunnah ( peraturan dan ketetapan Allah) | قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُمْ سُنَنٌ |
| Maka mengembaralah kamu di muka bumi, | فَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ |
| Kemudian perhatikanlah bagaimana kesudahan golongan pendusta | فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَـٰقِبَةُ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾ |
| (Al-Quran) ini ialah penerangan kepada seluruh umat manusia | هَـٰذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ |
| Dan petunjuk serta pengajaran bagi orang yang (hendak) bertaqwa | وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ |
| Dan Janganlah kamu merasa lemah dan Janganlah kamu berdukacita | وَلَا تَهِنُوا۟ وَلَا تَحْزَنُوا۟ |
| Pada hal kamu orang tertinggi (darjatnya) Jika kamu orang yang beriman | وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾ |

**SEBAB TURUN AYAT 139**

Ibnu Abbas berkata ketika para sahabat nabi mengalami kekalahan dalam Perang Uhud. Lalu Rasulullah berdoa:

"Ya Allah Janganlah engkau Biarkan mereka menewaskan kami, Ya Allah tiada daya melainkan kekuatanmu , Ya Allah tiada lagi akan menyembahmu kecuali kumpulan kami ini, Maka bantulah kami." Lalu turunlah ayat ini .

**(Wahbah az-Zuhaily: Tafsir al-Munir)**

**SPEKTRUM ILMU**

- Perang Uhud berlaku pada tahun ke3H, Tahun 625M,
- Diantara tentera Islam dengan kaum kafir Quraisy,
- Peperangan ini dinamakan Perang Uhud kerana berlaku di Bukit Uhud

**KONSEP SUNNATULLAH**

**Maksud Sunnatullah**

Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah terhadap semua makhluk, dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut.

Sunnatullah meliputi perkara berikut:

**1. SUNNATULLAH BERSIFAT TETAP DAN KEKAL DENGAN IZIN ALLAH**

Allah berfirman:

وَقَرۡنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجۡنَ تَبَرُّجَ ٱلۡجَٰهِلِيَّةِ ٱلۡأُولَىٰۖ وَأَقِمۡنَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتِينَ ٱلزَّكَوٰةَ
وَأَطِعۡنَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓۚ إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُذۡهِبَ عَنكُمُ ٱلرِّجۡسَ أَهۡلَ ٱلۡبَيۡتِ وَيُطَهِّرَكُمۡ تَطۡهِيرٗا
٣٣

(Surah al-Ahzab: 33, ayat:62)

**Maksud:**

Demikianlah menurut sunnatullah yang berlaku kepada orang yang telah lalu, Kamu tidak akan mendapati perubahan pada sunnatullah itu.

2. **SUNNATULLAH MERANGKUMI SEMUA MAKHLUK**.

Allah berfirman:

وَلِلَّهِ يَسۡجُدُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ طَوۡعٗا وَكَرۡهٗا وَظِلَٰلُهُم بِٱلۡغُدُوِّ وَٱلۡأٓصَالِ ۩ ١٥

(Surah ar-Ra'd: 13, ayat:15)

**Maksud:**

Dan kepada Allah bersujud segala yang ada dilangit dan dibumi, dengan suka rela atau terpaksa, dan juga bayang-bayang mereka pada waktu pagi dan petang.

## SUNNATULLAH BERASASKAN KEPADA KONSEP SEBAB-MUSABAB DAN AKIBAT

Kejadian awan dan hujan berlaku melalui proses penyejatan dan kondensasi
Allah berfirman:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يُزْجِى سَحَابًا ثُمَّ يُؤَلِّفُ بَيْنَهُۥ ثُمَّ يَجْعَلُهُۥ رُكَامًا فَتَرَى ٱلْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خِلَٰلِهِۦ
وَيُنَزِّلُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مِن جِبَالٍ فِيهَا مِنۢ بَرَدٍ فَيُصِيبُ بِهِۦ مَن يَشَآءُ وَيَصْرِفُهُۥ عَن مَّن يَشَآءُ ۖ يَكَادُ
سَنَا بَرْقِهِۦ يَذْهَبُ بِٱلْأَبْصَٰرِ ﴿٤٣﴾

(Surah an-Nur: 24, ayat:43)

**Maksud:**
Tidakkah engkau melihat Bahawasanya Allah mengarahkan awan bergerak perlahan-lahan, Kemudian dia mengumpulkan antara bahagian-bahagiannya, Kemudian dia menjadikan tebal berlapis-lapis? Selepas itu engkau melihat hujan turun dari celah-celahnya, Dan Allah pula menurunkan hujan batu dari langit, daripada gumpalan awan besar, lalu dia menimpakan hujan batu itu kepada sesiapa yang dia kehendaki, Serta menjauhkan daripada sesiapa yang dia kehendaki, Sinaran kilat yang terpancar dari awan itu hampir-hampir menghilangkan penglihatannya.

## KEPENTINGAN MENGKAJI DAN MENELITI SEJARAH UMAT TERDAHULU

### 1. DAPAT MENGENAL PASTI SEBAB KEJAYAAN UMAT TERDAHULU

| CONTOH | SEBAB KEJAYAAN | AKIBAT |
|---|---|---|
| Kaum Nabi Yusuf | Menyimpan bekalan semasa musim menuai atas nasihat Nabi Yusuf | Elamat menghadapi kemarau panjang selama 7 tahun |
| Talut Dan Tenteranya | Mempunyai kelebihan ilmu pengetahuan dan tubuh yang kuat | Dapat menewaskan tentera jalut yang ramai |

### 2. DAPAT MENGETAHUI SEBAB KEMUSNAHAN UMAT TERDAHULU

| CONTOH | SEBAB KEMUSNAHAN | AKIBAT |
|---|---|---|
| Kaum Tsamud (umat Nabi Saleh) | Bersifat angkuh dan menuduh nabi shaleh pendusta | Dibinasakan dengan petir dan gempa bumi yang dahsyat |
| Kaum Luth (umat Luth) | Ingkar perintah Allah dengan mengamalkan homoseks | Dibinasakan dengan bumi diterbalikkan |

### 3. DAPAT DIJADIKAN IKTIBAR DALAM KEHIDUPAN DENGAN BERPEGANG TEGUH KEPADA AQIDAH YANG BENAR DAN BERAKHLAK MULIA


syabas181@gmail.com

**SPEKTRUM ILMU**

Firman Allah:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَـٰتٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ وَلَـٰكِن كَذَّبُوا۟ فَأَخَذْنَـٰهُم بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

(Surah al-A'raf:7, ayat:56)

**Maksud:**

Dan (Tuhan berfirman lagi) “Sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, pastilah kami akan membuka kepada mereka keberkatan dari Langit dan bumi, Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami) lalu kami timpakan Mereka dengan azab disebabkan apa apa yang telah mereka usahakan.

**KESAN MEMAHAMI SUNATULLAH**

1. Meyakini Setiap yang berlaku dalam kehidupan mengikut ketetapan dan kehendak Allah yang Maha bijaksana.
2. Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan untuk mencapai kejayaan.
3. Menerima ketetapan Allah dengan bersikap positif dalam setiap keadaan.
4. Mengkaji dan menyelidiki kejadian alam untuk pembangunan dan kemajuan umat Islam.
5. Membentuk hati membentuk jati diri dan semangat jihad yang tinggi dalam berdepan dengan cabaran kehidupan.

**SPEKTRUM ILMU**

- Fenomena kerosakkan yang berlaku di muka bumi adalah sebagai satu bentuk pendidikan dan peringatan kepada manusia.
- Agar kembali kepada landasan dan matlamat hidup yang sebenar berteraskan Syariat Islam

(Dr Yusuf al-Qaradawi)

Firman Allah:

.......إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ ......

(Surah ar-Ra’d: 13, ayat:11)

**Maksud:**

…….Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri….

**PENGAJARAN AYAT.**

1. **Kita** hendaklah meyakini bahawa Allah telah mengatur kehidupan manusia bersesuaian **dengan** peraturan dan ketetapan.
2. **Kita** adalah menjadi pengembara di muka bumi **supaya** dapat mengetahui dan menyelidiki sunnatullah.
3. **Kita** hendaklah mengkaji dan menyelidiki sejarah umat terdahulu **agar** menjadi pedoman dalam kehidupan.
4. **Kita** hendaklah meyakini bahawa al-quran ialah petunjuk ke arah kebenaran **bagi** orang yang beriman dan bertakwa.
5. **Kita** hendaklah menjauhi sikap lemah dan mudah berputus asa **ketika** menerima ujian dalam kehidupan.
6. **Kita** hendaklah menjaga keimanan **agar** beroleh kedudukan yang tinggi di sisi Allah

## AKTIVITI

1. Melaksanakan aktiviti tasmik dan tahsin ayat 137-139 surah Ali Imran secara berkumpulan.
2. Bina peta pemikiran untuk menjelaskan kesan memahami sunatullah.
3. Cari maklumat tentang peristiwa Perang Uhud, kemudian laksanakan aktiviti **THINK PAIR SHARE** untuk menerangkan yang akibat daripada peristiwa tersebut.

## PENILAIAN

1. Baca ayat 137-139 surah Ali Imran di hadapan guru secara bertajwid.
2. Nyatakan maksud potongan ayat berikut.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | سُنَن | 3 | عَـٰقِبَةُ ٱلۡمُكَذِّبِينَ | 5 | وَلَا تَحۡزَنُواْ |
| 2 | فَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ | 4 | وَمَوۡعِظَةٌ لِّلۡمُتَّقِينَ | 6 | وَأَنتُمُ ٱلۡأَعۡلَوۡنَ |

3. Jelaskan sebab turun ayat 139 surah Ali Imran.
4. Jelaskan konsep sunatullah dalam Perang Uhud.
5. Terangkan dua kepentingan mengkaji dan meneliti sejarah umat terdahulu.
6. Terangkan dua kesan memahami sunatullah.
7. Terangkan dua pengajaran ayat
8. **"Semua Kejadian Di Alam Ini Mengikut Cara Dan Peraturan Yang Telah Ditetapkan Oleh Allah"**
   Bagaimanakah anda mengaplikasikan penyataan di atas dalam kehidupan Huraikan
9. **"Teori Darwin Mengatakan Bahawa Kejadian Makhluk Adalah Berasal Daripada Spesies Beruk."**
   Bincangkan penyataan di atas dengan menghubungkaitkan dengan konsep sunatullah


syabas181@gmail.com

## 06: AL QURAN : KEFAHAMAN: LARANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA

**BACA DENGAN BETUL, LANCAR DAN BERTAJWID**

وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا ۚ وَذَكِّرْ بِهِۦٓ
أَن تُبْسَلَ نَفْسٌۢ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِىٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِن
تَعْدِلْ كُلَّ عَدْلٍ لَّا يُؤْخَذْ مِنْهَآ ۗ أُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أُبْسِلُوا۟ بِمَا كَسَبُوا۟ ۖ لَهُمْ
شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

(Surah al-An’am:: 6, ayat:70)

**PAUTAN KOD QR: BACAAN AYAT KEFAHAMAN**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1695

**Maksud:**
Dan tinggalkanlah orang yang menjadikan agama mereka sebagai permainan dan gurauan, serta mereka telah ditipu oleh kehidupan dunia. Ingatkanlah (Mereka) dengan al-Quran itu agar diri masing-masing tidak terjerumus (ke dalam neraka) disebabkan apa-apa yang telah diusahakan. Tidak ada baginya pelindung dan tidak juga pemberi syafaat selain daripada Allah. Jika dia hendak menebus (dirinya) dengan segala jenis tebusan, (pasti) tidak akan diterima daripadanya. Mereka itulah orang yang dihancurkan oleh Allah disebabkan apa apa yang diusahakan oleh mereka. Bagi mereka disediakan minuman daripada air panas yang menggelegak dan azab yang pedih kerana mereka kufur (ketika hidupnya)

**BACA AYAT DENGAN BETUL DAN FAHAMI MAKSUDNYA**

| | |
|---|---|
| Dan tinggalkanlah orang yang menjadikan agama mereka sebagai permainan dan gurauan, | وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا |
| Serta mereka telah ditipu oleh kehidupan dunia. | وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا ۚ |
| Ingatkanlah (Mereka) dengan al-Quran itu agar diri masing-masing tidak terjerumus (ke dalam neraka) disebabkan apa-apa yang telah diusahakan. | وَذَكِّرْ بِهِۦٓ أَن تُبْسَلَ نَفْسٌۢ بِمَا كَسَبَتْ |
| Tidak ada baginya pelindung dan tidak juga pemberi syafaat selain daripada Allah. | لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِىٌّ وَلَا شَفِيعٌ |
| Jika dia hendak menebus (dirinya) dengan segala jenis tebusan, (pasti) tidak akan diterima daripadanya. | وَإِن تَعْدِلْ كُلَّ عَدْلٍ لَّا يُؤْخَذْ مِنْهَآ ۗ |

| | |
|---|---|
| Mereka itulah orang yang dihancurkan oleh Allah disebabkan apa apa yang diusahakan oleh mereka. | أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أُبۡسِلُواْ بِمَا كَسَبُواْۖ |
| Bagi mereka disediakan minuman daripada air panas yang menggelegak dan azab yang pedih kerana mereka kufur (ketika hidupnya) | لَهُمۡ شَرَابٞ مِّنۡ حَمِيمٖ وَعَذَابٌ أَلِيمُۢ بِمَا كَانُواْ يَكۡفُرُونَ ٧٠ |

**BENTUK PERBUATAN MEMPERSENDAKAN ISLAM**

1. Berasa bangga mempersendakan nama Allah
2. Mengejek dan menghina Sunnah Rasulullah
3. Menghina golongan ulama dan orang soleh
4. Mentafsir al-quran mengikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata
5. Menyanjung perbuatan maksiat
6. Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal

**SPEKTRUM ILMU**

Al-Imam al-Qurtubi berkata:

- Jika ada seseorang melihat kemungkaran hendaklah dia memberikan nasihat dan peringatan .
- Sekiranya nasihat dan peringatan tersebut ditolak maka tinggalkanlah mereka

**CARA MENJAGA KESUCIAN ISLAM**

1. Memperkasakan program keilmuan berbentuk bimbingan di semua lapisan masyarakat
2. Mencontohi keperibadian mulia rasulullah.
3. Meningkatkan kualiti ibadah korban dan sunnah demi menjamin keutuhan akidah
4. Meninggalkan segala perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian agama islam.
5. Mengamalkan tuntutan amar makruf dan nahi mungkar dalam kehidupan.
6. Penguatkuasaan undang-undang dengan mengenakan hukuman dan denda yang berat kepada pesalah

**SPEKTRUM ILMU**

Saidina Umar al-Khattab berpesan:

الرُّجُوعُ إِلَى الْحَقِّ خَيْرٌ مِنَ التَّمَادِي فِي الْبَاطِلِ.

**Maksud:**

Kembali kepada kebenaran itu lebih baik daripada berterusan mempertahankan kebatilan

**AMALAN**

Daripada Abdullah bin Mas'ud bahawa Rasulullah SAW pernah berdoa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْهُدَى وَالتُّقَى وَالْعَفَافَ وَالْغِنَى

**(Riwayat Muslim)**

**Maksud:**

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadamu petunjuk ketakwaan dan terhindar daripada perbuatan yang tidak baik dan tidak meminta-minta


syabas181@gmail.com

## KESAN MEMPERSENDAKAN ISLAM

### 1. SATU BOLEH MEMBATALKAN IMAN

Firman Allah:

وَلَئِن سَأَلۡتَهُمۡ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخُوضُ وَنَلۡعَبُۚ قُلۡ أَبِٱللَّهِ وَءَايَٰتِهِۦ وَرَسُولِهِۦ كُنتُمۡ
تَسۡتَهۡزِءُونَ ٦٥ لَا تَعۡتَذِرُواْ قَدۡ كَفَرۡتُم بَعۡدَ إِيمَٰنِكُمۡۚ إِن نَّعۡفُ عَن طَآئِفَةٖ مِّنكُمۡ نُعَذِّبۡ
طَآئِفَةَۢ بِأَنَّهُمۡ كَانُواْ مُجۡرِمِينَ ٦٦

(Surah at-Taubah: 9, ayat:65-66)

**Maksud:**

Dan jika engkau bertanya kepada mereka, tentulah mereka akan menjawab, "Sesungguhnya kami hanyalah berbual dan bermain-main." Katakanlah: "Patutkah nama Allah dan ayat-ayatnya serta Rasulnya kamu perolok-olokkan?". Janganlah kamu berdalih kerana Sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu beriman. Jika kami maafkan segolongan daripada kamu, Maka kami akan menyeksa puak yang lain, kerana mereka ialah orang yang terus bersalah.

### 2. TIDAK DIPANDANG OLEH ALLAH DI AKHIRAT

Firman Allah:

ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ دِينَهُمۡ لَهۡوٗا وَلَعِبٗا وَغَرَّتۡهُمُ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَاۚ فَٱلۡيَوۡمَ نَنسَىٰهُمۡ كَمَا نَسُواْ لِقَآءَ
يَوۡمِهِمۡ هَٰذَا وَمَا كَانُواْ بِـَٔايَٰتِنَا يَجۡحَدُونَ ٥١

(Surah al-A'raf: 7, ayat:51)

Maksud:

Orang yang menjadikan agama mereka sebagai hiburan yang melalaikan dan permainan, dan orang yang telah terpedaya dengan kehidupan dunia maka pada hari (kiamat) ini, Kami lupakan mereka sebagaimana mereka melupakan pertemuan mereka hari ini, Dan mereka selalu mengingkari ayat-ayat Kami.

### 3. TIDAK MENDAPAT KEJAYAAN DI DUNIA DAN DI AKHIRAT

Firman Allah

وَلَا تَقُولُواْ لِمَا تَصِفُ أَلۡسِنَتُكُمُ ٱلۡكَذِبَ هَٰذَا حَلَٰلٞ وَهَٰذَا حَرَامٞ لِّتَفۡتَرُواْ عَلَى ٱللَّهِ ٱلۡكَذِبَۚ
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَفۡتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلۡكَذِبَ لَا يُفۡلِحُونَ ١١٦

(Surah an-Nahl:16 ,ayat:116)

**Maksud**

Dan Janganlah kamu berdusta dengan apa-apa yang disifatkan oleh lidah kamu, "Ini halal dan ini haram", Untuk mengada-ngadakan sesuatu yang mendustakan Allah, Sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan Berjaya.

## PENGAJARAN AYAT

1. **Kita** hendaklah menjauhkan diri daripada golongan yang mempersendakan agama **demi** menjaga kesucian Islam.
2. **Kita** hendaklah menyedari bahawa perbuatan menjadikan agama sebagai alat permainan dan gurauan **ialah** sebahagian daripada tipu daya dunia.
3. **Kita** hendaklah sentiasa memberikan peringatan kepada orang yang mempersendakan agama **berpandukan** ajaran al-quran dan Sunnah.
4. **Kita** hendaklah meyakini bahawa Allah tidak akan memberikan perlindungan dan syafaat **kepada** orang yang mempersendakan agama.
5. **Kita** hendaklah menyedari perbuatan mempersendakan agama akan diazab oleh Allah **dengan** siksaan api neraka.
6. **Kita** hendaklah mempertahankan kesucian Islam **dengan** pendekatan yang terbaik

## AMALAN

Doa Rasulullah SAW agar ditetapkan hati dalam iman dan ketaatan.

يَا مُثَبِّتَ الْقُلُوبِ ثَبِّتْ قُلُوبَنَا عَلَى دِينِكَ.

(Riwayat Ibnu Majah)

Maksud:
Wahai zat yang meneguhkan hati teguhkanlah hati kami atas agamamu

## AKTIVITI

1. Melaksanakan aktiviti tasmik dan tafsir ayat 70, Surah Al An'am secara berkumpulan
2. Laksanakan aktiviti **HOT SEAT** untuk menjelaskan perkara berikut:
   i. bentuk perbuatan mempersendakan Islam
   ii. cara menjaga kesucian Islam.
3. Bina peta pemikiran tentang kesan mempersendakan agama Islam.
4. Cari maklumat tentang perbuatan mempersendakan Islam dan bentangkan maklumat yang diperolehi di hadapan kelas

## PENILAIAN

1. Baca ayat 70 surah al-An'am di hadapan guru secara bertajwid.
2. Nyatakan maksud potongan ayat berikut

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | ٱتَّخَذُواْ دِينَهُمۡ | 3 | وَذَكِّرۡ بِهِۦٓ أَن تُبۡسَلَ | 5 | شَرَابٞ مِّنۡ حَمِيمٖ |
| 2 | لَعِبٗا وَلَهۡوٗا | 4 | أُبۡسِلُواْ بِمَا كَسَبُواْ | 6 | وَعَذَابٌ أَلِيمُۢ |

3. Jelaskan dua bentuk perbuatan mempersendakan Islam.
4. Jelaskan dua cara menjaga kesucian Islam
5. Terangkan dua kesan mempersendakan Islam.
6. Terangkan dua pengajaran ayat.
7. Huraikan hujah anda bagi menangani situasi berikut :
   i. Makan pada siang hari di tempat terbuka pada bulan Ramadhan.
   ii. Melebelkan agama Islam sebagai agama ketinggalan zaman

## 07: AL QURAN : KEFAHAMAN: DAKWAH PEMACU KEMAJUAN

### BACA AYAT DENGAN BETUL, LANCAR DAN BERTAJWID

| |
|---|
| وَمَنۡ أَحۡسَنُ قَوۡلٗا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ صَٰلِحٗا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ٣٣ |
| (Surah Fussilat:: 41, ayat:33) |

**Maksud:**
Dan siapakah yang lebih banyak perkataannya, daripada orang yang menyeru manusia kepada Allah, dan beramal soleh, dan berkata Sesungguhnya aku daripada kalangan orang Islam.

**PAUTAN KOD QR: BACAAN AYAT AL QURAN**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1694

### BACA AYAT DENGAN BETUL DAN FAHAMI MAKSUDNYA

| | |
|---|---|
| Dan siapakah yang lebih banyak perkataannya | وَمَنۡ أَحۡسَنُ قَوۡلٗا |
| Daripada orang yang menyeru manusia kepada Allah | مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ |
| Dan beramal soleh | وَعَمِلَ صَٰلِحٗا |
| Dan berkata Sesungguhnya aku daripada kalangan orang Islam | وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ ٱلۡمُسۡلِمِينَ |

### SPEKTRUM ILMU

**MUQRI**: Pakar rujuk Tilawah al-quran dalam kalangan sahabat rasulullah SAW ialah:
1. Abdullah bin Masúd
2. Salim maula Abi Huzaifah
3. Ubay bin Ka'ab
4. Muaz bin Jabal

**MAKSUD DAKWAH**
Menyeru supaya Melakukan perkara yang diperintahkan oleh Allah dan meninggalkan larangannya

**TUNTUTAN AYAT**
1. Berdakwah
2. Beramal Soleh
3. Menjadikan Islam Sebagai Cara Hidup

**SPEKTRUM ILMU**

Abu hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ دَعَا إِلَى هُدًى كَانَ لَهُ مِنَ الأَجْرِ مِثْلُ أُجُورِ مَنْ تَبِعَهُ
لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا، وَمَنْ دَعَا إِلَى ضَلَالَةٍ
كَانَ عَلَيْهِ مِنَ الإِثْمِ مِثْلُ آثَامِ مَنْ تَبِعَهُ لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ
آثَامِهِمْ شَيْئًا.

(Riwayat Muslim)

**Maksud:**
Sesiapa yang menyeru kepada petunjuk (kebaikan) baginya pahala seperti pahala orang yang mengikutnya tidak berkurangan sedikit pun daripada pahala mereka dan sesiapa yang menyeru kepada kesesatan baginya dosa seperti dosa orang yang mengikutinya tidak berkurangan sedikit pun daripada dosa mereka.

**1. BERDAKWAH**

| BIL | ASPEK | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | **Maksud** | • Mengajak dan menyeru supaya takut kepada Allah dengan pendekatan terbaik |
| 2 | **Dalil** | • Firman Allah<br>ٱدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلْحِكْمَةِ وَٱلْمَوْعِظَةِ ٱلْحَسَنَةِ ۖ وَجَٰدِلْهُم بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ١٢٥<br>(Surah al Nahl: 16, ayat :125)<br>**Maksud:**<br>Serulah ke jalan tuhanmu dengan hikmah dan nasihat pengajaran yang baik dan bahaskan lah mereka secara yang baik Sesungguhnya tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui akan orang yang sesat daripada Jalan nya dan Dialah yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat petunjuk |

**SPEKTRUM ILMU**
Imam Ibnu Katsir menjelaskan ayat

"وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ"

**Maksud :**
Seorang pendakwah itu terlebih dahulu mendapat petunjuk, daripada seruan dakwahnya, maka dakwah itu bermanfaat untuk dirinya, dan untuk orang lain.


syabas181@gmail.com

## 2. BERAMAL SOLEH

| BIL | ASPEK | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | **Maksud** | • Perbuatan baik yang dilakukan mengikut panduan al-quran dan Sunnah Dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah |
| 2 | **Contoh** | • Ibadah khusus seperti solat<br>• Ibadah umum seperti berakhlak mulia |
| 3 | **Dalil** | • Firman Allah<br>۞ أَتَأْمُرُونَ ٱلنَّاسَ بِٱلْبِرِّ وَتَنسَوْنَ أَنفُسَكُمْ وَأَنتُمْ تَتْلُونَ ٱلْكِتَٰبَ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٤٤﴾<br>(Surah al Baqarah: 2, ayat :44)<br>**Maksud:**<br>Patutkah kamu menyuruh manusia supaya melakukan kebaikan, sedangkan kamu lupa akan diri kamu sendiri, padahal kamu semua membaca kitab Allah, tidakkah kamu berfikir? |

**SPEKTRUM ILMU**
Firman Allah

مَن كَانَ يُرِيدُ ٱلْعِزَّةَ فَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ جَمِيعًا ۚ إِلَيْهِ يَصْعَدُ ٱلْكَلِمُ ٱلطَّيِّبُ وَٱلْعَمَلُ ٱلصَّٰلِحُ يَرْفَعُهُۥ ۚ
وَٱلَّذِينَ يَمْكُرُونَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۖ وَمَكْرُ أُو۟لَٰٓئِكَ هُوَ يَبُورُ ﴿١٠﴾

(Surah al-Fathir:35, ayat:10)

**Maksud:**
Sesiapa yang mahukan kemuliaan, maka Allah jualah segala kemuliaan. KepadaNyalah naik segala perkataan yang baik, dan amal yang soleh pula diangkatnya naik, Dan orang yang merancang kejahatan, adalah bagi mereka azab yang berat, dan rancangan jahat mereka akan rosak binasa.

## 3. MENJADIKAN ISLAM SEBAGAI CARA HIDUP

| BIL | ASPEK | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | **Maksud** | • Setiap muslim dituntut supaya menjadikan Islam sebagai cara hidup<br>• Iaitu melaksanakan ajaran Islam dalam semua bidang kehidupan |
| 2 | **Dalil** | • Firman Allah<br>ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِى وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا ۚ<br>(Surah al Maidah:5, ayat :3)<br>**Maksud:**<br>….Pada hari ini aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu ,dan aku telah reda Islam itu menjadi agama kamu….. |


syabas181@gmail.com

**SPEKTRUM ILMU**
Saidina Umar bin al-khattab berkata:

نَحْنُ قَوْمٌ أَعَزَّنَا اللهُ بِالإِسْلَامِ
فَمَهْمَا نَبْتَغِي الْعِزَّةَ بِغَيْرِ مَا أَعَزَّنَا
اللهُ أَذَلَّنَا اللهُ.

**Maksud**
Kita ialah golongan yang dimuliakan Allah, dengan Islam .Jika kita mencari kemuliaan yang lain daripadanya, Kita akan dihina oleh Allah.

**(Kitab al-Mustadrak al-Hakim)**

**PENGAJARAN AYAT**

1. **Kita** hendaklah berdakwah **kerana** dakwah ialah Sunnah Rasulullah
2. **Kita** hendaklah beramal soleh **supaya** menjadi contoh kepada orang lain
3. **Kita** hendaklah menjadi Islam **sebagai** cara hidup yang sempurna

**AKTIVITI**

1. Laksanakan aktiviti tasmik dan tahsin ayat 33, Surah Fussilat secara berkumpulan.
2. Laksanakan aktiviti **THREE STRAY ONE STAY** untuk menerangkan tuntutan ayat 33 Surah Fussilat
3. Cari maklumat tentang badan Dakwah Islam melalui internet bentangkan dapatkan anda di hadapan kelas.
4. Bina peta pemikiran bagi menerangkan tuntutan ayat

**PENILAIAN**
1. Baca ayat 33 Surah Fussilat dihadapan guru secara bertajwid .
2. Nyatakan maksud potongan ayat berikut

| | |
|---|---|
| 1 | أَحْسَنُ قَوْلاً |
| 2 | دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ |

| | |
|---|---|
| 3 | وَعَمِلَ صَٰلِحًا |
| 4 | إِنَّنِي مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ |

3. Nyatakan maksud dakwah dalam ayat tersebut.
4. Jelaskan dua tuntutan ayat tersebut.
5. Terangkan dua pengajaran ayat tersebut.
6. 

حَيَّ عَلَى الْفَلَاح

Bagaimanakah anda mengaplikasikan penyataan di atas dalam kehidupan harian ? Huraikan.

## 08: HADIS : HINDARI DOSA-DOSA BESAR

### BACA HADIS DENGAN BETUL

| |
|---|
| عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ قَالُوا: يَا رَسُولَ اللهِ، وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: الشِّرْكُ بِاللهِ , وَالسِّحْرُ, وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللهُ إِلاَّ بِالحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا ، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلِّي يَوْمَ الزَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلاَتِ. ( متفق عليه ) |

**Maksud:**
Jauhilah tujuh perkara yang merosakkan , Sahabat bertanya: wahai Rasulullah: Apakah perkara itu.Baginda bersabda: Syirik kepada Allah dan sihir, Dan membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah kecuali dengan kebenaran, Dan makan riba dan makan harta anak yatim, Dan lari dari medan peperangan, Dan membuat tuduhan berzina terhadap wanita yang beriman yang suci dan terpelihara (daripada maksiat)

(Muttafaqun Alaih)

**PAUTAN KOD QR: BACAAN HADIS**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1931

### BACA HADIS DENGAN BETUL DAN FAHAMI MAKSUDNYA

| | |
|---|---|
| Jauhilah tujuh perkara yang merosakkan | اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ |
| Sahabat bertanya: wahai Rasulullah: Apakah perkara itu. | قَالُوا: يَا رَسُولَ اللهِ، وَمَا هُنَّ؟ |
| Baginda bersabda: Syirik kepada Allah dan sihir | قَالَ: الشِّرْكُ بِاللهِ , وَالسِّحْرُ |
| Dan membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah kecuali dengan kebenaran, | وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللهُ إِلاَّ بِالحَقِّ |
| Dan makan riba dan makan harta anak yatim | وَأَكْلُ الرِّبَا ، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ |
| Dan lari dari medan peperangan, | وَالتَّوَلِّي يَوْمَ الزَّحْفِ |
| Dan membuat tuduhan berzina terhadap wanita yang beriman yang suci dan terpelihara (daripada maksiat) | وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلاَتِ |

**SPEKTRUM ILMU**

Maksud Al-Mubiqat (الْمُوبِقَاتِ ) ialah Al-Muhlikat iaitu perkara yang membinasakan atau merosakkan

**(al-Imam an-Nawawi: Syarah Shahih Muslim)**

**TUJUH (7) DOSA BESAR YANG TERKANDUNG DALAM HADIS**

1. Syirik kepada Allah
2. Sihir
3. Membunuh
4. Makan riba
5. Makan harta anak yatim.
6. Lari dari medan perang
7. Menuduh perempuan yang beriman dan suci berzina (Qazaf)

## 1. SYIRIK KEPADA ALLAH

Syirik kepada Allah SWT ialah dosa yang paling besar
Firman Allah:

....... إِنَّ ٱلشِّرۡكَ لَظُلۡمٌ عَظِيمٞ ﴿١٣﴾

(Surah Luqman: 31, ayat:13)

**Maksud:**
Sesungguhnya perbuatan syirik itu ialah satu kezaliman yang besar

## SYIRIK TERBAHAGI KEPADA DUA

| BIL | ASPEK | JALI (NYATA) | KHAFI ( TERSEMBUNYI) |
|---|---|---|---|
| 1 | **Maksud** | • Menyekutukan Allah dengan sesuatu pada zat sifat dan amal perbuatan | • Melakukan sesuatu amalan bukan bertujuan kerana Allah |
| 2 | **Contoh** | • Menyembah berhala.<br>• Meyakini nabi isa alaihissalam sebagai anak allah.<br>• Meyakini alam dikuasai oleh selain Allah | • Melakukan solat kerana mengharapkan pujian manusia (riak)<br>• Berasa hebat dengan amalan sendiri (Ujub)<br>• Sombong dengan kelebihan duniawi yang dilakukan (Takbur) |
| 3 | **Kesan** | • Merosakkan akidah | • Merosakkan pahala amalan |

## SPEKTRUM ILMU

Abu Musa al-asy'ari meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا هَذَا الشِّرْكَ، فَإِنَّهُ أَخْفَى مِنْ دَبِيبِ النَّمْلِ.

(Riwayat Ahmad)

**Maksud:**
Wahai manusia berhati hati dengan perbuatan syirik, kerana Sesungguhnya syirik itu lebih tersembunyi daripada semut yang melata.


syabas181@gmail.com

## 2. SIHIR

<table>
<tr><th>BIL</th><th>ASPEK</th><th colspan="2">HURAIAN</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Maksud</td><td colspan="2">• Perbuatan yang memudaratkan orang lain dengan bantuan jin</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Contoh</td><td>• Santau<br>• Pukau</td><td>• Minyak pengasih<br>• Pelaris</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Kesan</td><td colspan="2">• Mengakibatkan kesakitan tubuh badan<br>• Mencetuskan pergaduhan<br>• Memporak-perandakan rumahtangga<br>• Menyebabkan kematian</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Dalil</td><td colspan="2">• Allah menjelaskan bahawa amalan sihir mengandungi unsur kekufuran<br>• Firman Allah<br>وَلَٰكِنَّ ٱلشَّيَٰطِينَ كَفَرُواْ يُعَلِّمُونَ ٱلنَّاسَ ٱلسِّحۡرَ<br>(Surah al Baqarah: 2, ayat :102)<br>Maksud:<br>Tetapi golongan syaitan tapi tulah kafir Kerana merekalah yang mengajar manusia ilmu sihir……</td></tr>
</table>

**AMALAN**

1. Antara amalan yang boleh menghindarkan diri daripada sihir termasuklah
2. Membaca surah al-fatihah.
3. Membaca ayat Kursi
4. Membaca surah al Ikhlas.
5. Membaca Al muawwidzatain (Surah al-falaq dan Surah an-nas)
6. Membaca Doa

بِسمِ اللهِ الَّذي لَا يَضُرُّ مَعَ
اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ العَلِيمُ.


syabas181@gmail.com

## 3. MEMBUNUH

| BIL | ASPEK | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | **Maksud** | • Perbuatan menghilangkan nyawa seseorang |
| 2 | **Contoh** | • Menembak dengan senjata api.<br>• Menikam dengan pisau.<br>• Mmeletakkan racun dalam makanan atau minuman |
| 3 | **Kesan** | • Menyusahkan keluarga mangsa pembunuhan<br>• Memporak-perandakan kehidupan masyarakat |
| 4 | **Dalil** | • Firman Allah<br>وَمَن يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُّتَعَمِّدًا فَجَزَآؤُهُۥ جَهَنَّمُ خَٰلِدًا فِيهَا وَغَضِبَ ٱللَّهُ عَلَيْهِ<br>وَلَعَنَهُۥ وَأَعَدَّ لَهُۥ عَذَابًا عَظِيمًا ﴿٩٣﴾<br>(Surah An Nisa : 4, ayat: 93)<br>**Maksud:**<br>Dan sesiapa yang membunuh seseorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah Neraka Jahanam, dia kekal di dalamnya, dan Allah murka kepadanya dan melaknatnya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar. |

**SPEKTRUM ILMU**

Abdullah bin Amru meriwayatkan, bahawa Rasulullah bersabda:

مَنْ قَتَلَ مُعَاهَدًا لَمْ يَرِحْ رَائِحَةَ
الْجَنَّةِ. وَإِنَّ رِيحَهَا تُوجَدُ مِنْ
مَسِيرَةِ أَرْبَعِينَ عَامًا.

(Riwayat Al-Bukhari)

**Maksud:**

Sesiapa yang membunuh seseorang kafir yang berada dalam perjanjian dengan negara Islam. Dia tidak akan mencium bau syurga, sedangkan bau syurga dapat dicium dari jarak 40 tahun perjalanan.

## 4. MAKAN RIBA

| BIL | ASPEK | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | **Maksud** | • Pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan hutang piutang |
| 2 | **Contoh** | • Hutang yang menetapkan faedah bayaran dengan peratusan tertentu |
| 3 | **Kesan** | • Mengakibatkan penindasan<br>• Melumpuhkan ekonomi umat islam |
| 4 | **Dalil** | • Firman Allah<br>يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَذَرُواْ مَا بَقِيَ مِنَ ٱلرِّبَوٰٓاْ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ٢٧٨<br>(Surah al Baqarah :2, ayat:278)<br>**Maksud:**<br>Wahai orang yang beriman bertakwalah kepada Allah dan tinggalkanlah saki-baki riba yang (masih ada pada orang yang berhutang) itu ,jika benar kamu orang yang beriman |

**SPEKTRUM ILMU**

Firman Allah :

فَإِن لَّمۡ تَفۡعَلُواْ فَأۡذَنُواْ بِحَرۡبٖ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦۖ وَإِن تُبۡتُمۡ فَلَكُمۡ رُءُوسُ أَمۡوَٰلِكُمۡ لَا تَظۡلِمُونَ وَلَا تُظۡلَمُونَ ٢٧٩

(Surah al-Baqarah: 2, ayat:279)

**Maksud:**

Maka Jika kamu tidak melakukan( perintah tinggalkan riba itu). Maka ketahuilah bahawa Allah dan rasulnya akan memerangimu dan Jika kamu bertaubat, Maka hak kamu ialah pokok asal harta kamu. Kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.

## 5. MAKAN HARTA ANAK YATIM

| BIL | ASPEK | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | **Maksud** | • Menggunakan harta anak yatim dengan cara yang tidak dibenarkan oleh syarak |
| 2 | **Contoh** | • Membelanjakannya untuk kegunaan peribadi pemegang amanah secara berlebih-lebihan<br>• Menyalahgunakan harta anak yatim |
| 3 | **Kesan** | • Mengakibatkan penindasan<br>• Menjejaskan hubungan kekeluargaan |
| 4 | **Dalil** | • Firman Allah<br>إِنَّ ٱلَّذِينَ يَأۡكُلُونَ أَمۡوَٰلَ ٱلۡيَتَٰمَىٰ ظُلۡمًا إِنَّمَا يَأۡكُلُونَ فِي بُطُونِهِمۡ نَارٗاۖ وَسَيَصۡلَوۡنَ سَعِيرٗا ١٠<br>(Surah an -Nisa :4, ayat:10)<br>**Maksud:**<br>Sesungguhnya orang yang memakan harta anak yatim cara zalim sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala |

**SPEKTRUM ILMU**
Sahli bin Saad as-Saadi berkata, Rasulullah SAW bersabda:

”وَأَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ
هَكَذَا“. وَأَشَارَ بِالسَّبَّابَةِ
وَالْوُسْطَى وَفَرَّجَ بَيْنَهُمَا شَيْئًا.

(Riwayat al-Bukhari)

**Maksud:**
Aku dan pemelihara anak yatim di dalam syurga seperti ini sambil baginda menunjukkan jari telunjuk dan jari tengah dan baginda mana merenggangkan antara kedua-duanya

**6. LARI DARI MEDAN PERANG**

| BIL | ASPEK | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | **Maksud** | • Meninggalkan Medan peperangan menghadapi musuh |
| 2 | **Contoh** | • Melarikan diri daripada pasukan yang sedang bertempur menghadapi serangan musuh<br>• Enggan mempertahankan negara apabila diarahkan |
| 3 | **Kesan** | • Keselamatan umat Islam dan negara akan terancam<br>• Negara terdedah kepada penjajahan dan campur tangan asing |
| 4 | **Dalil** | • Firman Allah<br>يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا لَقِيتُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ زَحۡفٗا فَلَا تُوَلُّوهُمُ ٱلۡأَدۡبَارَ ١٥<br>(Surah al -Anfal :8, ayat:15)<br>**Maksud:**<br>Wahai orang yang beriman apabila kamu bertemu orang kafir yang memerangi kamu maka Janganlah kamu berundur |

**SPEKTRUM ILMU**
Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طُوبَى لِعَبْدٍ آخِذٍ بِعِنَانِ فَرَسِهِ
فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَشْعَثَ رَأْسُهُ
مُغْبَرَّةٍ قَدَمَاهُ.

(Riwayat al-Bukhari)

**Maksud**:
Berbahagialah seorang hamba yang memacu tali kuda perangnya dijalan Allah, kusut rambutnya, dan berdebu kakinya.


syabas181@gmail.com

## 7. MENUDUH PEREMPUAN YANG BERIMAN DAN SUCI BERZINA (QAZAF)

| BIL | ASPEK | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | **Maksud** | • Menuduh wanita Islam yang baik melakukan perzinaan tanpa saksi |
| 2 | **Contoh** | • Percakapan atau pertuduhan yang jelas seperti:<br>• “Kamu telah berzina” atau Memanggil seseorang wanita “Wahai Penzina” |
| 3 | **Kesan** | • Menjatuhkan maruah mencetuskan perbalahan |
| 4 | **Dalil** | • Firman Allah<br>يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا لَقِيتُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ زَحۡفٗا فَلَا تُوَلُّوهُمُ ٱلۡأَدۡبَارَ ﴿١٥﴾<br>(Surah an -Nur :8, ayat:15)<br>**Maksud:**<br>Sesungguhnya orang yang menuduh perempuan yang terpelihara kehormatannya, yang tidak terlintas memikirkan sebarang kejahatan lagi yang beriman, Akan dilaknat oleh Allah di dunia dan di akhirat, dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang besar |

**SPEKTRUM ILMU**

Aaksud **Al-Ghafilat** adalah orang yang bersih hati dan pemikirannya daripada lintasan dan niat untuk melakukan perzinaan
sentiasa memelihara diri daripada terjebak ke dalam maksiat

**(Wahbah al-Zuhayli: Tafsir al-Munir)**

Abdullah bin Amru meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

... الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ
الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ،
وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى
اللهُ عَنْهُ ...

(Riwayat al-Bukhari)

**Maksud:**

Seorang muslim ialah seseorang yang menyelamatkan orang lain daripada (kejahatan) lidah dan tangannya. Dan orang yang berhijrah ialah orang yang meninggalkan segala larangan Allah

**HUKUMAN QAZAF**

Hukuman terhadap orang yang melakukan Qazaf ialah **80** kali **sebatan**

**PENGAJARAN HADIS**

1. Kita hendaklah sentiasa memelihara diri daripada perbuatan merosakkan akidah
2. Kita hendaklah menghindarkan diri daripada perbuatan membunuh kerana membunuh melanggar hak asasi manusia.
3. Kita hendaklah bersikap amanah dalam menguruskan harta anak yatim untuk memelihara hak orang lain.
4. Kita hendaklah mempertahankan keamanan negara supaya islam dapat ditegakkan.
5. Kita hendaklah menghindarkan diri daripada menuduh orang berzina tanpa bukti itu supaya maruah umat islam terpelihara

## AKTIVITI

1. Hasilkan peta pemikiran tentang syirik khafi dan Muat naik dalam laman web.
2. Laksanakan aktiviti **ROUND TABLE** untuk membincangkan cara menghindari amalan syirik.
3. Buat carian melalui Internet tentang keganasan terhadap umat Islam serta akibat yang terhadap kehidupan .
4. Laksanakan aktiviti **GALLERY WALK** untuk menjelaskan cara menghindari perbuatan qazaf

## PENILAIAN

1. Baca hadis di hadapan guru
2. Nyakan maksud potongan hadis berikut

| | |
|---|---|
| 1 | السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ |
| 2 | وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللهُ |
| 3 | وَأَكْلُ الرِّبَا |
| 4 | وَالتَّوَلِّي يَوْمَ الزَّحْفِ |
| 5 | وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلاَتِ |

3. Senaraikan tujuh dosa besar yang terkandung dalam hadith.
4. Jelaskan maksud dosa besar berikut :
   a) Syirik
   b) Makan harta anak yatim
   c) Lari dari medan perang
   d) Menuduh wanita yang baik berzina.
5. Terangkan dua pengajaran hadis
6. **"Persembahan Silap Mata Menjadi Kesukaan Sebahagian Masyarakat Kita Hari Ini"**
   Bincangkan pandangan anda terhadap isu ini


syabas181@gmail.com

**09: HADIS : KEMULIAAN BERDIKARI**

**BACA HADIS DENGAN BETUL**

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ ﷺ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: لَأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ. ( رواه البخاري )

**Maksud:**
Jika seseorang daripada kamu mengumpul kayu api dan menanggungnya di atas belakangnya untuk dijual pasti lebih baik daripada dia meminta-minta kepada seseorang lalu orang itu memberi kepadanya atau menolaknya

(Riwayat al-Bukhari)

**PAUTAN KOD QR: BACAAN HADIS**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=1932

**BACA HADIS DENGAN BETUL DAN FAHAMI MAKSUDNYA**

| | |
|---|---|
| Jika seseorang daripada kamu mengumpul kayu api dan menanggungnya di atas belakangnya untuk dijual | لأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُم حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ |
| Pasti lebih baik daripada dia meminta-minta kepada seseorang | خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسأَلَ أحَداً |
| Lalu orang itu memberi kepadanya atau menolaknya | فَيُعْطِيَهُ أو يَمْنَعَهُ. |

**SPEKTRUM ILMU**
Antara pekerjaan para nabi dan rasul untuk Menyara kehidupan keluarga termasuk

- Nabi Adam : Petani
- Nabi Idris : Tukang jahit
- Nabi Musa : Penternak kambing
- nabi Daud: Tukang besi
- Nabi Zakaria: Tukang kayu
- Nabi Muhammad : Pengembala kambing, Peniaga

**(Imam Ibnu Katsir: Qisasul Anbiya)**


syabas181@gmail.com

**MAKSUD BERDIKARI :**
Berusaha sendiri dan tidak bergantung pada bantuan orang lain

**KONSEP BERDIKARI**
1. Menggunakan potensi diri yang dikurniakan Allah seperti kekuatan tubuh badan dan kecerdikan akal untuk perkara yang bermanfaat.
2. Membebaskan diri daripada bergantung pada pihak lain demi memelihara maruah dan kemuliaan diri.
3. Meyakini kemampuan diri untuk melaksanakan sesuatu tugas
4. Berazam dengan hemah yang tinggi untuk meningkatkan kualiti diri masyarakat dan Negara.
5. Berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk Menyara kehidupan

**SPEKTRUM ILMU**
Al-Miqdam meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda:

مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَامًا قَطُّ خَيْرًا
مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ،
وَإِنَّ نَبِيَّ اللهِ دَاوُدَ عَلَيْهِ السَّلَام كَانَ
يَأْكُلُ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ.

**Maksud**:
Tidak memakan seseorang sesuatu makanan yang lebih baik daripada memakan daripada hasil kerja tangannya sendiri dan Sesungguhnya Nabi Daud makan daripada hasil kerja baginda sendiri.

(Riwayat al-Bukhari)

**KELEBIHAN BERDIKARI**

| BIL | ASPEK | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | **Agama** | • Menjadikan Islam dipandang tinggi kerana umatnya rajin berusaha |
| 2 | **Ekonomi** | • Mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal |
| 3 | **Pendidikan** | • Melahirkan modal insan yang berkepakaran tinggi melalui penerokaan ilmu dan kemahiran |
| 4 | **Kemasyarakatan** | • Memperkasakan daya saing masyarakat untuk mempertingkat taraf kehidupan |


syabas181@gmail.com

## AMALAN

Doa memohon keluasan rezeki

اللَّهُمَّ اكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ، وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ.

(Riwayat al-Tarmizi)

**Maksud:**

Ya Allah cukupkan untukku dengan rezeki yang halal tanpa yang haram dan tidak bergantung kepada rezeki daripada sesiapa selainMu

## PENGAJARAN HADIS

1. Kita hendaklah memandang mulia kepada pekerjaan yang halal Walaupun hasilnya sedikit.
2. Kita hendaklah menghindari perbuatan meminta-minta dan bergantung pada orang lain demi memelihara kemuliaan dan maruah diri.
3. Kita hendaklah Mencari ilmu dan kemahiran untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik Kita hendaklah membantu orang yang memerlukan pertolongan mengikut keupayaan agar hidup dirahmati

## SPEKTRUM ILMU

Al-Miqdam meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda:

مَا أَطْعَمْتَ نَفْسَكَ فَهُوَ لَكَ
صَدَقَةٌ، وَمَا أَطْعَمْتَ وَلَدَكَ فَهُوَ
لَكَ صَدَقَةٌ، وَمَا أَطْعَمْتَ زَوْجَتَكَ
فَهُوَ لَكَ صَدَقَةٌ، وَمَا أَطْعَمْتَ
خَادِمَكَ فَهُوَ لَكَ صَدَقَةٌ.

**(Riwayat Ahmad)**

**Maksud:**

Makanan yang kamu Usahakan untuk dirimu ialah sedekah , Makanan yang kamu usahakan untuk anak mu adalah sedekah, Makanan yang kamu usahakan untuk isterimu ialah sedekah dan makanan yang kamu usahakan untuk pekerjamu ialah sedekah


syabas181@gmail.com

## AKTIVITI

1. Bina peta pemikiran untuk menyenaraikan peluang belajar dan bidang yang dipilih.
2. Cari maklumat melalui internet untuk mencari isi penting debat yang bertajuk, “Pekerja asing lebih berdikari daripada pekerja tempatan”.
3. Tulis puisi bertemakan berdikari kemudian persembahkan dalam kelas.
4. Cari maklumat melalui Internet tentang Tokoh koporat Muslim yang berjaya kemudian laksanakan aktiviti **HOT SEAT**

## PENILAIAN

1. Baca hadis di hadapan guru
2. Nyatakan maksud potongan hadis berikut.

| | |
|---|---|
| 1 | يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً |
| 2 | خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسأَلَ أحَداً |
| 3 | فَيُعْطِيَهُ أو يَمْنَعَهُ. |

3. Jelaskan konsep berdikari.
4. Terangkan dua kelebihan berdikari.
5. Terangkan dua pengajaran hadis.
6. 




Berdasarkan gambar di atas Bincangkan pandangan anda tentang kemuliaan berdikari.

7. Rasulullah bersabda:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لِأُمَّتِي فِي بُكُورِهَا.

(Riwayat at- Tirmizi)

Maksud:
Ya Allah berkatilah umatku pada awal pagi mereka
Huraikan Hadis di atas dalam konteks berdikari


syabas181@gmail.com

## 10: UNIT 1 : AKIDAH: AL MUNTAQIM - ALLAH MAHA PEMBALAS

**MAKSUD AL-MUNTAQIM:**
Nama Allah yang menunjukkan bahwa Allah maha pembalas dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas.

Dalil Naqli nama Allah Al-Muntaqim, Allah berfirman:

فَإِمَّا نَذۡهَبَنَّ بِكَ فَإِنَّا مِنۡهُم مُّنتَقِمُونَ ﴿٤١﴾

(Surah Az Zukhruf : 43, ayat: 41)

**Maksud:**
Maka Kalaulah kami wafatkan engkau Sesungguhnya kami tetap akan menyeksa mereka

**KEFAHAMAN MENGENAI NAMA ALLAH AL-MUNTAQIM**

1. **Allah Memberikan Pembalasan Dengan Seksaan Neraka Terhadap Orang Yang Menolak Peringatan Al-Quran.**

   Allah berfirman:

   وَمَنۡ أَظۡلَمُ مِمَّن ذُكِّرَ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِۦ ثُمَّ أَعۡرَضَ عَنۡهَآۚ إِنَّا مِنَ ٱلۡمُجۡرِمِينَ مُنتَقِمُونَ ﴿٢٢﴾

   (Surah as-Sajadah: 32 ,ayat: 22)\

   **Maksud:**
   Dan Tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang diberi ingatan dengan ayat tuhannya, kemudian dia berpaling daripadanya, Sesungguhnya kami tetap membalas orang yang berdosa.

2. **Allah Menimpakan Azab Dalam Peristiwa Ad Dukhan**
   Kaum Quraisy ditimpakan dengan kemarau panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka kerana mereka menolak dakwah Rasulullah.
   Allah berfirman:

   يَوۡمَ نَبۡطِشُ ٱلۡبَطۡشَةَ ٱلۡكُبۡرَىٰٓ إِنَّا مُنتَقِمُونَ ﴿١٦﴾

   (Surah Ad Dukhan: 44, ayat: 16)

   **Maksud:**
   Dan ingatlah pada hari kami timpakan kamu dengan paluan pukulan yang besar Sesungguhnya kami tetap akan menyeksa dengan azab yang seberat-beratnya

3. **Allah Memberikan Pembalasan Terhadap Golongan Yang Menentang Agamanya Setelah Diutuskan Rasul Dan Diberi Keterangan Yang Jelas.**
   Allah berfirman:

   وَلَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ رُسُلًا إِلَىٰ قَوۡمِهِمۡ فَجَآءُوهُم بِٱلۡبَيِّنَٰتِ فَٱنتَقَمۡنَا مِنَ ٱلَّذِينَ
   أَجۡرَمُواْۖ وَكَانَ حَقًّا عَلَيۡنَا نَصۡرُ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٤٧﴾

   (Surah ar-Rum:30, ayat:47)

   **Maksud:**
   Sesungguhnya kami telah mengutus sebelummu wahai Muhammad para rasul kepada kaum masing-masing, lalu mereka membawa kepada kaumnya bukti yang nyata. kemudian kami menyeksa orang yang melakukan kesalahan (mengingkarinya) dan sememangnya menjadi tanggungjawab kami menolong orang yang beriman.

**AKTIVITI**

1. Cari maklumat berkaitan dengan balasan Allah terhadap orang yang melakukan kezaliman melalui Internet, kemudian catat dalam peta pemikiran.
2. Laksanakan aktiviti **ROUND TABLE** membincangkan tindakan yang sesuai untuk Menangani situasi berikut;
   **"Terdapat terdapat sebilangan kecil murid tingkatan 4 di sekolah anda telah membuli murid tingkatan satu".**
   Bagaimana anda mengaitkan perkara ini dengan nama allah Al Muntaqim dalam usaha membenteras salah laku ini.
3. Hasilkan poster khat yang mengandungi nama Allah Al Muntaqim pamerkan poster tersebut di hadapan kelas.

**PENILAIAN**

1. Nyatakan maksud al-Muntaqim
2. Nyatakan dalil naqli nama Allah Al Muntaqim.



Kaitkan gambar di atas dengan keimanan kepada al-Muntaqim


syabas181@gmail.com

**10: UNIT 2 :AKIDAH: AL AL JABBAR - ALLAH MAHA BERKUASA**

**MAKSUD AL-JABBAR:**
Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah yang maha berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendaknya.

**DALIL NAQLI NAMA ALLAH AL JABBAR**
Allah berfirman:

هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡمَلِكُ ٱلۡقُدُّوسُ ٱلسَّلَٰمُ ٱلۡمُؤۡمِنُ ٱلۡمُهَيۡمِنُ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡجَبَّارُ ٱلۡمُتَكَبِّرُۚ سُبۡحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يُشۡرِكُونَ ٢٣

(Surah al-Hasyr: 59 ,ayat: 23)

**Maksud:**
Dialah Allah yang tiada tuhan kecuali dia yang menguasai seluruh alam yang maha suci Maha sejahtera yang maha melimpahkan keamanan yang maha memelihara keselamatan yang maha Perkasa yang maha berkuasa yang memiliki segala keagungan maha suci Allah daripada apa yang mereka persekutukan.

**KEFAHAMAN MENGENAI NAMA ALLAH AL JABBAR**

1. **Allah Memiliki Dan Menguasai Seluruh Alam Semua Makhluk Berada Dalam Pemerintahan Allah:**

   Abdullah bin Umar meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW menjelaskan bahawa, pada hari qiamat Allah memegang 7 petala Langit dan bumi dengan kekuasaannya.
   Kemudian Allah berfirman dalam hadis qudsi:

   أَنَا الْجَبَّارُ! أَيْنَ الْجَبَّارُونَ؟ أَيْنَ الْمُتَكَبِّرُونَ؟

   (Riwayat Ibnu Majah)

   **Maksud:**

   Akulah yang maha Perkasa Di manakah orang yang berkuasa Di manakah orang yang sombong di dunia dahulu

   **AMALAN**
   Antara tasbih yang dibaca oleh Rasulullah dalam rukuk termasuklah:

   سُبْحَانَ ذِي الْجَبَرُوتِ وَالْمَلَكُوتِ وَالْكِبْرِيَاءِ وَالْعَظَمَةِ

   (Riwayat Ibnu Majah)

   **Maksud:**
   Maha suci Allah yang memiliki kekuasaan kerajaan keagungan dan kebesaran

2. **Allah Tidak Boleh Dipersoalkan Perbuatannya**
   Setiap perbuatan Allah mengandungi hikmah yang tersembunyi .
   Allah berfirman:

   لَا يُسۡـَٔلُ عَمَّا يَفۡعَلُ وَهُمۡ يُسۡـَٔلُونَ ٢٣

   (Surah al-Anbiya:21, ayat:23)

   **Maksud:**
   Dia tidak boleh ditanya tentang apa yang dia lakukan sedang merekalah yang akan ditanya kelak

3. **Manusia Wajib Bersifat Merendah Diri Kerana Allah Akan Mencampakkan Makhluk Yang Bersikap Takbur Dan Bongkak Ke Dalam Neraka Jahanam**

**SPEKTRUM ILMU**
Abu hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda:

اِحْتَجَّتِ الْجَنَّةُ وَالنَّارُ. فَقَالَتِ الْجَنَّةُ:
يَدْخُلُنِي الضُّعَفَاءُ وَالْمَسَاكِينُ. وَقَالَتِ
النَّارُ يَدْخُلُنِي الْجَبَّارُونَ وَالْمُتَكَبِّرُونَ.
فَقَالَ لِلنَّارِ: أَنْتِ عَذَابِي أَنْتَقِمُ بِكِ
مِمَّنْ شِئْتُ. وَقَالَ لِلْجَنَّةِ: أَنْتِ
رَحْمَتِي أَرْحَمُ بِكِ مَنْ شِئْتُ.

( at-Tirmizi)

**Maksud:**
Syurga dan neraka berdialog, syurga berkata "Akan masuk ke dalam ku orang lemah dan para miskin". Neraka pula berkata , "Akan masuk ke dalam ku, orang-orang bengis dan sombong". Maka Allah berfirman kepada neraka, "Engkau siksaan Ku, Aku membalas denganmu sesiapa yang Aku mahu". Dan Allah berfirman kepada Syurga, "Engkau rahmatKu, Aku mengasihi denganmu sesiapa yang Aku mahu".

**AKTIVITI:**
1. Adakan pertandingan menulis cerpen bertema al-Jabbar.
2. Laksanakan aktiviti talk partner untuk membincangkan bukti Allah berkuasa mutlak terhadap semua makhluk

   Firman allah:

   وَبَرًّۢا بِوَٰلِدَتِي وَلَمۡ يَجۡعَلۡنِي جَبَّارٗا شَقِيّٗا ٣٢

   (Surah Maryam: 19, ayat:32)

   **Maksud**:
   Serta diperintahkan aku taat dan berbuat baik kepada ibuku dan dia tidak menjadikan aku takbur sombong dan derhaka
   .
3. Berdasarkan Ayat di atas senaraikan perbuatan takbur serta akibatnya terhadap kehidupan masyarakat menggunakan peta pemikiran yang sesuai

**PENILAIAN**
1. Nyatakan maksud al-Jabbar
2. Nyatakan dalil naqli Allah bernama al-Jabbar.
3. Terangkan dua kefahaman nama Allah Al-Jabbar.
4. **"Keimanan kepada Allah al-Jabbar melahirkan rasa gerun untuk bersikap sombong".**
   Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas


syabas181@gmail.com

## 11: AKIDAH: PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN

### SETIAP MUSLIM WAJIB MEMELIHARA IMANNYA DARIPADA TERBATAL

Allah berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسۡلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

(Surah ali-Imran: 3, ayat: 103)

**Maksud:**
Wahai orang yang beriman bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan Janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan seorang muslim

### CARA IMAN TERBATAL MELALUI

1. Iktikad
2. Perkataan
3. Perbuatan

**(Syeikh Abdul Rahman Hasan Habannakah: Aqidatul Islamiyah)**

### SPEKTRUM ILMU

Sufian bin Abdullah berkata: Aku berkata kepada Rasulullah: “Wahai Rasulullah, Katakanlah kepadaku mengenai Islam (setelah aku mengetahuinya) tidak perlu aku bertanya lagi kepada orang lain”. Rasulullah bersabda :

قُلْ آمَنْتُ بِاللهِ ثُمَّ اسْتَقِمْ.

(Riwayat Muslim)

**Maksud:**
Katakanlah aku beriman dan teruslah beristiqamah

### BATAL IMAN MELALUI IKTIKAD

Iman terbatal dengan sebab tidak percaya atau ragu-ragu dengan perkara yang berkaitan dengan

- Uluhiyyah. (Ketuhanan)
- Nubuwwah (kenabian)
- Perkara Ghaibiyyat (Ghaib)
- Syariah


syabas181@gmail.com

## CONTOH IKTIKAD YANG MEMBATALKAN IMAN

| BIL | ASPEK | CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **ULUHIYYAH** | • Mengingkari kewujudan Allah sebagai pencipta (al-Khaliq)<br>• Mengingkari sifat kesempurnaan Allah seperti Allah Maha Mendengar dan Maha melihat.<br>• Menyifatkan Allah dengan sifat yang tidak layak bagi Allah.<br>• Meyakini kewujudan kuasa lain yang memerintah Alam |
| 2 | **AL-NUBUWWAH** | • mengingkari kenabian dan kerasulan salah seorang atau semua nabi dan rasul.<br>• Mengingkari kerasulan Nabi Muhammad sebagai Rasul dan nabi yang terakhir |
| 3 | **AL-GHAIBIAT** | • Mengingkari hari kiamat atau peristiwa yang berlaku di mahsyar dan pembalasan syurga dan neraka<br>• Nengingkari kewujudan Alam Barzah atau azab kubur.<br>• Mengingkari kewujudan malaikat dan jin |
| 4 | **AL-SHARIAH** | • Mengingkari rukun Islam atau satu daripadanya.<br>• Mengingkari hukum yang ditetapkan oleh Allah seperti mengingkari pengharaman zina atau menghalalkan liwat dan musahaqah<br>• Beriktikad bahawa undang-undang syariat berteraskan al-quran dan Sunnah Yalah undang-undang yang lapuk dan tidak sesuai diamalkan<br>**( Syeikh Abdul Rahman Hasan Habannakah: Aqidatul Islamiyah)** |

## BATAL IMAN MELALUI PERKATAAN

Percakapan yang mengandungi
1. Pengakuan kufur
2. Penafian aqidah Islam
3. Mempersendakan hukum hakam islam

## CONTOH PERKATAAN YANG BATALKAN IMAN

| BIL | ASPEK | CONTOH PERKATAAN |
|---|---|---|
| 1 | Pengakuan yang mengandungi kufur | • “Saya tidak lagi beragama Islam”<br>• “al-Quran sudah tidak sesuai lagi diamalkan” |
| 2 | Penafian aqidah Islam | • “Saya tidak percaya adanya Malaikat Raqib dan Atid”<br>• “Rasulullah pun buat dosa” |
| 3 | Persendakan hukum-hakam Islam | • “Zaman sekarang tidak perlu menutup aurat lagi”<br>• “Bilal itu telah menyalak seperti anjing” |

**BATAL IMAN DARI PERBUATAN**
Melakukan perbuatan atau amalan yang jelas Menunjukkan kekufuran

**CONTOH**
1. Sujud kepada berhala atau makhluk dengan sengaja.
2. Meletakkan peralatan agama lain dan memberikan penghormatan kepadanya.
3. Melakukan upacara ibadat agama lain.
4. Mengoyak mashaf al-quran atau meletakkan ayat suci al-quran, hadis nabi, nama-nama Allah dan Rasul, malaikat, dan buku agama di tempat yang tidak sesuai dengan tujuan menghina atau merendah-rendahkan nya

**SYARAT TERBATAL IMAN**

1. Mengetahui perkara yang dilakukan membawa diri kepada kufur.
2. Mengingkari perkara asas dalam islam seperti perkara yang berkaitan dengan rukun iman dan rukun islam.
3. Melakukan perkara yang jelas membawa diri kepada kufur.
4. Melakukan sesuatu perkara dengan sengaja dan pilihan sendiri tanpa sebarang paksaan

**SPEKTRUM ILMU**

Orang yang dipaksa untuk melafazkan perkataan kufur hingga boleh mengancam nyawa dikecualikan daripada hukum kufur atau murtad.

Allah berfirman :

مَن كَفَرَ بِٱللَّهِ مِنۢ بَعۡدِ إِيمَٰنِهِۦٓ إِلَّا مَنۡ أُكۡرِهَ وَقَلۡبُهُۥ مُطۡمَئِنُّۢ بِٱلۡإِيمَٰنِ وَلَٰكِن مَّن شَرَحَ
بِٱلۡكُفۡرِ صَدۡرٗا فَعَلَيۡهِمۡ غَضَبٞ مِّنَ ٱللَّهِ وَلَهُمۡ عَذَابٌ عَظِيمٞ ١٠٦

(Surah An-Nahl:16, ayat;106)

Maksud:
Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab Allah) kecuali bagi orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman. Akan tetapi sesiapa yang terbuka hatinya menerima kufur maka bagi mereka kemurkaan daripada Allah SWT, dan mereka pula mendapat azab yang besar.

**KESAN MELAKUKAN PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN**

1. Rosak segala amalan soleh dan ibadah yang dilakukan.
2. Tidak diampunkan dosanya oleh Allah sekiranya tidak bertaubat dan kembali kepada Islam.
3. Diharamkan memasuki syurga sebaliknya akan kekal dalam neraka .
4. Hilang hak terhadap harta pusaka yang ditinggalkan oleh keluarga Muslim

**SPEKTRUM ILMU**
Abdullah bin Umar meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَيُّمَا امْرِئٍ قَالَ لِأَخِيهِ:
يَا كَافِرُ، فَقَدْ بَاءَ بِهَا أَحَدُهُمَا
إِنْ كَانَ كَمَا قَالَ، وَإِلَّا
رَجَعَتْ إِلَيْهِ.

(Riwayat Muslim)

Maksud:
Sesiapa yang berkata kepada saudaranya, "Wahai kafir" maka jatuhlah kafir itu kepada seorang daripada mereka , sekiranya benar seperti apa yang dikatakan. Sekiranya tidak, perkataan kufur itu akan kembali (ditujukan) kepadanya

**PAUTAN KOD QR: DALIL NAQLI**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=2289

**CARA MENJAUHI PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN**

| BIL | ASPEK | CONTOH PERKATAAN |
|---|---|---|
| 1 | **Ilmu** | • Mendalami ilmu aqidah Islam supaya dapat mendalami batas-batas Iman dan kufur |
| 2 | **Sahabat** | • Bersahabat dengan orang soleh yang dapat membimbing diri kepada kebaikan |
| 3 | **Amal** | • Melakukan amal soleh yang boleh mengukuhkan keimanan dan keyakinan kepada Allah dan Rasul |
| 4 | **Kaji** | • Memastikan sesuatu kepercayaan dan amalan berdasarkan al-quran dan sunah |
| 5 | **Doa** | • Berdoa dengan memohon petunjuk Allah agar sentiasa Istiqamah di atas agama Islam |
| 6 | **Taubat** | • Sentiasa beristighfar dan memohon keampunan daripada Allah atas dosa dan kesalahan yang dilakukan |

**AMALAN**
Doa memohon perlindungan daripada kekufuran

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ
الْكُفْرِ وَالْفَقْرِ، وَأَعُوذُبِكَ مِنْ
عَذَابِ الْقَبْرِ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ.

(Riwayat Ibnu Hibban)

**Maksud:**
Ya Allah aku berlindung denganmu daripada kekufuran dan kefakiran dan aku berlindung denganmu daripada azab kubur. Tidak ada tuhan kecuali engkau.

**AKTIVITI**

1. Melaksanakan aktiviti **FAN–N-PICK** berkaitan dengan perkataan yang membatalkan iman
2. Cari melalui Internet Fatwa yang telah diwartakan oleh jawatankuasa majlis Fatwa Kebangsaan hal ehwal Islam berkaitan dengan perkara yang membatalkan iman kemudian buat kompilasi Fatwa.
3. Rancangkan dalam kumpulan program yang boleh meningkatkan keimanan dalam kalangan murid sekolah. Kemudian bentangkan di hadapan kelas

**PAUTAN KOD QR: FATWA MAJLIS FATWA: SILA LAYARI**

e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/

http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?=2276

(Dicapai pada 10 Ogos 2019)

**PENILAIAN**

1. Nyatakan iktikad yang boleh membatalkan iman.
2. Nyatakan perkataan yang boleh membatalkan iman.
3. Jelaskan perbuatan yang boleh membatalkan iman.
4. Jelaskan kesan Melakukan perkara yang membatalkan iman.
5. Terangkan syarat terbatalnya Iman.
6. Huraikan dua cara menjauhi perkara yang batalkan iman.
7. **“Masyarakat Malaysia ialah masyarakat berbilang kaum agama dan kepercayaan”.** Bagaimana anda memelihara iman dalam-situasi ini



syabas181@gmail.com

## 12: AKIDAH: HINDARI AJARAN SESAT

### MAKSUD AJARAN SESAT

**Ajaran** yang **didakwa** sebagai ajaran Islam , sedangkan **Hakikatnya** yang **bercanggah** dengan al-Quran dan Sunnah

Huzaifah bin al-Yaman RA, berkata: Semua orang bertanya kepada Rasulullah tentang kebaikan. Tetapi aku bertanya tentang keburukan, kerana bimbang keburukan menimpa diriku. Aku bertanya: Wahai Rasulullah, dahulu kami berada dalam kejahilan dan kejahatan sehinggalah datang kebaikan Islam kepada kami. Adakah selepas ini keburukan (dating) lagi?. Rasulullah bersabda: Ia akan (berlaku keburukan). Aku bertanya: Adakah selepas keburukan itu ada kebaikan?. Baginda bersabda: Ya, terdapat padanya Kesamaran. Aku bertanya apakah Kesamaran itu? Baginda bersabda:

قَوْمٌ يَهْدُونَ بِغَيْرِ هَدْيِي، تَعْرِفُ مِنْهُمْ وَتُنْكِرُ.

**Maksud:**
Satu golongan yang tidak mengambil petunjukku dalam kalangan mereka ada yang dapat kamu kenali dan ada yang tidak dapat kamu Kenali

Aku bertanya lagi: Adakah selepas kebaikan ini ada kejahatan?. Baginda bersabda:

نَعَمْ، دُعَاةٌ عَلَى أَبْوَابِ جَهَنَّمَ، مَنْ أَجَابَهُمْ إِلَيْهَا قَذَفُوهُ فِيهَا.

**Maksud:**
Penyeru ke pintu neraka jahannam sesiapa yang menyahut seruannya mereka akan dihumbankan ke dalam neraka jahanam

**(Riwayat Bukhari)**

### SPEKTRUM ILMU

Malik bin Anas meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عن أبي هريرة ﵁ عن النبى ﷺ قال : تَرَكْتُ فِيْكُمْ اَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوْا مَا إِنْ تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا :
كِتَابَ اللهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

(Riwayat Malik)

**Maksud:**
Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat Sekira berpegang dengannya kitab Allah al-quran dan Sunnah nabi-nya al-hadis


s y a b a s 1 8 1 @ g m a i l . c o m

## CIRI AJARAN SESAT

| BIL | ASPEK | CIRI-CIRI AJARAN SESAT |
|---|---|---|
| 1 | **Al-Quran dan Hadis** | • Memahami dan mentafsir al-quran dengan logik akal semata-mata tanpa mengikut disiplin ilmu yang betul<br>• Meyakini bahawa terdapat al-quran lain yang tersembunyi<br>• Hanya berpegang dengan al-quran dan menolak hadis sebagai sumber Islam hukum |
| 2 | **Akidah** | • mengaku menjadi nabi atau Rasul.<br>• Mendakwa diri atau guru nya sebagai imam al-Mahdi.<br>• Mendakwa gurunya dapat menebus dosa.<br>• Memuja makhluk untuk mendapat sesuatu kelebihan.<br>• Mempercayai semua agama benar dan menuju ke syurga.<br>• Menolak ilmu ghaib seperti malaikat dan jin |
| 3 | **Ibadah** | • Menolak kewajiban ibadah fardhu<br>• Beribadah dengan hanya berzikir bagi menggantikan solat<br>• Menunaikan ibadah haji di tempat yang dianggap suci selain Mekah al-Mukarramah.<br>• Menghalalkan perzinaan atas nama nikah |
| 4 | **Akhlak** | • Mengejek merendah-rendahkan dan mempersendakan sahabat nabi.<br>• Bersikap taksub dan dengan ajaran guru sehingga menganggap hanya kumpulannya yang benar.<br>• Memperkecil amalan masyarakat berdasarkan Sunnah Rasulullah sebaliknya berbangga dengan amalan bertentangan dengan Islam |

## SPEKTRUM ILMU

1. **LIBERALISME AGAMA**
   Aliran pemikiran yang menyeru kepada kebebasan dan keterbukaan dalam mentafsir agama.

2. **PLURALISMA AGAMA**
   Aliran yang menganggap semua agama sama dan membawa kebaikan

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda:

... وَلَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى
يُبْعَثَ دَجَّالُونَ كَذَّابُونَ
قَرِيبٌ مِنْ ثَلَاثِينَ، كُلُّهُمْ
يَزْعُمُ أَنَّهُ رَسُولُ اللَّهِ.

(Riwayat al-Bukhari)

**Maksud:**
…..Dan tidak akan berlaku kiamat sehingga dibangkitkan Dajjal yang penipu hampir 30 orang mereka mendakwa sebagai Rasulullah SAW.


syabas181@gmail.com

## KESAN MELAKUKAN AJARAN SESAT

| BIL | ASPEK | CIRI-CIRI AJARAN SESAT |
|---|---|---|
| 1 | **Agama** | • Melemahkan Iman dan merosakkan akidah<br>• Menjatuhkan imej umat Islam |
| 2 | **Ekonomi** | • Melahirkan individu yang pasif dan malas.<br>• Membelanjakan wang kepada perkara yang tidak berfaedah |
| 3 | **Politik** | • Mengugut menggugat kestabilan politik akibat tindakan keganasan.<br>• Mewujudkan suasana politik yang tidak harmoni akibat taksub kepada pemimpin kumpulan |
| 4 | **Kemasyarakatan** | • Membentuk individu masyarakat yang bersifat progresif dan kasar.<br>• Memutuskan hubungan silaturrahim dan persaudaraan Islam |

## CARA MENJAUHI AJARAN SESAT

| BIL | ASPEK | CIRI-CIRI AJARAN SESAT |
|---|---|---|
| 1 | **Ilmu** | • Mempelajari akidah yang sebenar berdasarkan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah |
| 2 | **Sahabat** | • Hindarkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai ilmu dan amalannya |
| 3 | **Amal** | • Memastikan amalan yang dilakukan benar mengikut panduan al-quran dan Sunnah |
| 4 | **Kajian** | • Mencari maklumat daripada sumber yang sahih supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat |
| 5 | **Doa** | • Berdoa memohon petunjuk agar Sentiasa berada di jalan benar |
| 6 | **Taubat** | • Bertaubat kepada Allah atas keterlanjuran mengikuti dan beramal dengan ajaran sesat |

**Amalan**
Antara doa untuk memohon ketetapan Iman termasuklah

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً ۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْوَهَّابُ ﴿٨﴾

(Surah Ali Imran: 3, ayat: 8)

**Maksud:**
Wahai Tuhan kami Janganlah engkau pesongkan hati kami sesudah engkau beri petunjuk kepada kami dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisimu sesungguhnya Engkau jualah tuhan yang melimpah-limpah pemberiannya

 syabas181@gmail.com

## AKTIVITI

1. Melaksanakan aktiviti **HOT SEAT** untuk membincangkan ciri-ciri ajaran sesat.
2. Cari maklumat ajaran sesat di Malaysia. Kemudian bentangkan di hadapan kelas.
3. Hasilkan peta pemikiran berkaitan dengan kesan melakukan ajaran sesat kemudian bentangkan nya di hadapan kelas.
4. Laksanakan aktiviti **ROAM THE ROOM** untuk membincangkan cara menjauhi ajaran sesat.

## PENILAIAN

1. Nyatakan takrif ajaran sesat.
2. Jelaskan ciri-ciri ajaran sesat.
3. Senaraikan contoh ajaran sesat.
4. Terangkan kesan kepada seseorang yang terlibat dengan ajaran sesat.
5. Huraikan cara menjauhi ajaran sesat.
6. **"Terdapat cadangan supaya solat Jumaat dilaksanakan pada hari Sabtu".**
   Huraikan pandangan anda untuk menolak cadangan ini

## 13: FIKAH: HAJI DAN UMRAH

### MAKSUD HAJI DAN UMRAH

| PERKARA | BAHASA | ISTILAH |
|---|---|---|
| **HAJI** | Tujuan dan maksud | Mengunjungi Baitullah al-haram pada bulan-bulan Haji untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syarat nya |
| **UMRAH** | Ziarah | Mengunjungi Baitullah al-haram pada bila-bila masa untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syarat nya |

### HUKUM HAJI DAN UMRAH

**Wajib** Sekali seumur hidup bagi setiap individu yang mukalaf dan berkemampuan

### DALIL NAQLI HAJI DAN UMRAH:

**Allah berfirman :**

وَأَتِمُّوا۟ ٱلْحَجَّ وَٱلْعُمْرَةَ لِلَّهِ ۚ ....... ﴿١٩٦﴾

(Surah al-Baqarah: 2, Ayat :196)

**Maksud:**
Dan Sempurnakanlah ibadah Haji dan Umrah kerana Allah

### SPEKTRUM ILMU

- Ibadah haji telah disyariatkan pada tahun kelima Hijrah.
- Bulan-bulan Haji
  a) Syawal
  b) Zulkaedah
  c) 1 hingga 13 Zulhijjah

**Allah berfirman :**

... وَلِلَّهِ عَلَى ٱلنَّاسِ حِجُّ ٱلْبَيْتِ مَنِ ٱسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ۚ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ عَنِ ٱلْعَٰلَمِينَ

﴿٩٧﴾

(Surah ali-Imran: 3 ,ayat 97)

**Maksud:**
Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah haji dengan mengunjungi Baitullah bagi sesiapa yang mampu sampai kepadanya dan sesiapa yang kufur ingkar kewajiban ibadah haji itu Maka Sesungguhnya Allah maha kaya tidak berhajatkan sesuatu pun daripada sekelian makhluk


syabas181@gmail.com

Daripada Umar bin al-Khattab meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW, bersabda:

الإِسْلاَمُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ
صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتُقِيمَ الصَّلاَةَ وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ وَتَصُومَ
رَمَضَانَ وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنِ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلاً.

(Riwayat Muslim)

**Maksud**:
Rukun Islam itu ialah engkau melafazkan kalimah Syahadah (menyakini serta menerangkan kebenaran) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan bahawa Sesungguhnya Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah dan engkau mendirikan solat dan mengeluarkan zakat serta berpuasa pada bulan Ramadhan dan juga engkau mengerjakan haji ke Baitullah jika engkau berkemampuan.

**SYARAT WAJIB HAJI DAN UMRAH.**

| | SYARAT WAJIB | PENERANGAN |
|---|---|---|
| 1 | Islam | Tidak diwajibkan kepada orang kafir |
| 2 | Balik | Cukup umur dan tidak wajib kepada kanak-kanak |
| 3 | Berakal | Waras dan tidak wajib kepada orang gila |
| 4 | Merdeka | 1 tidak wajib kepada hamba |
| 5 | Berkemampuan (Istito'ah) | Mampu dari segi kesihatan kewangan dan keselamatan |

**SPEKTRUM ILMU**

**CIRI-CIRI BERKEMAMPUAN**
1. Cukup perbelanjaan untuk mengerjakan haji dan Umrah pergi dan balik
2. Cukup keperluan nafkah asas bagi orang yang dibawah tanggungan.
3. Ada kenderaan pergi dan balik.
4. Aman perjalanan pergi dan balik.
5. Sihat tubuh badan

**Syarat khusus bagi perempuan**
1. Mendapat keizinan suami atau walinya.
2. Ditemani oleh suami atau mahram atau kumpulan perempuan yang boleh dipercayai.

**(Wahbah al-Zuhaili : al-Fiqh al-Manhaji ala-Mazhab al-Imam al-Syafi'e)**


syabas181@gmail.com

## RUKUN HAJI DAN UMRAH

| BIL | HAJI | UMRAH | HURAIAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Niat mengerjakan Haji | Niat mengerjakan Umrah | **Lafaz niat mengerjakan** haji<br>نَوَيْتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلّٰهِ تَعَالَى<br>Maksud:<br>Sahaja aku mengerjakan haji dan aku Ihram dengannya kerana Allah Taala<br><br>**Lafaz niat mengerjakan umrah**<br>نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلّٰهِ تَعَالَى<br>Maksud:<br>Sahaja aku mengerjakan umrah dan aku berihram dengannya kerana Allah Taala |
| 2 | Wukuf di Arafah | Tiada wukuf di Arafah | **Wukuf pada ibadah haji:**<br>• Berada di Arafah Walaupun seketika<br>• Bermula dari masuk waktu zuhur 9 Zulhijjah.<br>• Berakhir sebelum masuk waktu subuh pada 10 Zulhijjah |
| 3 | Tawaf di Kaabah | Tawaf di Kaabah | • Mengelilingi Kaabah 7 pusingan<br>• Bermula di penjuru Hajarul Aswad dan berakhir pada sudut yang sama.<br>• Menurut syarat-syarat tertentu |
| 4 | Saie | Saie | • Berjalan ulang-alik sebanyak 7 kali<br>• Bermula di Bukit Safa dan Berakhir di Bukit Marwah<br>• Menurut syarat-syarat tertentu |
| 5 | Bergunting atau Bercukur Rambut | Bergunting atau Bercukur Rambut | • Bergunting sekurang-kurangnya tiga helai rambut<br>• Sunat bercukur rambut bagi lelaki |
| 6 | Tertib pada kebanyakan rukun | Tertib pada semua rukun | • Melakukan perbuatan mengikut urutan |

## CARA MENGERJAKAN TAWAF DALAM RUKUN HAJI DAN UMRAH





syabas181@gmail.com

## SPEKTRUM ILMU

## TAHALUL MENURUT SYARAK

**Tahallul** : Membebaskan diri daripada larangan yang terdapat semasa ihram.

1. **Tahallul Umrah** :Para jemaah bercukur atau bergunting selepas selesai melaksanakan saie

2. **Tahallul Haji** terbahagi kepada **dua**:

   **i. Tahallul Awal**
   Boleh dilaksanakan oleh jemaah haji apabila telah melaksanakan dua daripada tiga perkara berikut
   a) Melontar Jamrah Kubra.
   b) Tawaf dan Saie
   c) Bercukur atau Bergunting

   **ii. Tahallul Thani**
   Boleh dilakukan setelah menyempurnakan tiga perkara tersebut

## PERKARA WAJIB HAJI DAN UMRAH

| BIL | HAJI | UMRAH | HURAIAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Niat Ihram Di Miqat | Niat Ihram Di Miqat | Berniat Ihram di miqat ialah ketentuan tempat atau masa untuk berniat Ihram Haji atau Umrah<br><br>**JENIS MIQAT**<br>**1. Miqat Zamani**<br>a) Ketentuan masa bagi seseorang untuk berniat Ihram Haji<br>b) Bermula dari 1 syawal<br>c) Berakhir apabila masuk waktu subuh pada 10 Zulhijjah<br><br>**2. Miqat Makani**<br>a) Ketentuan tempat atau sempadan tempat untuk berniat Ihram<br>b) Tempat untuk miqat bagi penduduk luar Mekah<br>• **Zulhulaifah/Bir Ali** dari arah Madinah<br>• **Zatul Irqin** dari arah Iraq<br>• **Qarnul Manazil** dari arah Malaysia Asia Tenggara.<br>• **Yalamlam** dari arah Yaman<br>• **Juhfah** dari arah Mesir dan Tunisia |
| 2 | Dua Bermalam atau mabit di muzdalifah | Tiada | • Berada di mudzalifah selepas tengah malam 10 Zulhijjah hingga sebelum terbit fajar |




 syabas181@gmail.com

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3 | Melontar 7 anak batu di jamrah kubra | Tiada | • Masa untuk melontar bermula selepas tengah malam 10 Zulhijjah |
| 4 | Bermalam mabit di Mina | Tiada | • Berada di Mina pada malam-malam hari tasyrik 11 hingga 13 Zulhijjah |
| 5 | Melontar 7 anak batu di ketiga-tiga jamrah | Tiada | • Melontar di Jamrah sughra ,jamrah wusta, dan jamrah kubra<br>• Pada hari tasyrik<br>• Masuk waktu melontar adalah selepas azan subuh sehingga terbenam matahari 13 Zulhijjah |
| 6 | Menjauhi larangan Ihram | Menjauhi larangan Ihram | **1. Kecantikan L&P**<br>• Menyapu minyak rambut<br>• Mencabut bulu.<br>• Memotong rambut<br>• Memotong kuku<br><br>**2. Wangi-Wangian L&P**<br>• Berwangi-wangian sama ada pada pakaian badan atau menghidunya<br><br>**3. Pakaian L**<br>• Memakai pakaian berjahit atau bercantum menutup kepala<br><br>**Pakaian P**<br>• Menutup muka<br><br>**Pakaian L&P**<br>• Memakai sarung tangan<br><br>**4. Alam Sekitar L&P**<br>• Memburu binatang buruan<br>• Memotong atau merosakkan tumbuhan<br><br>**5. Hubungan Seksual**<br>• Berkahwin mengahwinkan atau wakil untuk menerima nikah.<br>• Melakukan perbuatan merangsang syahwat.<br>• Persetubuhan suami isteri |

| Pakaian Ihram Lelaki Secara Biasa | Perempuan Pakai Ihram Lelaki Secara Ittiba' | Pakaian Perempuan Semasa Ihram |
|---|---|---|
|  |  |  |

## AMALAN SUNAT HAJI DAN UMRAH

| BIL | HAJI | UMRAH | HURAIAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Mandi Sunat Ihram | Mandi Sunat Ihram | • Dilakukan sebelum memakai pakaian Ihram<br>• Lafaz mandi sunat Ihram<br>نَوَيْتُ غُسْلَ سُنَّةِ الْإِحْرَامِ لِلّٰهِ تَعَالَى<br>**Maksud:**<br>Sahaja aku mandi sunat Ihram kerana Allah Taala |
| 2 | Solat Sunat Ihram | Solat Sunat Ihram | • Selepas selesai memakai pakaian Ihram dengan sempurna<br>• Disunatkan melakukan solat sunat Ihram<br>• Lafaz niat solat sunat ihram<br>أُصَلِّي سُنَّةَ الْإِحْرَامِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى<br>Maksud:<br>Sahaja aku solat sunat Ihram dua rakaat kerana Allah ta'ala |
| 3 | Talbiah | Talbiah | • Memperbanyak Talbiah selepas berihram |
| 4 | Mengutip Anak Batu Di Muzdalifah | Tiada | • Mengutip 7 anak batu di muzdalifah.<br>• Pada 9 Zulhijjah<br>• Untuk melontar Jamrah Kubra pada 10 Zulhijjah |
| 5 | Solat Sunat Selepas Melakukan Tawaf | Solat Sunat Selepas Melakukan Tawaf | • Sunat dilakukan di belakang makam Ibrahim<br>• Lafaz solat sunat tawaf<br>أُصَلِّي سُنَّةَ الطَّوَافِ رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى<br>Maksud:<br>Sahaja aku solat sunat taubat 2 rakaat kerana Allah ta'ala |


syabas181@gmail.com

**SPEKTRUM ILMU**
**Lafaz Talbiah**

| | |
|---|---|
| **Maksud:**<br>HambaMu datang menyahut panggilanmu ya Allah<br>Hambamu datang menyahut panggilan-mu<br>HambaMu datang menyahut panggilan-mu<br>Tiada sekutu bagi-mu<br>HambaMu datang menyahut panggilan-mu<br>Sesungguhnya pujian dan nikmat di atas<br>Adalah milik mu<br>Begitu juga kerajaan tiada sekutu bagimu | لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ،<br>لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ،<br>إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ<br>وَالْمُلْكَ، لَا شَرِيكَ لَكَ. |

**PERBANDINGAN HAJI DENGAN UMRAH**

**PERSAMAAN**

| ASPEK | HAJI DAN UMRAH |
|---|---|
| **Rukun** | • Tawaf Ifadah<br>• Saie<br>• Bercukur |
| **Perkara Wajib** | • Larangan Ihram<br>• Mempunyai Miqat Makani |

**PERBEZAAN**

| ASPEK | HAJI | UMRAH |
|---|---|---|
| **Waktu** | • Dikerjakan pada bulan Haji sahaja | • Pada bila-bila masa sepanjang tahun |
| **Rukun** | • Wajib Wukuf | • Tiada Wukuf |
| **Perkara wajib** | • Melontar 7-anak batu di Jamrah Kubra.<br>• Melontar 7-anak batu kepada ketiga-tiga tiga jamrah<br>• Bermalam di Muzdalifah<br>• Bermalam di Mina | • Tiada melontar 7-anak batu di Jamrah Kubra<br>• Tiada melontar 7-anak batu ketiga-tiga jamrah<br>• Tiada bermalam di Muzdalifah<br>• Tiada bermalam di Mina |

**JENIS HAJI**

| | JENIS | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | **Ifrad** | Mengerjakan haji dahulu kemudian mengerjakan umrah pada tahun yang sama |
| 2 | **Tamatok** | Mengerjakan umrah dahulu dalam bulan Haji kemudian mengerjakan haji pada tahun yang sama |
| 3 | **Qiran** | Berniat mengerjakan haji dan umrah serentak |


syabas181@gmail.com

## GARIS MASA HAJI TAMATTOK

| KALENDER ZULHIJJAH | AMALAN/AKTIVITI IBADAH HAJI TAMATTOK |
|---|---|
| 6 Zulhijjah | • Ihram umrah<br>• Melaksanakan umrah |
| 7 Zulhijjah | |
| 8 Zulhijjah | • Berniat Ihram haji di masjid haram meninggalkan larangan Haji |
| 9 Zulhijjah | • Wukuf di Arafah |
| 10 Zulhijjah | • Bermalam di Muzdalifah<br>• Melontar Jamrah Kubra<br>• Bercukur<br>• Tawaf Ifadhah<br>• Saie |
| 11 Zulhijjah | • Melontar di ketiga-tiga jamrah<br>• Bermalam di Mina |
| 12 Zulhijjah | • Melontar di ketiga-tiga jamrah<br>• Bermalam di Mina |
| 13 Zulhijjah | • Melontar di ketiga-tiga jamrah<br>• Bermalam di Mina |

**SPEKTRUM ILMU**
Tawaf widak dilaksanakan di Mekah Sebelum balik ke tanah air

## KAIFIAT PELAKSANAAN HAJI UMRAH

| BIL | TARIKH | TEMPAT | IBADAH | HUKUM |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 8 Zulhijjah | Mekah | Niat Ihram Haji | Rukun Haji |
| 2 | 9 Zulhijjah | Arafah | Wukuf | Rukun Haji |
| 3 | 9 Zulhijjah | Muzdalifah | Mabit di Muzdalifah | Wajib Haji |
| 4 | 10 Zulhijjah | Mina | Melontar Jamrah Aqabah/Kubra<br>Bermalam di Mina | Wajib Haji |
| 5 | 11 Zulhijjah | Mina | Melontar Jamrah Ula, Wusta & Aqabah Kubra<br>Bermalam di Mina | Wajib Haji |
| 6 | 12 Zulhijjah | Mina | Melontar Jamrah Ula, Wusta & Aqabah Kubra<br>Bermalam di Mina | Wajib Haji |
| 7 | 13 Zulhijjah | Mina | Melontar Jamrah Ula, Wusta & Aqabah Kubra | Wajib Haji |
| | | Mekah | Tawaf | Rukun Haji |
| | | Mekah | Saie | Rukun Haji |
| | | Mekah | Bergunting | Rukun Haji |
| | | | Tertib | Rukun Haji |


syabas181@gmail.com

## HIKMAH HAJI DAN UMRAH

| BIL | ASPEK | HIKMAH |
|---|---|---|
| 1 | **Rohani** | • Menghapuskan dosa dan meraih ganjaran syurga kerana pengorbanan harta dan tenaga dalam melakukan perintah Allah<br>• Menzahirkan ketaatan dalam melaksanakan perintah Allah bagi mencapai Kasih sayang dan rahmat daripada Allah. |
| 2 | **Sosial** | • Saling mengenali sesama umat Islam walaupun berbeza bangsa negara |
| 3 | **politik** | • Menzahirkan kekuatan umat Islam |
| 4 | **Dakwah** | • Menyemarakkan perkembangan dakwah Islam ke seluruh alam |
| 5 | **Ekonomi** | • Meningkatkan taraf hidup umat Islam dengan menabung dalam tabung haji supaya dana umat Islam meningkat.<br>• Meningkatkan dana umat Islam dan mewujudkan sumber pendapatan Baru |

**AKTIVITI**

1. Imbas **QR CODE** untuk melihat pelaksanaan Haji tamatok, kemudian laksanakan amali Haji Tamattok
2. Bina peta pemikiran tentang larangan Ihram.
3. Laksanakan aktiviti **GOLDFISH BOWL** dalam membuat perancangan kewangan bagi persediaan menjalani ibadah haji pada masa hadapan.
4. Bincangkan hukum dan alasan bagi situasi berikut secara berkumpulan, kemudian bentangkan hasil perbincangan anda:
   a) Bersentuh lelaki dengan perempuan bukan mahram ketika tawaf
   b) Penggunaan payung dan kaca mata hitam ketika ihram
   c) Menaiki **SCOOTER** ketika tawaf dan saie

**PENILAIAN**

1. Nyatakan maksud Haji dan Umrah.
2. Nyatakan hukum Haji dan Umrah.
3. Nyatakan dalil naqli Haji dan Umrah.
4. Jelaskan syarat wajib Haji dan Umrah.
5. Senaraikan rukun haji
6. Jelaskan perkara wajib Haji dan Umrah .
7. Jelaskan amalan sunat Haji dan Umrah.
8. Jelaskan banding beza antara Haji dan Umrah.
9. Jelaskan jenis umrah.
10. Terangkan kaifiat pelaksanaan Haji dan Umrah.
11. Huraikan dua hikmah menunaikan Haji dan Umrah.
12. Tuliskan (R) bagi rukun haji dan (W) bagi perkara wajib Haji

| BIL | IBADAH | R/W |
|---|---|---|
| 1 | Niat Ihram Haji | |
| 2 | Niat Ihram haji di miqat | |
| 3 | Tawaf dikaabah | |
| 4 | Bermalam di muzdalifah | |
| 5 | Bergunting | |
| 6 | Menjauhi larangan dalam masa Ihram | |

13. “**Ahmad Pergi Ke Mekah Menunaikan Haji Dan Umrah Membuat Pembiayaan Peribadi**”
    Kemukakan hujah anda tentang situasi di atas


syabas181@gmail.com

## 14: FIKAH: SEMBELIHAN

### MAKSUD SEMBELIHAN

| | |
|---|---|
| **Bahasa** | Memotong |
| **Istilah** | Menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya dengan cara memutuskan urat halkum dan urat mari' |

**HUKUM SEMBELIHAN**: **Wajib** supaya halal dimakan dagingnya

### DALIL NAQLI

Allah berfirman:

حُرِّمَتۡ عَلَيۡكُمُ ٱلۡمَيۡتَةُ وَٱلدَّمُ وَلَحۡمُ ٱلۡخِنزِيرِ وَمَآ أُهِلَّ لِغَيۡرِ ٱللَّهِ بِهِۦ وَٱلۡمُنۡخَنِقَةُ وَٱلۡمَوۡقُوذَةُ

وَٱلۡمُتَرَدِّيَةُ وَٱلنَّطِيحَةُ وَمَآ أَكَلَ ٱلسَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيۡتُمۡ ....... ﴿٣﴾

(Surah al-Maidah: 5, ayat: 3)

**Maksud:**
Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai, darah (yang keluar mengalir), daging khinzir (termasuk semua anggota tubuhnya), binatang binatang yang disembelih bukan kerana Allah, yang mati tercekik, yang mati dipukul, yang mati kerana jatuh dari tempat yang tinggi, yang mati ditanduk, mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih …..

### SPEKTRUM ILMU




**Rajah Urat Sembelihan Pada Binatang**

Rafi bin Khadij meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا أَنْهَرَ الدَّمَ وَذُكِرَ اسْمُ اللهِ عَلَيْهِ فَكُلُوهُ

(Riwayat al-Bukhari)

**Maksud:**
Setiap yang ditumpahkan darahnya dengan menyebut nama Allah maka makanlah

**SPEKTRUM ILMU**

Daripada Syaddad bin Aus, meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda:

عَنْ أَبِيْ يَعْلَى شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ ﵁: أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: اِنَّ اللهَ كَتَبَ الاِءحْسَانَ عَلَي كُلِّ شَىْءٍ فَاِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ وَاِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَةَ وَلْيُحِدَّ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ وَلْيُرِحْ ذَبِيْحَتَهُ.

(Riwayat Muslim)

**Maksud:**
Sesungguhnya Allah telah menetapkan perbuatan baik (al-Ihsan) atas segala sesuatu, jika kalian membunuh binatang, maka berlaku baiklah, dalam hal tersebut. Jika kamu menyembelihnya segerakanlah sembelihan kamu, Hendaklah kamu mengasah pisau dan menenangkan binatang sembelihan.

**RUKUN SEMBELIHAN**
1. Penyembelih
2. Binatang Sembelihan
3. Alat Sembelihan

**SYARAT SAH SEMBELIHAN**

| BIL | RUKUN | SYARAT RUKUN |
|---|---|---|
| 1 | Penyembelih | 1. Beragama Islam atau ahli kitab<br>• Halal sembelihan daripada ahli kitab kerana niat sembelihan mereka adalah kerana Allah<br>• Sembelihan kanak-kanak dan perempuan adalah sah dan halal<br>2. Melakukan penyembelihan Hanya kerana Allah<br>• Sembelihan yang bukan kerana Allah adalah haram dan tidak sesuai dimakan<br>• Contohnya sembelihan untuk membuat persembahan kepada kubur Keramat |
| 2 | Binatang Sembelihan | 1. Masih mempunyai hayat mustaqirrah<br>• Jika binatang yang disembelih hampir mati binatang tersebut tidak halal dimakan<br>2. Putus urat halkum dan marih dengan segera dan sekali sembelihan<br>• Urat Halkum ialah saluran pernafasan<br>Urat Mari' ialah saluran makanan<br>• Apabila kedua-dua urat tersebut diputuskan dengan segera binatang tersebut akan mati dengan cepat |
| 3 | Alat sembelihan | Alat yang boleh melukakan binatang sembelihan kecuali:<br>• Kuku<br>• Gigi<br>• Tulang |

**SPEKTRUM ILMU**

Majoriti ulamak menyatakan maksud ahli kita ialah keturunan Bani Israel yang beragama Yahudi dan Nasrani.

(Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwait)

**Hayat Mustaqirrah**

Haiwan yang mampu bergerak dengan Bertenaga antara tandanya termasuklah binatang tersebut meronta-ronta dengan kuat setelah disembelih.

(Wahbah al-Zuhayli; al-Fiqh al-Manhaji ala-Mazhab Imam Syafi'i)

**PERKARA SUNAT SEMBELIHAN**

| BIL | RUKUN | PERKARA SUNAT |
|---|---|---|
| 1 | Penyembelih | 1. Penyembelih menajamkan pisau<br>• Disunatkan menajamkan pisau berpandukan hadis riwayat Abu Ya'la<br>• Iaitu kamu hendaklah menajamkan pisau dan menenangkan haiwan sembelihan<br><br>2. Penyembelih menyembelih pada waktu siang<br>• Disunatkan penyembelihan dilakukan pada waktu siang,<br>• Mengelakkan berlaku kesilapan ketika menyembelih<br><br>3. Menghadap kiblat<br>• Disunatkan menyembelih dan binatang sembelihan mengadap arah kiblat<br>• Kiblat ialah tempat mulia bagi umat Islam<br><br>4. Membaca basmalah<br>• Disunatkan punya boleh membaca basmalah ketika permulaan penyembelih |
| 2 | Binatang Sembelihan | • Membaringkan binatang sembelihan pada rusuk kiri |
| 3 | Alat sembelihan | • Alat yang tajam seperti pisau |

**SPEKTRUM ILMU**

Janin yang mati selepas ibunya disembelih atau mati dalam perut, atau lahir dalam keadaan bukan hayat Mustaqirrah halal dimakan dagingnya

**PERKARA MAKRUH SEMBELIHAN**

| BIL | RUKUN | PERKARA MAKRUH |
|---|---|---|
| 1 | Penyembelih | • Menyembelih di hadapan binatang lain<br>• Menyembelih pada waktu malam<br>• Tidak menghadap kiblat.<br>• Tidak membaca basmalah |
| 2 | Binatang Sembelihan | • Menyeksa binatang |
| 3 | Alat Sembelihan | • Pisau yang tumpul |


syabas181@gmail.com

**SPEKTRUM ILMU**

**Contoh Menyiksa Binatang Sembelihan**

- Memenggal leher.
- Mematahkan kaki.
- Mengheret kaki binatang ke tempat sembelihan.
- Menajamkan pisau sembelihan di hadapan binatang

**HIKMAH SEMBELIHAN DARI SUDUT SYARAK DAN SAINS**

1. Membezakan antara daging yang halal dengan daging yang haram supaya ibadah diterima.
2. Menghindarkan diri daripada penyakit yang terdapat dalam binatang kerana toksin dan bakteria yang terdapat dalam darah binatang telah dikeluarkan.
3. Mempercepat proses kematian binatang yang disembelih

**SPEKTRUM ILMU**

- Penggunaan **WATER STUNNER** dalam proses penyembelihan ayam adalah **harus**.
- Penggunaan **ELECTRICAL STUNNING** dalam penyembelihan lembu adalah **harus**.

**(Muzakarah jawatankuasa Fatwa, 1988)**

**AKTIVITI**

1. Laksanakan amali sembelihan
2. Bina peta pemikiran tentang hikmah sembelihan.
3. Laksanakan aktiviti **HOT SEAT** bagi menceritakan pengalaman murid melaksanakan sembelihan.
4. Bincangkan hukum dan alasan bagi situasi berikut, secara berkumpulan, melalui carian Internet, kemudian bentangkan hasil perbincangan anda:
   a) Penggunaan rancangan renjatan elektrik terhadap binatang sebelum sembelihan.
   b) Penyembelihan dengan menggunakan mesin.
   c) Binatang dipukul selepas sembelihan untuk mempercepat kematiannya

**PENILAIAN**

1. Nyatakan maksud sembelihan.
2. Nyatakan hukum sembelihan
3. Nyatakan dalil sembelihan
4. Senaraikan rukun sembelihan.
5. Jelaskan syarat sah sembelihan.
6. Jelaskan perkara sunat sembelihan.
7. Jelaskan perkara makruh sembelihan.
8. Terangkan dua hikmah sembelihan.
9.



STATUS SEMBELIHAN DIRAGUI

premis pemprosesan ayam diarah tutup

SHAH ALAM – Sebuah premis penyembelihan dan pemprosesan ayam yang tidak mempamerkan sijil halal diarahkan tutup kerana cara pengurusan penyembelihannya diragui.

Bagaimanakah cara mengatasi masalah di atas? Bincangkan.



syabas181@gmail.com

## 15: UNIT 1: FIKAH: KORBAN

### MAKSUD KORBAN
Menyembelih binatang ternakan Al An'am, pada 10 Zulhijjah hingga akhir hari Tasyrik, bertujuan mendekatkan diri kepada Allah

### HUKUM
- Sunat Muakkad
- Wajib jika bernazar

### DALIL NAQLI
Allah berfirman:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَٱنْحَرْ ﴿٢﴾

(Surah al-Kauthar:108 ,ayat: 2)

**Maksud:**
Tunaikanlah solat kerana Tuhanmu dan Berkorbanlah kerana-Nya.

### BINATANG TERNAKAN AL-AN'AM YANG DISYARIATKAN KORBAN
- Kerbau
- Lembu
- Biri-biri
- Kambing
- Unta

### PERSYARIATAN IBADAH KORBAN
1. Pada tahun ke 2 Hijrah
2. Mengingati pengorbanan Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail

### SYARAT SAH KORBAN

| BIL | SYARAT | PENERANGAN |
|---|---|---|
| 1 | Berniat Korban | • Berniat korban ketika binatang disembelih |
| 2 | Masa Pelaksanaan | • Selepas solat Hari Raya Aidil Adha pada 10 Zulhijjah<br>• Sehingga terbenam matahari pada akhir hari tasyrik iaitu Pada 13 Zulhijjah |
| 3 | Cukup Umur | • **Unta** : 5 tahun dan ke atas<br>• **Lembu atau Kerbau** :2 tahun dan ke atas<br>• **Kambing** 2 tahun dan keatas<br>• **Biri-biri** satu tahun atau Sudah bersalin gigi hadapan setelah berumur 6 bulan |
| 4 | Sifat Al An'am | • Bebas daripada penyakit dan kecacatan contohnya :<br>a) Cacat yang teruk pada satu matanya<br>b) Berpenyakit yang teruk tempang<br>c) Kurus yang melampau |


syabas181@gmail.com

## SPEKTRUM ILMU

Al Barra’ bin Azib meriwayatkan, bahawa Rasulullah bersabda:

أَرْبَعٌ لَا تَجُوزُ فِي الْأَضَاحِيِّ:
فَقَالَ الْعَوْرَاءُ بَيِّنٌ عَوَرُهَا،
وَالْمَرِيضَةُ بَيِّنٌ مَرَضُهَا، وَالْعَرْجَاءُ
بَيِّنٌ ظَلْعُهَا وَالْكَسِيرُ الَّتِي لَا تُنْقِي

(Riwayat Abu Daud)

**Maksud**:

Tempat jenis binatang cacat yang tidak boleh dijadikan korban binatang yang jelas buta sebelah yang jelas baru penyakit yang teruk yang jelas tempang nya dan gila

## PERKARA SUNAT KORBAN

1. Orang yang berkorban disunatkan tidak bercukur dan memotong kuku pada permulaan bulan Zulhijjah sehingga selesai berkorban
2. Melakukan penyembelihan korban dengan sendiri dan tidak mewakili kan kepada orang lain jika mampu.
3. Melaksanakan segala sunat sembelihan seperti menghadap arah kiblat dan alat sembelihan yang tajam.
4. Membaca “**Bismillahi Allahuakbar**” dan Berselawat ke atas Rasulullah SAW ketika menyembelih.
5. Berdoa semasa hendak menyembelih

   اَللّٰهُمَّ هٰذَا مِنْكَ وَإِلَيْكَ، فَتَقَبَّلْ مِنِّي

   **Maksud**

   Ya Allah Binatang ini daripadamu dan kembali kepadaMu terimalah korban ku

## TEMPOH MASA PELAKSANAAN KORBAN

| TARIKH | PELAKSANAAN |
|---|---|
| 1 Zulhijjah | • Orang yang berkorban makruh bercukur dan memotong kuku<br>• Korban tidak sah dilakukan sebelum 10 Zulhijjah |
| 10 Zulhijjah | • waktu penyembelihannya Afdal bermula selepas naik matahari selepas solat sunat Aidil Adha dan dua khutbah |
| 11 Zulhijjah | • Sunat pelaksanaan korban |
| 12 Zulhijjah | • Sunat pelaksanaan korban |
| 13 Zulhijjah | • Sunat pelaksanaan korban |
| 14 Zulhijjjah | • Korban tidak sah dilakukan selepas terbenam matahari 13 Zulhijjah |

## SPEKTRUM ILMU

Apa-apa sahaja daripada bahagian korban tidak dibenarkan untuk diberikan kepada tukang sembelih sebagai upah

**(Al-Imam an-Nawawi: al-Majmuk)**

**PEMBAHAGIAN DAGING KORBAN**

- 1/3 Disedekahkan pada kepada fakir miskin
- 1/3 Dihadiahkan kepada sahabat handai termasuk orang kaya atau jiran
- 1/3 Dimakan oleh pihak yang berkorban dan anggota keluarganya

**SPEKTRUM ILMU**

- Agihan daging korban
  Wajib semua daging korban, bagi korban Nazar disedekahkan kepada fakir miskin
- Orang yang berkorban haram menjual daging, kulit, lemak susu, kaki, kepala dan bulu binatang korban.

**HIKMAH KORBAN**

1. Mengagungkan syiar Islam yang merupakan tanda takwa bagi mendekatkan diri kepada Allah.
2. Menghayati semangat pengorbanan Agung yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim supaya semangat tersebut menaikkan semangat jihad.
3. Mengeratkan persaudaraan antara umat Islam kerana solat sunat Aidil Adha menghimpunkan seluruh umat Islam.
4. Tanda bersyukur kepada Allah atas segala nikmat supaya rezeki yang diperoleh sentiasa diberkati

**SPEKTRUM ILMU**

Daripada Aisyah meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda:

مَا عَمِلَ ابْنُ آدَمَ يَوْمَ النَّحْرِ
عَمَلًا أَحَبَّ إِلَى اللهِ عَزَّ وَجَلَّ
مِنْ هِرَاقَةِ دَمٍ وَإِنَّهُ لَيَأْتِي يَوْمَ
الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَظْلَافِهَا
وَأَشْعَارِهَا وَإِنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ
اللهِ عَزَّ وَجَلَّ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ
عَلَى الْأَرْضِ فَطِيبُوا بِهَا نَفْسًا.

(Riwayat Tirmizi dan Ibnu Majah)

**Maksud:**

Amalan yang dikerjakan oleh anak Adam yang paling disukai oleh Allah pada hari Aidul Adha ialah korban. Sesungguhnya binatang yang dikorbankan pasti datang menemui tuhannya pada hari kiamat lengkap dengan tanduk kuku dan bulu nya. dan Sesungguhnya darah sembelihan qurban itu telah mendapat tempat istimewa di sisi Allah sebelum ia jatuh ke tanah. Maka galakkanlah dirimu untuk berkorban.


syabas181@gmail.com

## AKTIVITI

1. Laksanakan aktiviti **ROUND ROBIN** untuk membincangkan peranan anda ketika ibadah Korban dilaksanakan.
2. Bina peta pemikiran untuk menjelaskan pembahagian daging korban.
3. Cari maklumat melalui melalui Internet dan Bincangkan hukum dan alasan bagi situasi berikut secara berkumpulan. Kemudian bentangkan hasil perbincangan anda:
   a) Hukum menyembelih seekor lembu untuk tujuan korban secara berkongsi.
   b) Melaksanakan korban di luar kawasan atau di luar Negara.
   c) Pemberian daging korban kepada orang bukan Islam

## PENILAIAN

1. Nyatakan maksud korban
2. Nyatakan hukum korban.
3. Tuliskan dalil naqli tuntutan korban.
4. Terangkan cara pembahagian daging korban.
5. Terangkan dua hikmah melaksanakan ibadah korban.
6. Bagaimanakah ibadah korban dapat memajukan ekonomi umat Islam? Huraikan.


syabas181@gmail.com

## 15: UNIT 1: FIKAH: AKIKAH

**MAKSUD AKIKAH**
Menyembelih binatang ternakan al-An'am yang sempena kelahiran bayi

**HUKUM**
- Sunat Muakkad
- Wajib jika Bernazar

**DALIL NAQLI**
Daripada Samurah bin Jundub, meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW, bersabda:

الْغُلَامُ مُرْتَهَنٌ بِعَقِيقَتِهِ يُذْبَحُ عَنْهُ يَوْمَ السَّابِعِ
وَيُسَمَّى وَيُحْلَقُ رَأْسُهُ

(Riwayat at-Tirmizi)

**Maksud:**
Setiap setiap anak tergadai dengan Aqiqahnya, maka pada hari ketujuh di sembelih haiwan, diberi nama dan dicukur rambutnya.

**SPEKTRUM ILMU**

Perkataan **Tergadai (al-Murtahin)** dalam Hadis, bermaksud anak tersebut tidak dapat memberi syafaat kepada kedua-dua ibu dan bapanya, pada hari kiamat nanti, jika ibu bapanya tidak melakukan akikah untuk anak tersebut.

**(Ibnu Hajar; Fathul Bari)**

**BINATANG TERNAKAN AL-AN'AM YANG DISYARIATKAN KORBAN**
- Kerbau
- Lembu
- Biri-biri
- Kambing
- Unta

**SYARAT SAH AKIKAH**

| BIL | SYARAT | PENERANGAN |
|---|---|---|
| 1 | Berniat Korban | • Berniat Akikah ketika binatang disembelih |
| 2 | Masa Pelaksanaan | • Setelah bayi dilahirkan |
| 3 | Cukup Umur | • **Unta** : 5 tahun dan ke atas<br>• **Lembu atau Kerbau** :2 tahun dan ke atas<br>• **Kambing** 2 tahun dan keatas<br>• **Biri-biri** satu tahun atau Sudah bersalin gigi hadapan setelah berumur 6 bulan |
| 4 | Sifat Al An'am | • Bebas daripada penyakit dan kecacatan contohnya :<br>d) Cacat yang teruk pada satu matanya<br>e) Berpenyakit yang teruk tempang<br>f) Kurus yang melampau |


syabas181@gmail.com

## SPEKTRUM ILMU

- Penyembelihan binatang akikah memadai dengan seekor kambing.
- Sebaik-baiknya ialah dua ekor kambing bagi anak lelaki dan Seekor bagi anak perempuan.
- Ini berdasarkan hadis Ibnu Abbas meriwayatkan bahawa:

عَقَّ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْحَسَنِ وَالْحُسَيْنِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا بِكَبْشَيْنِ كَبْشَيْنِ.

(Riwayat an-Nasa'i)

**Maksud:**
Rasulullah telah melakukan aqiqah untuk Hasan dan Husin dengan dua ekor kibas( biri-biri) tiap-tiap seorang.

## PERKARA SUNAT AKIKAH

1. Berdoa semasa hendak menyembelih:

   بِسْمِ اللهِ وَاللهُ أَكْبَرُ، اَللَّهُمَّ هَذَا مِنْكَ وَإِلَيْكَ عَقِيقَةُ ... (سبوت نام انق)

   **Maksud:**
   Dengan nama dengan nama Allah, Allah Maha Besar, Ya Allah binatang ini daripadaMu dan kembali kepadaMu. Ini aqiqah ……(sebut nama anak)

2. Menyembelih ketika matahari sedang naik.
3. Dilakukan pada hari ketujuh selepas kelahiran.
4. Tidak dipatah-patahkan tulang binatang semasa memotong daging kecuali mengikut sendi-sendinya.
5. Mencukur rambut bayi selepas penyembelihan memberikan nama yang baik kepada bayi.
6. Bersedekah dengan emas atau perak seberat rambut bayi yang telah dicukur

## TEMPOH MASA PELAKSANAAN AKIKAH

| BIL | HUKUM | KETERANGAN |
|---|---|---|
| 1 | Sunat | Setelah sempurna kelahiran sehingga bayi itu baligh |
| 2 | Sunat Muakkad | Pada hari ketujuh kelahiran bayi |


syabas181@gmail.com

**SPEKTRUM ILMU**

Ibnu Umar meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda:

إِنَّ أَحَبَّ أَسْمَائِكُمْ إِلَى اللهِ
عَبْدُ اللهِ وَعَبْدُ الرَّحْمَنِ

(Riwayat Muslim)

Maksud:

Sesungguhnya nama kalian yang paling dicintai di sisi Allah ialah Abdullah dan Abdul Rahman

**PEMBAHAGIAN DAGING AKIKAH**

1. Dimasak dengan masak yang manis dan disedekahkan sesudah dimasak.
2. Masakan itu Afdhal disedekahkan kepada orang miskin.
3. Masakan itu juga sunat dimakan oleh orang yang beraqiqah.

**HIKMAH AKIKAH**

1. Menzahirkan kesyukuran kepada Allah atas kurniaan cahaya mata.
2. Menghebahkan berita kelahiran supaya tidak timbul prasangka
3. Menyuburkan sifat pemurah dan menjauhi sifat bahil

**AKTIVITI**

1. Melaksanakan aktiviti **QUICK QUIZ** yang menguji kefahaman murid tentang aqiqah secara lisan.
2. Bina peta pemikiran tentang perbandingan antara korban dengan akikah.
3. Bincangkan hukum dan alasan bagi situasi berikut, secara berkumpulan, kemudian bentangkan hasil perbincangan anda.
4. Memberikan daging aqiqah kepada orang bukan Islam.
5. Melaksanakan ibadah Aqiqah tetapi tidak bersedekah dagingnya

**PENILAIAN**

1. Nyatakan maksud akikah.
2. Nyatakan hukum akikah.
3. Nyatakan dalil naqli tuntutan aqiqah.
4. Terangkan cara pembahagian daging akikah
5. Terangkan dua hikmah menunaikan ibadah aqiqah.
6. **"Hukum akikah merupakan sunat muakkad. Tetapi terdapat ibu bapa yang tidak mampu melaksanakannya sehingga anak telah mencapai usia baligh".**
   Berikan pandangan anda berkaitan dengan situasi di atas

## 16: UNIT 1: FIKAH: KONSEP MUAMALAT ISLAM

**MAKSUD MUAMALAT ISLAM**
Hukum syarak yang berkaitan dengan urusan kewangan seperti jual beli sewaan simpanan dan sebagainya

**HUKUM MUAMALAT ISLAM** : Harus

**Dalil Naqli Muamalat Islam:**

Allah berfirman:

....... وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلۡبَيۡعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰاْۚ ........ ﴿٢٧٥﴾

(Surah al-Baqarah:2, ayat: 275)

**Maksud:**
Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

**MATLAMAT PENSYARIATAN MUAMALAT DALAM ISLAM**
1. Menunjukkan Keadilan Allah dalam mengatur urusan kehidupan manusia
2. Mengiktiraf Pemilikan harta melalui akad yang sah
3. Segala urusan dalam amalan Islam bertepatan dengan matlamat Syariat Islam.
4. Menjaga kepentingan penjual dan pembeli serta penyewa dan pemiliknya.
5. Mendapat keredaan Allah kerana melakukan suruhan Dan meninggalkan larangan dalam urusan harian

**KEPENTINGAN MEMAHAMI DAN MENGAMALKAN MUAMALAT ISLAM**

**1. Dalil Naqli Tuntutan Beramal Dengan Muamalat Islam**

Allah berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَأۡكُلُوٓاْ أَمۡوَٰلَكُم بَيۡنَكُم بِٱلۡبَٰطِلِ إِلَّآ أَن تَكُونَ تِجَٰرَةً عَن تَرَاضٖ مِّنكُمۡۚ .......... ﴿٢٩﴾

(Surah An Nisa: 4, ayat:29)

**Maksud:**
Wahai orang yang beriman, janganlah kamu memakan harta benda sesama kamu, dengan jalan yang salah (batil), kecuali dengan perniagaan yang dilakukan, secara saling meredhai antara kamu.

**SPEKTRUM ILMU**
al-Batil adalah mana-mana transaksi yang menyalahi syarak.

**(Wahbah az-Zuhaily: at-Tafsir Al Munir)**


syabas181@gmail.com

## 2. Dalil Naqli Ancaman Tidak Beramal Dengan Muamalat Islam

Allah berfirman:

وَيۡلٞ لِّلۡمُطَفِّفِينَ ١ ٱلَّذِينَ إِذَا ٱكۡتَالُواْ عَلَى ٱلنَّاسِ يَسۡتَوۡفُونَ ٢ وَإِذَا كَالُوهُمۡ أَو وَّزَنُوهُمۡ
يُخۡسِرُونَ ٣ أَلَا يَظُنُّ أُوْلَٰٓئِكَ أَنَّهُم مَّبۡعُوثُونَ ٤ لِيَوۡمٍ عَظِيمٖ ٥ يَوۡمَ يَقُومُ ٱلنَّاسُ لِرَبِّ
ٱلۡعَٰلَمِينَ ٦

(Surah al-Mutaffifin: 83, ayat:1-6)

**Maksud:**
Kecelakaan besar bagi orang yang menipu dalam timbangan dan sukatan iaitu mereka yang apabila menerima sukatan daripada orang lain mereka mengambilnya dengan cukup, dan sebaliknya apabila mereka menukar atau menimbang untuk orang lain mereka kurangi, tidakkah mereka menyangka akan dibangkitkan (hidup Semula sesudah mati)? pada hari kiamat yang amat besar (huru-haranya). Hari berdiri manusia ketika menghadap tuhan semesta alam?

## 3. Contoh Keperihatinan Nabi Dan Sahabat Dalam Menjaga Muamalat Islam

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ – مَرَّ عَلَى صُبْرَةِ طَعَامٍ، فَأَدْخَلَ يَدَهُ
فِيهَا، فَنَالَتْ أَصَابِعُهُ بَلَلًا، فَقَالَ: "مَا هَذَا يَا صَاحِبَ
الطَّعَامِ؟" قَالَ: أَصَابَتْهُ السَّمَاءُ يَا رَسُولَ اللَّهِ. فَقَالَ:
أَفَلَا جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعَامِ؛ كَيْ يَرَاهُ النَّاسُ؟ مَنْ غَشَّ
فَلَيْسَ مِنِّي.

**(Riwayat Muslim)**

**Maksud:**
Bahawa Rasulullah lalu berdekatan dengan selonggok makanan lalu baginda memasukkan tangannya ke dalam longgokkan itu. Tiba-tiba jari baginda terkena sesuatu yang basah baginda bertanya: "Apa semua ini wahai tuan punya makanan?". Orang itu menjawab, "terkena hujan, wahai Rasulullah". Baginda bersabda: "Mengapa tidak kamu letakkan di atas supaya orang ramai dapat melihatnya?". Sesiapa yang menipu maka dia bukan daripada kalangan ku.

**MAKSUD PENAFIAN MENJADI UMAT RASULULLAH**
Perbuatan tersebut menyalahi Sunnah Rasulullah dan petunjuk baginda

**(al-Imam an-Nawawi:Syarah Sahih Muslim)**

**SPEKTRUM ILMU**

- Ibnu Abbas menceritakan bahawa setelah Nabi Muhammad SAW sampai di Madinah.
- Penduduk Madinah ialah orang yang paling buruk dalam hal timbangan.
- Allah menurunkan ayat :

وَيۡلٞ لِّلۡمُطَفِّفِينَ ١

**Maksud:**
Kecelakaan besarlah bagi orang yang menipu

(Riwayat an-Nasa'ie)

**PERBANDINGAN ANTARA MUAMALAT ISLAM DENGAN KONVENSIONAL**

| MUAMALAT ISLAM | KONVENSIONAL |
|---|---|
| Bersumberkan dalil al-quran dan Sunnah | Bersumberkan teori dan pemikiran manusia |
| Mengharamkan riba | Mengamalkan riba |
| Bebas daripada unsur judi dan Gharar | Mengandungi unsur judi dan Gharar |
| Berteraskan keimanan kepada Allah | Berteraskan keuntungan dan kekayaan |

**UNSUR YANG DIHARAMKAN DALAM MUAMALAT ISLAM**

| BIL | UNSUR | MAKSUD | CONTOH |
|---|---|---|---|
| 1 | **RIBA** | Pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan dan hutang | Aiman berhutang daripada Ilham sebanyak RM100.00 dengan syarat Aiman mesti membayar RM110.00 |
| 2 | **GHARAR** | Kesamaran dalam urusan Muamalat yang tidak dibenarkan oleh syarak | Menjual burung liar di udara |
| 3 | **JUDI** | Perbuatan yang melibatkan pertaruhan sesuatu yang berharga | Mempertaruhkan wang dalam sesuatu perlumbaan |
| 4 | **DHORAR** | Setiap perkara yang membawa kerosakan | Melakukan transaksi barang terlarang seperti senjata api kepada kanak-kanak |

**SPEKTRUM ILMU**

1. **RIBA DALAM AMAL ISLAM TERBAHAGI KEPADA DUA BAHAGIAN:**
   a) Riba al-Duyun ( riba hutang)
   b) Riba al-Buyu’ (jual beli)

2. **MANAKALA ULAMA MAZHAB SYAFI'I MEMBAHAYAKAN KEPADA TIGA**
   a) Riba al-Fadhl
   b) Riba an-Nasiah
   c) Riba al-Yad

**(Wahbah al-Zuhayli : al-Fiqh al-Manhaji : ala-Mazhab Imam Syafi'ie)**


syabas181@gmail.com

## AKAD DALAM MUAMALAT ISLAM

## MAKSUD AKAD

| | |
|---|---|
| **Bahasa** | Ikatan Simpulan |
| **Istilah** | Ijab dan Qabul dalam urusan perniagaan dan kewangan |

**(Wahbah al-Zuhayli al-Fiqh al-Islami wa-Adillatuha)**

## RUKUN AKAD

| BIL | RUKUN | CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **PIHAK YANG BERAKAD** | • Pembeli<br>• penjual |
| 2 | **SESUATU YANG DIAKADKAN** | • harga<br>• barang |
| 3 | **SIGHAH** | • Ijab<br>• Kabul |

## SYARAT-SYARAT AKAD DALAM MUAMALAT ISLAM

| | |
|---|---|
| **1. Pihak Yang Berakad** | a) Penjual dan pembeli Mestilah<br>• Baligh<br>• Berakal<br>• Mampu memelihara dan mengurus hartanya<br>b) Melibatkan dua pihak dan bebas membuat pilihan |
| **2. Perkara Yang Diakadkan** | a) Mestilah wujud ketika akad berlaku<br>b) barang atau perkhidmatan yang diakadkan.<br>c) Dapat diserahkan ketika angkat |
| **3. Sigah** | **a) Lafaz Ijab Dan Lafaz Qabul Adalah Sepadan**<br>Contohnya:<br>Ali menyatakan lafaz ijab dengan berkata saya beli sehelai baju ini dengan harga RM100 dan Ahmad berkata ia itu bersetuju menerima tawaran tersebut.<br><br>**b) Lafaz Ijab Dan Lafaz Qabul Tidak Diikat Dengan Syarat Tertentu.**<br>Contoh :<br>Abdullah menyatakan saya jual basikal ini kepada awak dengan harga RM 1000.00, Apabila saya menyambung Pelajaran ke luar Negara.<br><br>**c) Lafaz Ijab Dan Lafaz Qabul Dalam Satu Pertemuan** |


syabas181@gmail.com

**SPEKTRUM ILMU**

Ubadah bin Somit meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَلذَّهَبُ بِالذَّهَبِ، وَالْفِضَّةُ
بِالْفِضَّةِ، وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ
بِالشَّعِيرِ، وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ،
وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ، مِثْلًا بِمِثْلٍ،
سَوَاءً بِسَوَاءٍ، يَدًا بِيَدٍ، فَإِذَا
اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَبِيعُوا
كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ.

(Riwayat Muslim)

**Maksud:**

Pertukaran emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar dan garam dengan garam, Mestilah dengan kadar timbangan sukatan yang sama, dan Mestilah dengan penyerahan serentak dalam satu majlis

**HUKUM SKIM CEPAT KAYA**

**Haram** kerana mengandungi unsur unsur judi riba dan Gharar.

Umat Islam **dilarang** terlibat dengan skim ini

**AKTIVITI**

1. Melaksanakan aktiviti **IDEA RUSH** bagi menyatakan kewajipan mengamalkan Muamalat Islam.
2. Bina peta pemikiran tentang perbezaan dan antara Muamalat Islam dengan konvensional.
3. Cari maklumat mengenai rukun akad melalui Internet.
   - Hasilkan infografik secara berkumpulan berkaitan dengan rukun akad.
   - Muat naik info tersebut ke media sosial.
4. Bincangkan hukum dan alasan bagi situasi berikut secara berkumpulan di kemudian bentangkan hasil perbincangan anda.
   i. Riba dalam hutang.
   ii. Jual Beli mercun.
   iii. Akad jual beli melalui telesidang **VIDEO CONFERENCE**.

**PENILAIAN**

1. Apakah maksud Muamalat Islam.
2. Nyatakan dalil yang terkandung muamalah Islam.
3. Jelaskan empat matlamat pensyariatan Muamalat Islam.
4. Senaraikan rukun akad.
5. Jelaskan syarat akad dalam Muamalat Islam.
6. 



Pemuda rugi RM5,000
ditipu penjual kereta di Internet

Huraikan pandangan anda Berdasarkan penyataan di atas?



syabas181@gmail.com

## 16: UNIT 2: FIKAH: JENIS AKAD DALAM MUAMALAT ISLAM

| BIL | AKAD | CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **PERTUKARAN** | • Jual beli<br>• Sewaan |
| 2 | **KEBAJIKAN** | • Hibah<br>• Qard<br>• Wakaf<br>• Wadiah |
| 3 | **PERKONGSIAN** | • Musyarakah<br>• Mudharabah |
| 4 | **AGEN** | • Wakalah |
| 5 | **JAMINAN** | • Kafalah<br>• Rahnu |

## PENGERTIAN DAN CONTOH JENIS AKAD DALAM MUAMALAT ISLAM

| BIL | JENIS | AKAD | MAKSUD | CONTOH |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Pertukaran | Jual beli | Akad pertukaran barang dengan barang dengan persetujuan penjual dan pembeli | Membeli makanan di kantin sekolah dengan duit |
| | | Sewaan | Akad bagi menyerahkan sesuatu yang bermanfaat yang boleh diberikan secara sewa dengan pembayaran tertentu | Sewaan rumah |
| 2 | Kebajikan | Hibah | Memberikan sesuatu secara percuma dengan rela hati kepada orang lain ketika pemberi masih hidup | Memberikan sebuah rumah kepada anak |
| | | Qard | Memberikan hutang wang kepada orang lain tanpa sebarang imbuhan faedah dan perlu membayar kembali dengan jumlah yang sama | Memberikan pinjaman wang RM 100 untuk kegunaan peribadi |
| | | Wakaf | Mewakafkan harta yang dapat diambil manfaatnya serta kekal fizikalnya airnya untuk penggunaan yang baik serta bertujuan mendapat keredaan Allah | Mewakafkan rumah untuk pusat penjagaan anak-anak yatim |
| | | Wadiah | Memberikan sesuatu barang kepada orang lain agar dapat disimpan dan dipelihara seperti yang sepatutnya | Simpanan Wang |


syabas181@gmail.com

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **3** | Perkongsian | Musyarakah | Akad yang menetapkan sesuatu harta atau perniagaan yang dikongsi bersama oleh dua orang atau lebih | perkongsian untuk menubuhkan syarikat perniagaan |
| | | Mudharabah | Akad yang dilakukan oleh pemodal dengan menyerahkan modalnya kepada pengusaha agar dapat diniagakan dan keuntungan dibahagikan antara mereka | Permodal memberikan RM 10 ribu kepada pengusaha untuk perniagaan buah-buahan Daripada kadar keuntungan yang dipersetujui 60 peratus untuk pengusaha dan 40 peratus untuk pemodal. |
| **4** | Agen | Wakalah | Mewakilkan pekerjaan tertentu yang boleh dikerjakan kepada orang lain | Irsyad mewakilkan Syafiq untuk menjual sebuah rumahnya dan Syafiq akan dibayar imbuhan yang dipersetujui |
| **5** | Jaminan | Kafalah | Jaminan yang diberikan oleh penjamin kepada orang yang dijamin atas sesuatu transaksi | Muhammad menjadi penjamin kepada Ahmad yang membuat pembiayaan daripada sebuah bank |
| | | Rahnu | Menggadaikan sesuatu barang sebagai jaminan terhadap hutang | Maimunah menggadaikan gelang emas kepada bank bagi mendapatkan pinjaman daripada Bank |

**AKTIVITI**

1. Melaksanakan aktiviti **HOT SEAT** bagi menceritakan pengalaman murid melaksanakan akad dalam muamalat Islam
2. Bina peta pemikiran jenis akad dalam Muamalat Islam
3. Bincangkan hukum dan alasan bagi situasi berikut secara berkumpulan, kemudian bentangkan hasil perbincangan anda.
   i. Pembelian barangan melalui Internet **ONLINE**.
   ii. Pembelian haiwan peliharaan.
   iii. Pengumpulan wang secara sistem kutu

**PENILAIAN**

1. Nyatakan pengertian maksud serta contoh bagi akad berikut:

- Jual beli
- Mudharabah
- Qard
- Rahnu
- Musyarakah
- Hibah
- Kafalah
- Wadiah
- Sewaan
- Wakalah
- Wakaf

2. **"Jom menabung untuk masa depan anda"**
   Ramalkan apa apa yang akan terjadi sekiranya individu tidak melaksanakan perkara di atas

## 17: UNIT 1: FIKAH: SOLAT SUNAT DHUHA

**MAKSUD**

Solat sunat dhuha solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas suruh hingga sebelum gelincir matahari

**HUKUM :** Sunat Muakkad

**Dalil:**

Abu hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَوْصَانِي خَلِيلِي ﷺ بِثَلاثٍ لَا أَدَعُهُنَّ حَتَّى أَمُوتَ
صَوْمِ ثَلاثَةِ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ وَصَلاةِ الضُّحَى وَنَوْمٍ
عَلَى وِتْرٍ.

(Riwayat Bukhari)

**Maksud:**

Kekasihku SAW, telah mewasiatkan kepada aku tiga perkara, yang tidak akan pernah aku tinggalkan sehingga akhir hayatku, berpuasa 3 hari setiap bulan Hijrah, mengerjakan dua rakaat solat dhuha, dan mengerjakan solat witir sebelum tidur,

**SPEKTRUM ILMU**

Waktu dhuha adalah selepas 28 minit waktu syuruk sehingga masuk waktu zohor

**(Pejabat mufti Wilayah Persekutuan)**

Abu Zar al-Ghifari meriwayatkan dalam hadis qudsi Allah berfirman

يَا ابْنَ آدَمَ ارْكَعْ لِي مِنْ أَوَّلِ
النَّهَارِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ أَكْفِكَ
آخِرَهُ

(Riwayat Tarmizi)

**Maksud:**

Wahai anak adam kerjakanlah 4 rakaat pada permulaan siang (solat dhuha) pasti aku cukupkan keperluan mu sampai ke petang



syabas181@gmail.com

## KAIFIAT MENUNAIKAN SOLAT SUNAT DHUHA

| | |
|---|---|
| **Lafaz niat** | أُصَلِّي سُنَّةَ الضُّحَى رَكْعَتَيْنِ لِلّٰهِ تَعَالَى.<br>Maksud :<br>Sahaja aku solat sunat dhuha 2 rakaat kerana Allah ta'ala |
| **Bilangan rakaat** | 2/4/6 atau 8 rakaat. |
| **Cara pelaksanaan** | Digalakkan secara bersendirian |
| **Bacaan dalam solat** | 1. Rakaat pertama<br>Surah al-Fatihah Kemudian surah as-Syam ataupun surah lain<br><br>2. Rakaat kedua<br>Surah al-Fatihah kemudian Surah Duha atau surah lain |
| | Menyempurnakan rukun-rukun lain sehingga memberi salam |

**(Wahbah al-Zuhaili : Al-Fiqh al-Manhaji ala-Mazhab al-Imam al-Syafi'e)**

**SPEKTRUM ILMU**

Aisyah radhiallahu anha berkata selepas Rasulullah menunaikan solat dhuha baginda membaca

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِي وَتُبْ عَلَيَّ إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الْغَفُورُ.

**Maksud :**

Ya Allah ampunilah aku rahmatilah aku dan perkenankanlah taubat kepadaku sesungguhnya Engkau Maha penerima taubat Maha Pengampun sebanyak 100 kali .

( al-Bukhari:Adab al-Mufrad)

**HIKMAH MENUNAIKAN SOLAT SUNAT DHUHA**

1. Mendekatkan diri kepada Allah bagi meraih kasih sayang daripada Allah.
2. Membuktikan ketaatan kepada Allah setiap masa.
3. Mendapat rahmat dan rezeki daripada Allah

**AMALAN**

Amalkan doa ini selepas solat sunat dhuha

اَللّٰهُمَّ إِنَّ الضُّحَى ضُحَاكَ وَالْبَهَاءُ بَهَاؤُكَ وَالْجَمَالُ جَمَالُكَ وَ الْعِصْمَةُ عِصْمَتُكَ وَالْقُدْرَةُ قُدْرَتُكَ، اَللّٰهُمَّ إِنْ كَانَ رِزْقِي فِي السَّمَاءِ فَأَنْزِلْهُ وَإِنْ كَانَ فِي الْأَرْضِ فَأَخْرِجْهُ وَإِنْ كَانَ حَرَامًا فَطَهِّرْهُ وَإِنْ كَانَ مُعْسِرًا فَيَسِّرْهُ وَإِنْ كَانَ بَعِيْدًا فَقَرِّبْهُ بِحَقِّ ضُحَاكَ وَبَهَائِكَ وَجَمَالِكَ وعِصْمَتِكَ وَقُدْرَتِكَ . اَللّٰهُمَّ رَبِّي آتِنِي مَا أَتَيْتَ عِبَادَكَ الصَّالِحِيْنَ .

**Maksud:**

Ya Allah Bahawasanya dhuha itu dhuha-Mu dan kemegahan itu kemegahanMu dan keindahan itu, keindahanMu dan kekuatan itu kekuatanMu ya Allah. Bila rezekiku di langit maka turunkanlah ia, dan bila di dalam bumi maka keluarkanlah ia, Dan apabila haram maka sucikanlah ia, Dan apabila susah maka permudahkanlah ia, Dan apabila jauh maka dekatkanlah ia, Di atas dhuhaMu yang hak, dengan kemegahanMu, serta keindahanMu, dengan kekuatan Mu, serta kekuasaanMu, Ya Allah ya Tuhanku, kau sampaikanlah kepadaku apa yang engkau sampaikan kepada hamba-hambaM yang soleh


syabas181@gmail.com

**AKTIVITI**

1. Melaksanakan amalan solat sunat dhuha.
2. Bina peta pemikiran tentang hikmah solat sunat dhuha.
3. Laksanakan aktiviti **HOT SEAT** bagi menceritakan pengalaman murid melaksanakan solat sunat dhuha.
4. Hasilkan persembahan **POWER POINT** tentang kaifiat mengerjakan solat sunat dhuha
   i. Bentangkan dalam kelas
   ii. Muat naik ke internet

**PENILAIAN**

Nyatakan maksud solat dhuha

1. Nyatakan hukum solat dhuha
2. Nyatakan dalil solat dhuha
3. Terangkan kaifiat menunaikan solat sunat duha
4. Terangkan dua hikmah solat sunat dhuha
5. **"Masyarakat Menganggap Solat Sunat Dhuha Semata-Mata Untuk Menjadi Kaya"** Huraikan hujah anda untuk memperbetul anggapan tersebut

## 17: UNIT 1: FIKAH: SOLAT SUNAT GERHANA

**MAKSUD**
Solat yang dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan dengan cara yang tertentu

**HUKUM :** Sunat Muakkad

**DALIL:**

Al Mughirah bin Syu'bah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَتَانِ مِنْ آيَاتِ اللهِ لَا يَنْكَسِفَانِ
لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ، فَإِذَا رَأَيْتُمُوهُمَا فَادْعُوا اللهَ
وَصَلُّوا حَتَّى تَنْكَشِفَ.

(Riwayat Muslim)

**Maksud:**
Sesungguhnya matahari dan bulan adalah tanda kekuasaan Allah, tidak terjadi gerhana matahari dan bulan kerana kematian seseorang ataupun kehidupannya. Apabila kamu melihat gerhana maka Berdoalah dan dirikanlah solat hingga Gerhana tersebut berlalu.

**SPEKTRUM ILMU**
Selepas solat sunat dibacakan khutbah dilakukan dua kali mengikut rukun-rukun dan syarat-syarat khuobah

**(Al-Imam an-Nawawi : al-Majmu' Syarah Al Muhazzab)**

**TARIKH PENSYARIATAN**

1. **SOLAT SUNAT GERHANA MATAHARI**
   Pada tahun kedua Hijrah

2. **SOLAT SUNAT GERHANA BULAN**
   Pada tahun kelima Hijrah

**ANTARA AMALAN YANG DIANJURKAN KETIKA GERHANA**
1. Solat Sunat Gerhana
2. Memperbanyak istighfar
3. Berdoa
4. Bertakbir
5. Bersedekah


syabas181@gmail.com

## HIKMAH MENUNAIKAN SOLAT SUNAT GERHANA .

1. Menginsafi kekuasaan Allah terhadap penciptaan alam semesta agar sentiasa bersyukur diatas nikmat yang diberikan.
2. Memohon keampunan kepada Allah terhadap segala dosa yang dilakukan sama ada sengaja atau tidak sengaja.
3. Memberikan peringatan supaya manusia tidak melakukan kerosakan dan kemungkaran.
4. Memandu manusia mentauhidkan Allah kerana meninggalkan Amalan khurafat semasa Gerhana Mendapat ganjaran pahala melaksanakan ketaatan kepada Allah kerana mengikut sunnah Nabi Muhammad.

## KAIFIAT MENUNAIKAN SOLAT SUNAT DHUHA

| | |
|---|---|
| **Lafaz niat** | **Niat Gerhana Bulan**<br>أُصَلِّي سُنَّةَ الْخُسُوفِ رَكْعَتَيْنِ إِمَامًا/مَأْمُومًا لِلّٰهِ تَعَالَى.<br>Maksud :<br>Sahaja aku solat sunat gerhana bulan dua rakaat menjadi imam / makmum kerana Allah Taala<br><br>**Niat Gerhana Matahari**<br>أُصَلِّي سُنَّةَ الْكُسُوفِ رَكْعَتَيْنِ إِمَامًا/مَأْمُومًا لِلّٰهِ تَعَالَى.<br>Maksud<br>Sahaja aku solat sunat gerhana matahari dua rakaat menjadi imam / makmum kerana Allah Taala |
| **Bilangan rakaat** | 2 Rakaat |
| **Waktu Lakukan** | Ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan |
| **Cara pelaksanaan** | Digalakkan secara berjamaah |
| **Bacaan dalam solat** | **3. Rakaat Pertama**<br>i. Surah al-Fatihah Kemudian surah lain<br>ii. Rukuk pertama Memanjangkan kadar rukuk sperti kadar panjang bacaan surah pada rakaat pertama untuk kali pertama<br>iii. Qiam<br>iv. Surah al-Fatihah Kemudian surah lain<br>v. Rukuk kedua Memanjangkan kadar rukuk sperti kadar panjang bacaan surah pada rakaat pertama untuk kali kedua<br><br>**4. Rakaat Kedua**<br>i. Surah al-Fatihah Kemudian surah lain<br>ii. Rukuk pertama Memanjangkan kadar rukuk sperti kadar panjang bacaan surah pada rakaat kedua untuk kali pertama<br>iii. Qiam<br>iv. Surah al-Fatihah Kemudian surah lain<br>v. Rukuk kedua Memanjangkan kadar rukuk seperti kadar panjang bacaan surah pada rakaat kedua untuk kali kedua |
| | Menyempurnakan rukun-rukun lain sehingga memberi salam |



syabas181@gmail.com

**AKTIVITI**

1. Laksanakan amali solat Sunat Gerhana.
2. Bina peta pemikiran perbandingan solat sunat Gerhana dan solat sunat dhuha.
3. Melaksanakan aktiviti **FLIPPED CLASSROOM**:
   i. Senaraikan tiga isi khutbah.
   ii. Bincangkan dalam kelas hasil tugasan anda
4. Laksanakan aktiviti lawatan ke planetarium negara untuk mendengar taklimat tentang Gerhana. Murid diminta menulis laporan kemudian membentangkannya dalam kelas.
5. Bincangkan tentang kepercayaan Khurafat yang berkaitan dengan Gerhana bentangkan dalam kelas

**PENILAIAN**

7. Nyatakan maksud solat Gerhana
8. Nyatakan hukum shalat Gerhana
9. Nyatakan dalil solat Gerhana.
10. Jelaskan kaifiat menunaikan solat sunat Gerhana.
11. Terangkan dua hikmah solat sunat Gerhana
12.




Apakah tindakan anda apabila fenomena tersebut berlaku?


syabas181@gmail.com

## 18: SIRAH DAN TAMADUN ISLAM :KERAJAAN KHULAFA AL-RASYIDIN

### ERA PEMERINTAHAN KERAJAAN ISLAM

Kerajaan Islam berjaya menguasai dunia selama 1400 tahun lamanya

| ZAMAN | TEMPOH | PUSAT PEMERINTAHAN | PEMIMPIN |
|---|---|---|---|
| Rasulullah SAW | 1 H-11H<br>622M- 632M | Madinah | Rasulullah |
| Khulafa Al-rasyidin | 11H-40H<br>632M-661M | Madinah | Khalifah<br>1. Abu Bakar as-Siddiq<br>2. Umar Bin Khattab<br>3. Uthman bin Affan<br>4. Ali bin Abi Thalib |
| Kerajaan Umaiyah | 41H-132H<br>661M-750M | Damsyik | Khalifah<br>1. Muawiyah bin Abi Sufian<br>2. Abdul Malik bin Marwan<br>3. Al-Walid bin Abdul Malik<br>4. Umar bin Abdul Aziz |
| Kerajaan Abbasiah | 132H-656H<br>750M- 1258M | Baghdad | Khalifah<br>1. Abu Abbas as Saffah<br>2. Abu Jaafar al-Mansur<br>3. Harun Ar Rashid<br>4. Abu Jaafar Al makmun |
| Kerajaan Uthmaniah | 698H-1341H<br>1299M-1924M | Istanbul | Sultan<br>1. Uthman Ertughrul<br>2. Arhan<br>3. Muhammad al-Fateh<br>4. Sulaiman Al Qanuni |

Antara tahun 656H-698H, selepas kejatuhan kerajaan Abbasiah di Baghdad. Kerajaan Abbasiah diteruskan di Mesir

### CIRI KEPIMPINAN KHULAFA AR RASYIDIN

### 1. ABU BAKAR AS-SIDDIQ

| | |
|---|---|
| **a) TEGAS** | • Tegas dalam memerangi golongan murtad, nabi palsu dan golongan yang Enggan membayar zakat |
| **b) SETIA DENGAN ARAHAN RASULULLAH** | • Meneruskan tindakan Rasulullah untuk menghantar Usamah bin Zaid sebagai panglima angkatan tentera Islam kepada kerajaan Ghassan, kerana telah membunuh utusan Rasulullah. |
| **c) MENGAMALKAN SYURA** | • Mengambil kira pandangan para sahabat dalam menentukan strategi peperangan menentang tentera Rom.<br>• Mengggunakan strategi pembahagian empat pasukan tentera sehingga berjaya menawan negeri Syam |
| **d) BERPANDANGAN JAUH** | • Mengarahkan Zaid bin Tsabit mengetuai usaha menghimpunkan tulisan ayat al-quran.<br>• Ditulis pada kepingan-kepingan batu, tulang, pelepah tamar dan kulit haiwan,<br>• Kerana ramai penghafaz al-quran terkorban dalam peperangan Yamamah |


syabas181@gmail.com

**SPEKTRUM ILMU**
**Ucapan Saidina Abu Bakar Selepas Dilantik Menjadi Khalifah**

- Sekiranya aku di jalan yang benar berilah bantuan
- Sekiranya aku menyimpang tegurlah
- kebenaran ialah amanah pendustaan ialah khianat
- Taatilah kepadaku selama aku mentaati Allah dan rasul-nya
- sekiranya aku engkar kepada Allah dan Rasul maka luputlah ketaatanmu kepadaku

**PAUTAN KOD QR: SIFAT DAN RIWAYAT HIDUP KHULAFA AL-RASYIDIN**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=2003

## 2. UMAR BIN AL-KHATTAB

| | |
|---|---|
| a) **TEGAS** | • Menggantikan kepimpinan Khalid al-Walid sebagai panglima angkatan tentera Islam dengan Abu Ubaidah al-Jarrah semasa Perang Yamamah |
| b) **ADIL** | • Memastikan kebajikan rakyat terpelihara dengan meninjau sendiri keadaan rakyatnya termasuk menyamar sebagai rakyat biasa. |
| c) **BERPANDANGAN JAUH** | • Bersedia ditegur Rasulullah.<br>• Menerima pendapat daripada sahabatnya Abu Bakar as-Siddiq tentang pembebasan tawanan Perang Badar kerana menghormati keputusan mesyuarat. |
| d) **CEKAP** | • Menubuhkan majlis syura, beberapa jabatan baharu (Dewan) serta mengemaskini Baitul Mal bagi melicinkan pentadbiran Negara.<br>• Beliau juga membahagikan wilayah Islam kepada beberapa bahagian pentadbiran di bawah kuasa seorang gabenor yang cekap seperti Muawiyah bin Abu Sufian dan Amru bin al-As |

**SPEKTRUM ILMU**
**Ucapan Umar Al-Khattab Selepas Dilantik Menjadi Khalifah**

- Dalam menunaikan tugas maka al-quran ialah panduan ku
- Aku akan mengikuti jejak langkah rasulullah dan abu bakar.
- Sekiranya aku di jalan yang benar ikutilah aku
- Sekiranya aku menyimpang daripada jalan yang benar maka perbetulkanlah aku agar tidak kehilangan arah

## 3. UTHMAN BIN AFFAN

| | |
|---|---|
| a) **BERPANDANGAN JAUH** | • Menubuhkan jawatankuasa khas pembukuan al-Quran yang diketuai oleh Zaid bin Tsabit<br>Menggunakan lahjah Arab Quraisy yang dikenali sebagai Mashaf Uthmani<br>• Bertujuan memelihara kesucian al-quran. |
| b) **BERFIKIRAN TERBUKA** | • Melonggarkan syarat penggunaan harta Baitul Mal.<br>• Beliau juga telah membenarkan sahabat keluar dari Kota Madinah |
| c) **PRIHATIN** | • Menyumbangkan harta dan kekayaan untuk pertahanan Negara.<br>• Beliau juga membesarkan Masjid Nabawi untuk keperluan dan keselesaan umat Islam. |
| d) **INOVATIF** | • Menubuhkan Angkatan Tentera Laut Islam sehingga berjaya meluaskan empayar Islam khususnya di Syam dan Mesir |

**SPEKTRUM ILMU**

**Ucapan Uthman Bin Affan Selepas Dilantik Menjadi Khalifah**

- Sesungguhnya kehidupan di dunia ini hanyalah merupakan permainan yang melalaikan.
- Akhirat kelak seksaan yang pedih bagi yang mengingkari serta keredaan Allah bagi yang taat

**4. ALI BIN ABI TALIB**

| | |
|---|---|
| **a) TEGAS** | • Memecat beberapa pegawai yang dilantik oleh Khalifah Uthman seperti Muawiyah bin Abi Sufian dan Abu Musa al-Asy'ari<br>• Bagi meredakan kemarahan puak pemberontak |
| **b) BERPANDANGAN JAUH** | • Menangguhkan hukuman qisas terhadap pembunuh Khalifah Uthman bin Affan<br>• Kerana keadaan negara yang masih huru-hara dan dikuasai oleh puak pemberontak. |
| **c) BERILMU** | • Memiliki ketinggian ilmu dalam pelbagai bidang.<br>• Dilantik sebagai hakim di Yaman |
| **d) BERANI** | • Menyertai hampir kesemua peperangan seperti Perang Badar Dan Perang khaibar dan berada di barisan hadapan<br>• Sanggup menerima jawatan Khalifah walaupun mengetahui bebanan yang bakal dihadapi |

**SPEKTRUM ILMU**

**Ucapan Ali Bin Abi Talib Selepas Dilantik Menjadi Khalifah**

- Seorang Islam yang sejati adalah yang menggunakan lidah dan anggotanya ke arah kebenaran
- Berlumba-lumba membuat kebaikan
- Mentaatil Allah dan menjauhi larangannya
- Jika melihat kebaikan maka sempurnakanlah jika melihat kejahatan tinggalkanlah

**PENCAPAIAN PEMERINTAHAN KHULAFA AL-RASYIDIN**

| | | |
|---|---|---|
| **1. AGAMA** | **a) KHALIFAH ABU BAKAR AS SIDDIQ** | • Berjaya memerangi golongan murtad nabi palsu dan golongan yang Enggan membayar zaka |
| | **b) KHALIFAH UMAR BIN AL-KHATTAB** | • Menyebarkan Dakwah Islam sehingga tersebar di wilayah Mesir parsi dan Rom |
| **2. POLITIK** | **a) KHALIFAH ABU BAKAR AS-SIDDIQ** | • Pembukaan wilayah baharu Islam di sebahagian wilayah Iraq dan Syam |
| | **b) KHALIFAH UMAR AL KHATTAB** | • Menubuhkan majlis Syura, jabatan tentera, jabatan polis, jabatan percukaian dan Jabatan perbendaharaan negara |
| | **c) KHALIFAH UTHMAN BIN AFFAN** | • Berjaya mematahkan pemberontakan dan penaklukan serta meluaskan kuasa wilayah Islam hingga ke Rusia dan Afrika Utara serta menawan Pulau Cyprus |

| | | |
|---|---|---|
| **3. EKONOMI** | **a) KHALIFAH UMAR AL KHATTAB** | • Memperkenalkan pelbagai cukai baharu seperti cukai jizyah dan kharaj<br>• Memajukan sistem pengairan dan saliran melalui pembinaan terusan amirul mukminin di mesir dan empangan abu musa di basrah<br>• Mengemaskini institusi baitulmal dan meneroka tanah baharu untuk memperbanyak hasil pertanian khalifah |
| | **b) ALI BIN ABU TALIB** | • Meneruskan kutipan jizyah yang dikenakan terhadap golongan zimmi |
| **4. SOSIAL** | **a) KHALIFAH UMAR BIN AL-KHATTAB** | • Mengasaskan takwim Islam sebagai asas permulaan pengiraan tahun Hijrah<br>• Memperkenalkan undang-undang pentadbiran tanah untuk menghormati hak sosial dan menjaga kebajikan rakyat<br>• Membina kemudahan awam seperti tali air untuk kemudahan pertanian |
| **5. KETENTERAAN** | **a) KHALIFAH UMAR BIN AL-KHATTAB** | • Meneruskan pembebasan negeri di wilayah Iraq<br>• Membuka Baitulmaqdis Palestin dan Mesir |
| | **b) KHALIFAH UTHMAN BIN AFFAN** | • Menubuhkan Angkatan Tentera Laut Islam yang pertama.<br>• Memastikan keselamatan dan perluasan kuasa |
| **6. PENDIDIKAN** | **a) KHALIFAH ABU BAKAR AS-SIDDIQ** | • Khalifah mengumpul dan menulis semula naskah al-quran<br>• Susulan 70 orang penghafaz al-Quran syahid dalam peperangan Yamamah |
| | **b) KHALIFAH UMAR BIN AL-KHATTAB** | • Menubuhkan sekolah iaitu Al Kuttab.<br>• Khusus untuk kanak-kanak. |
| | **c) KHALIFAH UTHMAN BIN AFFAN** | • Menyelaraskan bacaan qiraat dan penulisan mashaf al-quran<br>• Menggunakan Bahasa Quraisy<br>• Dinamakan Mashaf Uthmani |

**IKTIBAR PEMERINTAHAN KHULAFA Al-RASYIDIN**

1. Kita hendaklah mencontohi kepimpinan khalifah dengan mengutamakan segi kesejahteraan agama rakyat dan negara.
2. Kita hendaklah menggiatkan usaha dakwah agar kebenaran Islam dapat disebarkan.
3. Kita hendaklah mengukuhkan perpaduan umat Islam dengan memelihara hak antara satu sama lain
4. Kita hendaklah menyumbang kepakaran untuk pembangunan dan kemajuan negara
5. Kita hendaklah mengamalkan akhlak yang terpuji agar menjadi contoh teladan yang baik.
6. Kita hendaklah menyokong kegiatan ekonomi umat Islam supaya umat Islam dihormati


syabas181@gmail.com

**AKTIVITI**

1. Anda telah dipilih untuk memberikan ucapan di sudut pidato **SPEAKER CORNER** Bina teks ucapan bertemakan pemimpin yang berkualiti.
2. Hasilkan **PETA PEMIKIRAN** untuk menjelaskan tentang pencapaian kerajaan Khulafa al-Rasyidin.
3. Berdasarkan carian di Internet secara berkumpulan catatkan tentang satu pengumpulan al-Quran dua pembukuan al-Quran, kemudian bentangkan di hadapan kelas.
4. Laksanakan aktiviti **GOLDFISH BOWL** untuk menerangkan pencapaian pemerintahan Khulafa al-Rasyidin

**PENILAIAN**

1. Nyatakan era pemerintahan Kerajaan Islam secara ringkas.
2. Jelaskan **dua** ciri kepimpinan Khulafa al-Rasyidin.
3. Terangkan **dua** pencapaian pemerintahan Khulafa al-Rasyidin.
4. Huraikan iktibar yang boleh diambil daripada pemerintahan Khulafa al-Rasyidin.
5. **“Kepimpinan Khulafa al-Rasyidin ialah contoh terbaik sepanjang zaman”**
   Kemukakan hujah anda bagi menyokong penyataan di atas


syabas181@gmail.com

## 19:SIRAH DAN TAMADUN ISLAM: KERAJAAN UMAIYAH

### SEJARAH KERAJAAN UMAIYAH

| | |
|---|---|
| **Asal Penubuhan** | Bersempena nama Umaiyah bin Abdul Syam bin Abdul Manaf iaitu salah seorang daripada pemimpin keturunan Quraisy |
| **Pengasas** | Muawiyah bin Abi Sufian |
| **Tempoh Memerintah** | Tahun 41 Hijrah hingga 132 Hijrah |
| **Keluasan Kerajaan** | Keluasan kerajaan meliputi sebahagian besar benua Afrika Asia dan Eropah |
| **Bilangan Khalifah** | 14 orang |
| **Khalifah Yang Terkenal** | 1. Muawiyah bin Abi Sufian<br>2. Abdul Malik bin Marwan<br>3. Al-Walid bin Abdul Malik<br>4. Umar bin Abdul Aziz |
| **Khalifah Terawal** | Muawiyah bin Abi Sufian |
| **Khalifah Terakhir** | Marwan bin Muhammad |
| **Pusat Pemerintahan** | Damsyik |

**PAUTAN KOD QR : SENARAI NAMA 14 KHALIFAH UMAIYAH**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=1933

**SPEKTRUM ILMU**
Pemerintahan Kerajaan Umaiyah terdiri daripada dua tahap.
1. Tahap pertama berpusat di Damsyik 41H-132H menggunakan gelaran Khalifah.
2. Tahap kedua berpusat di cordova 138H-422H menggunakan gelaran Amir dan Khalifah

### KHALIFAH KERAJAAN UMAIYAH YANG TERKENAL

### 1. MUAWIYAH BIN ABI SUFIAN

| | |
|---|---|
| • Khalifah pertama<br>• Selama 19 Tahun 3 bulan.<br>• Tempoh 41H-60 H | 1. Menjadikan dan Mesir sebagai pusat pemerintahan Islam yang terkenal.<br>2. Mewujudkan perkhidmatan pos berkuda (Dewan Al-Barid)<br>3. Memperkenalkan cop mohor rasmi Kerajaan Umaiyah (Diwan Al Khatim)<br>4. Menubuhkan jabatan setiausaha (Dewan al-Rasail), jabatan cukai dan Jabatan urusan awam<br>5. Memperkasakan Armada laut |

### 2. ABDUL MALIK BIN MARWAN

| | |
|---|---|
| • Khalifah ke-5<br>• Memerintah 21 tahun<br>• Tempoh 65H-86H | 1. Menetapkan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran negara.<br>2. Mencetak mata wang Dinar Islam pertama tertulis Arab bertulis Arab dan berteks al-Quran.<br>3. Menaik taraf perkhidmatan pos dan sistem pengangkutan awam.<br>4. Menubuhkan Dewan Al-Jund untuk mengurus pertahanan Negara.<br>5. Mengarahkan pembinaan Kubbah al-Sakhra' di Baitul Maqdis |


syabas181@gmail.com

### 3. AL WALID BIN ABDUL MALIK

| | |
|---|---|
| • Khalifah ke 6<br>• Memerintah 9 tahun 7 bulan<br>• Tempoh 86H-96H | 1. Pembukaan wilayah baharu Islam seperti andalus dan India.<br>2. Memperbaiki dan mencantikkan senibina Masjid Nabawi.<br>3. Membina banyak masjid baharu seperti Masjid Umawi di Damsyik yang bercirikan seni bina Islam.<br>4. Memberikan perhatian kepada rakyat yang berkeperluan khas seperti golongan warga emas dan orang buta dengan menubuhkan jabatan khas.<br>5. Menggalakkan pembinaan bangunan baharu bercirikan senibina Islam.<br>6. Memperbaik jalan raya menuju ke negeri Hijaz bagi memudahkan perjalanan jemaah haji ke Baitullah al-Haram. |

### 4. UMAR BIN ABDUL AZIZ

| | |
|---|---|
| • Khalifah ke 8<br>• Memerintah 2 tahun 5 bulan.<br>• Tempoh 99H-101H | 1. Mengecualikan bayaran cukai jizyah terhadap kafir zimmi sehingga ramai yang memeluk Islam<br>2. Mengeluarkan arahan rasmi kepada Ibnu Syihab az-Zuhri untuk membukukan hadis Rasulullah<br>3. Membina rumah transit untuk para pedagang.<br>4. Menaik taraf infrastruktur untuk kemudahan rakyat seperti hospital, jambatan, perigi, jalan raya dan sistem pengangkutan awam.<br>5. Mengasaskan Dewan penasihat yang dianggotai oleh para ulama untuk memberikan nasihat kepada Khalifah. |

### FAKTOR KEGEMILANGAN KERAJAAN UMAIYAH

| | |
|---|---|
| 1. **AGAMA** | • Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah menyemarakkan aktiviti keilmuan seperti pengajian al-quran dan pembukaan hadis.<br>• Khalifah Al Walid bin Abdul Malik telah menaik taraf dan membina institusi masjid seperti masjid Nabawi untuk merancakkan aktiviti keagamaan |
| **2. POLITIK** | • Pemilihan Damsyik yang strategik sebagai pusat pemerintahan oleh Khalifah muawiyah bin Abi Sufian telah berjaya mengukuhkan pentadbiran Negara.<br>• Pelantikan gabenor yang berwibawa berjaya menghapuskan pemberontakan oleh puak khawarij dan Syiah.<br>• Berjaya meluaskan wilayah Islam di Rom, China, India, Afrika Utara dan Eropah |
| 3. **EKONOMI** | • Pengurusan baitulmal yang cekap sehingga hasil pendapatan negara melebihi keperluan contohnya pada zaman Khalifah al-Walid bin Abdul Malik.<br>• Kerajaan berjaya memanfaatkan hasil daripada pertanian dan perdagangan untuk membangunkan negara |

 syabas181@gmail.com

| | |
|---|---|
| **4. SOSIAL** | • Penjagaan kebajikan rakyat menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan dan penyediaan kemudahan asas seperti masjid Jalan Raya dan hospital.<br>• Hubungan erat antara pemimpin dan rakyat mewujudkan suasana perpaduan dan Harmoni dalam masyarakat. |
| **5. KETENTERAAN** | • Pasukan angkatan tentera yang berdisiplin dan bersemangat jihad dalam mempertahankan agama dan negara.<br>• Kemudahan Pengkalan Tentera dan kapal perang yang dilengkapi dengan Peralatan perang yang canggih.<br>• Adaptasi strategi peperangan dengan meniru corak gerakan daripada Parsi dalam ketenteraan |
| **6. PENDIDIKAN** | • Menjadikan masjid dan istana sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan.<br>• Galakan daripada Khalifah Abdul Malik bin Marwan dan Umar bin Abdul-Aziz agar rakyat menguasai pelbagai ilmu naqli seperti al-Quran, Tafsir, Hadis dan Nahu. |

## FAKTOR KEMEROSOTAN KERAJAAN UMAIYAH

| | |
|---|---|
| **1. POLITIK** | • Sistem pelantikan Khalifah secara monarki menimbulkan perebutan kuasa dan persaingan dalam kalangan anggota keluarga.<br>• Pemberontakan oleh puak Syiah dan khawarij serta golongan yang tidak berpuas hati dengan penubuhan Kerajaan Umaiyah. |
| **2. SOSIAL** | • Sikap termasuk antara kabilah Arab utara dan selatan sehingga mencetuskan perpecahan dan gerakan sulit untuk menubuhkan kerajaan.<br>• Menumbangkan kerajaan sikap diskriminasi sebagai Khalifah terhadap golongan **Mawali** seperti bangsa Parsi dan Barbar dalam pemilihan jawatan gabenor. |
| **3. AKHLAK** | • Khalifah mengamalkan cara hidup mewah dan boros dalam perbelanjaan hingga menimbulkan rasa tidak puas hati Rakyat.<br>• Keruntuhan moral dalam kalangan Khalifah kerana cenderung kepada hiburan dan kekejaman. |

## SPEKTRUM ILMU

**Mawaali** ialah orang bukan Arab yang memeluk agama Islam dan memiliki keistimewaan yang sama dengan orang arab muslim tapi dikehendaki membayar cukai tambahan.

## IKTIBAR DARIPADA PEMERINTAHAN KERAJAAN UMAIYAH

1. Kita hendaklah mempertabatkan ajaran al-quran dan Sunnah dalam urusan kepimpinan agar Syariat Islam dapat ditegakkan.
2. Kita hendaklah mencontohi sifat mulia yang ada pada Khalifah Islam seperti zuhud tegas berilmu dan bijaksana.
3. Kita hendaklah menjaga hubungan baik antara pemimpin dengan rakyat agar hidup harmoni.
4. Kita hendaklah menjaga kebajikan sesama rakan agar mengeratkan kasih sayang.
5. Kita hendaklah memiliki semangat jihad yang tinggi dalam mempertahankan kedaulatan Negara.
6. Kita hendaklah berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan agar dapat memberi sumbangan kepada umat Islam


syabas181@gmail.com

## SPEKTRUM ILMU

**Empat Peringkat Jihad**

1. Jihad memperbaiki diri
2. Jihad melawan syaitan
3. Jihad melawan kafir Harbi dan munafik
4. Jihad menghapuskan kezaliman dan kemungkaran

**(Imam Syamsuddin Muhammad bin Abu Bakar al-Zar'ie)**

## AKTIVITI

1. Bina peta pemikiran untuk menerangkan faktor kegemilangan dan kemerosotan Kerajaan Umaiyah.
2. Cari maklumat melalui Internet tentang penubuhan Kerajaan Umaiyah kemudian kongsi maklumat melalui aktiviti **EXPERT GROUP**.
3. Laksanakan aktiviti **ROLE PLAY** murid akan melakukan watak seorang daripada Khalifah Kerajaan Umaiyah secara berkumpulan

## PENILAIAN

Jelaskan sejarah Kerajaan Umaiyah secara ringkas.

1. Jelaskan dua sumbangan yang diberikan oleh Khalifah berikut
   i. Muawiyah bin Abi Sufian.
   ii. Abdul Malik bin Marwan.
   iii. Al-Walid bin Abdul Malik.
   iv. Umar bin Abdul Aziz
2. Terangkan dua faktor kegemilangan dan kemerosotan Kerajaan Umaiyah.
3. Huraikan iktibar yang boleh diambil daripada pemerintahan Kerajaan Umaiyah.
4. **“Kepimpinan Umar Bin Abdul Aziz Telah Berjaya Mencapai Kecemerlangan Yang Membanggakan Umat Islam Sehingga Ke Hari Ini”.**
   Huraikan cara anda mencontohi kepimpinan tokoh di atas

 syabas181@gmail.com

## 20: KERAJAAN ABBASIAH

### SEJARAH KERAJAAN ABBASIAH

| | |
|---|---|
| **Asal Penubuhan** | Sempena nama bapa saudara Rasulullah iaitu Al Abbas bin Abdul Muthalib |
| **Pengasas** | Abu Al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali as-Saffah |
| **Tempoh Memerintah** | 524 tahun iaitu bermula tahun 132H-656 H |
| **Keluasan Kerajaan** | Meliputi sebahagian besar benua Afrika Asia dan Eropah |
| **Bilangan Khalifah** | 37 orang |
| **Khalifah Yang Terkenal** | 1. Abu Al Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali al-Safah<br>2. Abi Jaafar Abdullah Muhammad bin Ali Al Mansur.<br>3. Harun al-Rasyid Bin Muhammad Al Mahdi Bin Al Mansur bin al-Abbasi<br>4. Al Makmun bin Harun Al Rashid bin Muhammad Al Mahdi |
| **Khalifah Terawal** | Abu Al Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali as saffah |
| **Khalifah Terakhir** | Abu Ismail Muhammad Al muktasim bin Harun al-rashid |
| **Pusat Pemerintahan** | Baghdad, Iraq |

**PAUTAN KOD QR: SENARAI NAMA 37 KHALIFAH ABBASIAH**
http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=1934

### KHALIFAH KERAJAAN ABBASIAH YANG TERKENAL

### 1. ABU ABBAS ABDULLAH BIN MUHAMMAD BIN ALI AS SAFFAH

| | |
|---|---|
| • Khalifah pertama<br>• Memerintah 4 tahun 9 bulan<br>• Tempoh 32H-136H | 1. Mengasaskan Kerajaan Abbasiah.<br>2. Mengembalikan keamanan dengan mematahkan serangan luar dari Parsi dan Byzantine<br>3. Menstabilkan keamanan dalam negara dengan mematahkan pemberontakan oleh golongan Syiah dan khawarij |

### 2. ABU JAAFAR ABDULLAH BIN MUHAMMAD BIN ALI AL-MANSUR

| | |
|---|---|
| • Khalifah kedua<br>• Memerintah 22 tahun<br>• Tempoh 136H-156H | 1. Memindahkan Pusat Pentadbiran dari Damsyik ke Baghdad.<br>2. Menaik taraf sistem cukai.<br>3. Membina sistem pengairan dan saliran.<br>4. Membina Masjid As Syarqiah sebagai pusat aktiviti dakwah.<br>5. Membina hospital di Baghdad<br>6. Memperkukuh kekuasaan terhadap wilayah Byzantine |


syabas181@gmail.com

## 3. HARUN AL RASHID BIN MUHAMMAD AL MAHDI BIN AL MANSUR BIN AL-'ABBAS

| | |
|---|---|
| • Khalifah ke-5<br>• Memerintah 23 tahun<br>• Tempoh 170H-192H | 1. Memperkemas sistem percukaian Islam berpandukan kitab Al-Kharaj.<br>2. Mewujudkan jawatan ketua Hakim negara (Qadhi al-Qudhat).<br>3. Membina Baitul Hikmah (Perpustakaan Agong).<br>4. Menjadikan Baghdad sebagai pusat tumpuan perdagangan, keilmuan, dan kebudayaan.<br>5. Membina kemudahan awam seperti farmasi dan pusat pengajian.<br>6. Menubuhkan majlis Al Munawwarah sebagai pusat penyelidikan ilmu agama. |

## 4. ABU JAAFAR ABDULLAH AL-MAKMUN BIN HARUN AL-RASYID

| | |
|---|---|
| • Khalifah ke-7<br>• Memerintah 20 tahun.<br>• Tempoh 198H-218H | 1. Mempergiat usaha penterjemahan karya daripada bahasa asing seperti Yunani dan Rom ke dalam bahasa Arab.<br>2. Menjadikan Baitul Hikmah sebagai pusat penterjemahan Negara.<br>3. Membina Balai cerap sebagai pusat penyelidikan ilmu.<br>4. Menyediakan biasiswa kepada pelajar pelajar cemerlang. |

## SPEKTRUM ILMU

Baitul Hikmah ialah perpustakaan terulung yang menempatkan terjemahan pelbagai karya asing seperti bahasa Yunani, Parsi, Cina, dan India ke dalam bahasa Arab

## FAKTOR KEGEMILANGAN KERAJAAN ABBASIAH

| | |
|---|---|
| **1. AGAMA** | • Galakkan Khalifah yang memberikan peruntukan khas melalui Baitulmal untuk para ulama menjalankan aktiviti dakwah.<br>• Semangat jihad yang tinggi dalam menguasai pelbagai bidang ilmu seperti ilmu bahasa sains. kejuruteraan dan perubatan, berjaya memartabatkan Tamadun Islam.<br>• Peranan institusi pendidikan seperti masjid dan istana Khalifah sebagai pusat pengajian ilmu Islam dan penyebaran dakwah |
| **2. POLITIK** | • Kebijaksanaan Khalifah Abu Jaafar al-Mansur menjadikan Baghdad sebagai pusat pentadbiran Negara.<br>• Pemberontakan dan perbalahan daripada golongan Syiah di Baghdad dan golongan utara dan selatan Syria berjaya dihapuskan.<br>• Kestabilan politik Kerajaan Abbasiah mendorong Khalifah memajukan Negara. |

| | |
|---|---|
| **3. EKONOMI** | • Kedudukan berada di tengah-tengah laluan perdagangan dari timur dan barat menjadikannya sebagai pusat tumpuan aktiviti perdagangan.<br>• Sektor pertanian Perindustrian dan perdagangan berjaya mendominasi pasaran Antarabangsa kerana berupaya memenuhi permintaan pasaran semasa.<br>• Inisiatif Khalifah membina Empangan pusat-pusat perniagaan dan rumah api sebagai prasarana pertanian dan perdagangan.<br>• Sumber dan pengurusan Baitulmal yang sistematik menyebabkan kerajaan dapat menyediakan prasarana dan peluang pekerjaan untuk rakyat |
| **4. SOSIAL** | • Layanan yang adil daripada Khalifah dengan menghapuskan penindasan dan perhambaan<br>• Kebebasan mengamalkan agama mewujudkan suasana Harmoni dalam kalangan masyarakat.<br>• Orang yang bukan Islam khususnya orang Parsi diberikan peluang memegang jawatan utama dalam pentadbiran negara seperti jawatan Perdana Menteri |
| **5.KETENTERAAN** | • Strategi peperangan yang mantap seperti strategi Al karadis setelah berjaya mengalahkan serangan musuh.<br>• Inovasi peralatan peperangan yang moden dan canggih ketika itu seperti manjanik, dababah, dan Barud.<br>• Keperihatinan pemimpin menjaga kebajikan tentera diutamakan melalui pemberian gaji dan bonus.<br>• Dasar keterbukaan keanggotaan tentera kepada orang bukan Arab seperti parti dan terbukti berjaya mengukuhkan kekuatan pasukan |
| **6. PENDIDIKAN** | • Aktiviti penterjemahan bahasa asing ke dalam bahasa Arab menggalakkan penguasaan dan kemahiran pelbagai disiplin Ilmu.<br>• Perkembangan pelbagai bidang ilmu berjaya melahirkan ramai Sarjana dan ilmuwan Islam seperti Ibnu Sina, Jabir al-Hayyan dan al-Idrisi.<br>• Galakan Khalifah seperti al-Makmun dengan memberi biasiswa kepada pelajar cemerlang.<br>• Kemudahan institusi pendidikan seperti masjid, istana Khalifah, perpustakaan dan pusat pengajian yang berperanan sebagai pusat perkembangan ilmu. |

## FAKTOR KEMEROSOTAN KERAJAAN ABBASIAH

| | |
|---|---|
| **1. POLITIK** | • Campur tangan pegawai berbangsa parsi dan Turki dalam pemerintahan.<br>• Perebutan kuasa antara Khalifah seperti al-Muntasir dan al-Muktaz, menyebabkan institusi Khalifah menjadi semakin lemah.<br>• Perpecahan beberapa wilayah sehingga memberi peluang kepada pembentukkan kerajaan kecil seperti Saljuk dan Buwaih |
| **2. SOSIAL** | • Kebajikan rakyat terabai akibat kelemahan pentadbiran Khalifah<br>• Pemberontakan dalam kalangan puak Syiah dan Khawarij sehingga mengganggu ketenteraman awam |


syabas181@gmail.com

| | |
|---|---|
| **3. EKONOMI** | • Rusuhan dan pemberontakan sering berlaku menyebabkan pedagang luar tidak datang ke bawah dan hal ini menyebabkan dana Baitulmal merosot.<br>• Sektor pertanian pertanian merosot kerana sistem pengairan tidak dapat dibaiki ekoran masalah kewangan. |
| **4. KETENTERAAN** | • Pertahanan ketenteraan yang lemah memudahkan serangan daripada pihak musuh seperti orang Georgia dan Armenia.<br>• Serangan daripada tentera Monggol (Hulagu Khan) telah meruntuhkan kekuatan Kerajaan Abbasiah. |

**IKTIBAR DARIPADA PEMERINTAHAN KERAJAAN ABBASIAH**

1. Kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa untuk menerajui kepimpinan supaya urusan pentadbiran berjalan lancar.
2. Kita hendaklah mencontohi dan mempraktikkan ciri-ciri kepimpinan Islam dalam pentadbiran akan menjadi contoh ikutan terbaik.
3. Kita hendaklah memanfaatkan sumber yang ada dengan bijak agar mampu bersaing daripada di peringkat global.
4. Kita hendaklah memiliki perasaan cinta akan negara dengan meningkatkan amalan patriotisme dalam diri.
5. Kita hendaklah mengeratkan perpaduan antara kaum agar keharmonian terpelihara.
6. Kita hendaklah memperbaiki penerokaan ilmu memperbanyak penerokaan ilmu agar kegemilangan Tamadun Islam terus terjamin

**AKTIVITI ;**

1. Bina peta pemikiran tentang faktor kegemilangan dan kemerosotan Kerajaan Abbasiah.
2. Laksanakan aktiviti **THINK PAIR SHARE** untuk membincangkannya akibat daripada kemerosotan Kerajaan Abbasiah.
3. Cari maklumat melalui Internet kemudian laksanakan Aktiviti **ROAM THE ROOM** tentang perkara-perkara berikut:
   i. Peranan Baitul Hikmah pada zaman Kerajaan Abbasiah.
   ii. Kemajuan sains dan teknologi pada zaman Abbasiah

**PENILAIAN ;**

1. Nyatakan sejarah Kerajaan Abbasiah secara ringkas.
2. Jelaskan dua sumbangan yang diberikan oleh tokoh-tokoh berikut:
   i. Abu Al Abbas as-Saffah.
   ii. Abu Jaafar al-Mansur.
   iii. Harun ar-Rashid
   iv. Al-Ma'mun
3. Terangkan dua faktor kegemilangan dan kemerosotan Kerajaan Abbasiah.
4. Huraikan iktibar yang boleh diambil daripada kejatuhan Kerajaan Abbasiah.
5. **"Peranan Generasi Masa Kini Amat Penting Dalam Mengembalikan Kegemilangan Islam Sebagaimana Yang Telah Dicapai Oleh Kerajaan Abbasiah".** Berikan hujah anda cerah sesuai secara situasi di atas dapat direalisasikan


syabas181@gmail.com

## 21: SIRAH DAN TAMADDUN ISLAM : KEUNGGULAN TOKOH 4 MAZHAB

## RIWAYAT HIDUP TOKOH EMPAT MAZHAB

### IMAM ABU HANIFAH

| | |
|---|---|
| Nama penuh | An-Nu'man Bin Tsabit Al-Kufi |
| Tarikh lahir | 80 Hijrah di kufah |
| Tarikh wafat | 150 Hijrah |
| Kuniyah | Abu Hanifah |
| Keperibadian | • Sangat memuliakan ilmu pengetahuan<br>• Kuat beribadah seperti sentiasa melakukan qiamullail ,berpuasa sunat, dan selalu khatam al-quran<br>• Seorang yang pemurah dan penyayang<br>• Tidak terpengaruh dengan tawaran pangkat dan kedudukan |
| Guru yang tersohor | • Hammad bin Abi Sulaiman<br>• Ata’ Bin yasar<br>• Amru Bin Dinar |

### SPEKTRUM ILMU

**Tokoh Tokoh Mazhab Hanafi**
- Abu Al Hasan al-Karkhi
- Alaudin al-kasani
- Ibnu Abidin
- Muhammad al-Sarkhasi
- Jamaludin al-Zaila’ie

**Kesungguhan Imam Abu Hanifah Dalam Menuntut Ilmu**
Mendalami ilmu Feqah kerana berpendapat ilmu Feqah memerlukan kemahiran dan pertimbangan akal yang mendalam dalam menguasai sesuatu hukum dengan baik

### IMAM MALIK

| | |
|---|---|
| Nama Penuh | Malik bin Anas Al Madani |
| Tarikh Lahir | 93 Hijrah di Madinah |
| Tarikh Wafat | Wafat 179 Hijrah |
| Kuniyah | Abu Abdullah |
| Keperibadian | • Mencintai Rasulullah sehingga tidak sanggup menunggang kuda dalam Kota Madinah kerana menghormati jasad Rasulullah yang dimakamkan di sana<br>• Menghormati dan mencintai ilmu dengan berpegang teguh pada prinsip murid Mencari guru<br>• Memuliakan majlis pengajian hadis rasullulah dengan memakai pakaian yang bersih dan wangi-wangian<br>• Sanggup berkorban harta demi menuntut ilmu |
| Guru Yang Tersohor | • Nafi al-Madani<br>• Muhammad Bin Syihab az-Zuhri<br>• Yahya Bin Sa'id al-Ansori |


syabas181@gmail.com

## SPEKTRUM ILMU

## TOKOH TOKOH MAZHAB MALIKI

1. Ibnu Rushd
2. Al-Imam Al-Qurtubi
3. Abu Bakar Ibnu Al-Arabi
4. Ibnu Abdul Bar
5. Al-Syeikh Al Dusuki

## KESUNGGUHAN IMAM MALIK DALAM MENUNTUT ILMU

Sanggup berpanas terik dan menahan kesejukan demi menuntut ilmu kerana berpegang pada prinsip iaitu seseorang itu tidak akan sampai kepada apa apa yang dihajati daripada ilmunya sehingga dia benar-benar sanggup berkorban dalam apa jua keadaan.

## AL-IMAM AL-SYAFI'I

| | |
|---|---|
| Nama Penuh | Muhammad Bin Idris al-Syafii |
| Tarikh Lahir | 150 Hijrah, di Ghazzah |
| Tarikh Wafat | 204 Hijrah |
| Kuniyah | Abu Abdullah |
| Keperibadian | • Sanggup tinggal bersama-sama dengan kaum Arab badwi demi menguasai bahasa kesusasteraan dan kebudayaan Arab .<br>• Sanggup bermusafir jauh demi kecintaan terhadap ilmu .<br>• Berani menegakkan kebenaran ketika difitnah oleh puak Syiah dan ketika berdepan dengan khalifah Harun ar-Rashid .<br>• Sangat pemurah kepada fakir miskin Walaupun hidupnya sederhana tinggi sifat warak dan kuat beribadah. |
| Guru Yang Tersohor | • Imam Malik Bin Anas<br>• Sufian Bin Uyainah<br>• Muslim Khalid Al-Zanji |

## SPEKTRUM ILMU

## TOKOH TOKOH MAZHAB SYAFI'I

1. Abu Ma’ali al-Juwaini
2. Abu Hamid Al Ghazali
3. Abu Ishaq Al Syairazi
4. Yahya bin Sharfu an-Nawawi
5. Ibnu Hajar al-Haitami

### Kesungguhan Imam Syafi'i Dalam Menuntut Ilmu

Sanggup bermusafir jauh untuk berguru dengan ramai tokoh ilmuwan yang terkemuka sehingga ke Madinah, Baghdad dan Mesir dalam masa yang lama semata-mata kerana kecintaan terhadap ilmu

## IMAM AHMAD BIN HAMBAL

| | |
|---|---|
| Nama Penuh | Ahmad bin Muhammad bin Hambal |
| Tarikh Lahir | 164 Hijrah di Baghdad |
| Tarikh Wafat | 241 Hijrah |
| Kuniyah | Abu Abdullah |
| Keperibadian | • Sentiasa menuntut ilmu Walaupun telah mendapat gelaran imam yang masyhur<br>• Memiliki sifat pemaaf yang sangat tinggi<br>• Banyak membaca dan menghafaz al-quran sejak berusia sembilan tahun kuat beribadah nawafil<br>• Sanggup dipenjarakan kerana mempertahankan akidah |
| Guru Yang Tersohor | • Al Imam as Syafie<br>• Abu Yusuf al Qadhi<br>• Hammad bin Khalid |

## SPEKTRUM ILMU

## TOKOH-TOKOH MAZHAB HANBALI

1. Ibnu Qudamah al-Maqdisi
2. Abdul Halim Ibnu Taimiyyah
3. Ibnu Qayyim al-Jauziyah
4. Al-Qadhi Abu Ya’la al-Farra’
5. Abu Bakar Ghulam al-Hilal

**Kesungguhan Imam Ahmad Dalam Menuntut Ilmu**
Beliau sanggup dipukul dan diseksa dalam penjara semasa pemerintahan Khalifah Al-Makmun kerana bertegas dengan berpegang teguh mempertahankan pendiriannya tentang Al Quran bukan makhluk

## SUMBANGAN TOKOH DALAM TAMADUN ISLAM

## IMAM ABU HANIFAH

| | |
|---|---|
| Hasil Karya | • Al-Faraid<br>• Al-Fiqhul Akbar<br>• Al Alimu wa al-Muta'allim |
| Mengasaskan Mazhab Berdasarkan | • Fatwa Para Sahabat (Aqwal Al-Sahabat)<br>• Kias<br>• Istihsan<br>• Ijmak<br>• Uruf |
| Murid Yang Terkenal | • Abu Yusuf<br>• Muhammad bin al-Hassan al-Shaibani<br>• Zufar bin Huzail |
| Tempat yang mengamal Mahab Hanafi | • Asia Tengah<br>• Eropah |


syabas181@gmail.com

## IMAM MALIK

| | |
|---|---|
| Hasil Karya | • Al Muattok |
| Mengasaskan Mazhab Berdasarkan | • Amalan Penduduk Madinah<br>• Qias<br>• Masalih al-Mursalah |
| Murid Yang Terkenal | • Al-Imam as-Syafi'i<br>• Abdullah Bin Abdul Hakam<br>• Abdul Rahman bin Qasim |
| Tempat yang mengamal Mahab Maliki | • Mesir<br>• Andalus<br>• Tunisia<br>• Afrika |

## AL-IMAM SYAFI'I

| | |
|---|---|
| Hasil Karya | • Al- Risalah<br>• Al-Umm<br>• Al-Musnad |
| Mengasaskan Mazhab Berdasarkan | • Ijmak<br>• Qias<br>• Istidlal |
| Murid Yang Terkenal | • Ahmad bin Hanbal<br>• Abu Ya'kub Yusuf bin Yahya al-Buwaiti<br>• Abu Ibrahim Ismail bin Yahya al-Muzni |
| Tempat yang mengamal Mahab Syafie | • Mesir<br>• Iraq<br>• Parsi<br>• Syria<br>• Pakistan<br>• India<br>• Malaysia<br>• China<br>• Indonesia<br>• Brunei |

## IMAM AHMAD

| | |
|---|---|
| Hasil Karya | • Al-Musnad<br>• At-tarikh<br>• Al-Illah |
| Mengasaskan Mazhab Berdasarkan | • Fatwa Sahabat<br>• Qias<br>• Istishab |
| Murid Yang Terkenal | • Al-Imam Hasan bin Musa<br>• Imam Hambal bin Ishaq<br>• Al Walid bin mMuslim |
| Tempat yang mengamal Mahab Hanbali | • Mesir<br>• Najd |


syabas181@gmail.com

## AKTIBAR DARIPADA KEUNGGULAN TOKOH

1. Sebagai umat Islam satu kita hendaklah mencontohi kegigihan dan kesabaran Imam mazhab dalam menuntut ilmu sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu .
2. Kita hendaklah menghormati peribadi perbezaan pandangan antara mazhab supaya masyarakat hidup Harmoni.
3. Kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari supaya hidup diberkati Allah .
4. Kita dalam menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki agar dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat.
5. Kita hendaklah berwaspada dalam meneliti sumber-sumber ilmu agar tidak terpesong daripada Syariat Islam.

**AKTIVITI ;**

1. Bina peta pemikiran tentang sifat peribadi empat tokoh Imam mazhab yang boleh diamalkan Sebagai seorang murid
2. Laksanakan aktiviti **HOT SEAT** tentang kemunculan mazhab fekah dalam Islam.
3. Cari maklumat melalui Internet tentang kegigihan Imam Mazhab dalam menuntut ilmu, kemudian hasilkan buku skrap tentang dan pamerkan di sudut bacaan dalam kelas anda

**PENILAIAN ;**

1. Nyatakan secara ringkas riwayat hidup empat Imam Mazhab
2. Jelaskan dua sumbangan Imam Mazhab
3. Huraikan iktibar yang boleh diambil daripada kesungguhan imam mazhab.
4. **“Imam Empat Mazhab Memiliki Ketinggian Akhlak Yang Boleh Dijadikan Contoh Teladan”** .

   Bagaimanakah anda dapat mencontohi mereka untuk menjadi murid yang cemerlang di dunia dan di akhirat


syabas181@gmail.com

## 22:AKHLAK ISLAMIAH: BERSIKAP BENAR MENJAUHKAN KEMUNAFIKAN

### MAKSUD BERSIKAP BENAR

| | |
|---|---|
| **Istilah** | Tidak berdusta dari segi perkataan perkhabaran dan perbuatan |

1. **Dalil naqli**
   Allah menjelaskan dalam firmannya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَقُولُواْ قَوۡلٗا سَدِيدٗا ٧٠

(Surah al-Ahzab: 33, ayat:70)

**Maksud:**
Wahai orang yang beriman bertakwalah kepada Allah dan Katakanlah yang benar

2. **Abdullah bin Mas'ud meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW, bersabda :**

عَلَيْكُمْ بِالصِّدْقِ. فَإِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ، وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا يَزَالُ
الرَّجُلُ يَصْدُقُ، وَيَتَحَرَّى الصِّدْقَ، حَتَّى يُكْتَبَ عِندَ اللهِ صِدِّيقًا، وَإِيَّاكُمْ وَالْكَذِبَ، فَإِنَّ
الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ، وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ، وَمَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَكْذِبُ،
وَيَتَحَرَّى الْكَذِبَ، حَتَّى يُكْتَبَ عِندَ اللهِ كَذَّابًا. (رواية مسلم)

**(Riwayat muslim)**

**Maksud:**
Hendaklah kalian sentiasa bersikap benar, Sesungguhnya benar itu membawa kepada kebaikan, dan kebaikan itu membawa ke syurga. Seseorang yang sentiasa bersikap benar, akan ditulis di sisi Allah sebagai seorang yang benar. Dan orang yang berdusta itu, Sesungguhnya dusta itu membawa kepada kejahatan. Dan kejahatan itu membawa ke neraka. Seseorang yang sentiasa bersikap dusta, akan ditulis di sisi Allah sebagai seorang pendusta.

### HUKUM BERSIKAP BENAR

Wajib

### TUNTUTAN BERSIKAP BENAR

| | |
|---|---|
| **Satu Benar Dalam Tutur Kata** | • Tidak berhubung apabila berkat tidak berbohong apabila berkata-kata dalam semua keadaan<br>• Memelihara diri daripada mengeluarkan lafaz yang jelas mendatangkan dosa dan mengelirukan. |
| **Benar Dalam Niat dan Kemahuan** | • Berniat ikhlas kerana Allah<br>• Berniat untuk membuat kebaikan semata-mata |
| **Benar dalam Keazaman dan cita-cita** | • Bertekat mencapai apa-apa yang dicita-citakan<br>• Tindakan yang dilakukan seiring dengan keazaman untuk mencapai matlamat |
| **Benar Dalam Menepati Janji** | • Berjanji dengan apa-apa yang mampu ditunaikan<br>• Menunaikan apa-apa yang telah dijanjikan<br>• Melaksanakan tepat dengan sesuatu yang telah dijanjikan |
| **Benar Dalam Tugas** | • Melakukan tugasan tanpa mengharapkan balasan<br>• Melakukan tugasan dengan cara yang terbaik |


syabas181@gmail.com

**SPEKTRUM ILMU**

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَكُونُواْ مَعَ ٱلصَّٰدِقِينَ ١١٩

(Surah at-Taubah: 33, ayat: 70)

**Maksud**:
Wahai orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah, dan Hendaklah kamu berada bersama-sama orang yang benar

**CONTOH RASULULLAH BERSIKAP BENAR CONTOH**

**CONTOH 1**

- Rasulullah menyampaikan wahyu Allah kepada umat manusia dengan bersifat benar
- Baginda tidak menokok tambah ayat yang disampaikan
- Ajaran Islam yang disebarkan juga tidak mengikut kehendak dan pendapat peribadi baginda
- Setiap tutur katanya berdasarkan Wahyu Allah
- Hal ini dibuktikan dengan firman Allah

وَمَا يَنطِقُ عَنِ ٱلۡهَوَىٰٓ ٣ إِنۡ هُوَ إِلَّا وَحۡيٞ يُوحَىٰ ٤

(Surah An Najm: 53 ,ayat: 3-4)

**Maksud :**
Dan ia tidak memperkatakan sesuatu menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakan itu tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

**CONTOH2**

- Terdapat sebilangan orang yang suka bergurau tetapi tidak berkata benar
- Mereka berasa seronok bergurau dengan cerita-cerita palsu
- Rasulullah juga pernah bergurau namun baginda sentiasa bersikap benar, walaupun ketika sedang bergurau
- Al Hassan, menceritakan bahawa seorang perempuan tua yang datang berjumpa Rasulullah SAW, supaya baginda mendoakannya masuk ke dalam syurga
- Lalu baginda memberitahu bahawa orang tua tidak akan masuk ke dalam syurga
- Wanita tua itu terus berlalu pergi sambil menangis,

Lalu Rasulullah bersabda:

أَخْبِرُوهَا أَنَّهَا لَا تَدْخُلُهَا وَهِيَ عَجُوزٌ. إِنَّ اللهَ تَعَالَى يَقُولُ:

فَجَعَلۡنَٰهُنَّ أَبۡكَارًا ٣٦ عُرُبًا أَتۡرَابٗا ٣٧

(Surah al-Waqiah:56 ,ayat: 36-37)
**(Riwayat at-Tirmizi)**

**Maksud :**
Kamu beritahulah kepadanya bahawa Sesungguhnya dia tidak akan masuk ke syurga dalam keadaan tua. Sesungguhnya Allah SWT berfirman: Sesungguhnya kami ciptakan wanita-wanita penduduk syurga itu secara langsung, di mana kami Jadikan mereka gadis-gadis yang penuh dengan cinta (kepada suami masing-masing) dan sebaya umurnya

## HIKMAH BERSIKAP BENAR

1. Terpelihara daripada sifat munafik yang dibenci Allah
2. Menenangkan hati kerana tidak melakukan dosa
3. Saling bekerjasama kerana wujud perasaan saling mempercayai
4. Menjadi contoh teladan kepada orang lain kerana maruahnya dipandang tinggi

## PAUTAN KOD QR: KONSEP TABAYYUN DALAM ISLAM

http://www.islam.gov.my/e-khutbah/1375-konsep-tabayyun-dalam-mendepani-ledakan-maklumat
dicapai pada 10 ogos 2019

## SPEKTRUM ILMU

1. Bersikap benar adalah penting supaya kita dapat menjauhkan diri daripada sifat munafik
2. Sifat munafik telah dijelaskan dalam hadis berikut

Daripada Abu Hurairah bahawa nabi SAW, telah bersabda

آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ: إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ،
وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا اؤْتُمِنَ خَانَ.

(Riwayat al-Bukhari)

**Maksud:**
Tanda orang munafik itu tiga iaitu apabila berkata-kata dia kan berdusta apabila berjanji dia akan mungkir janji Dan apabila diberi kepercayaan dia akan mengkhianati .

## AKTIVITI

1. Senaraikan contoh bersikap benar dari aspek perkataan perkhabaran dan perbuatan dengan menggunakan aktiviti **GALLERY WALK.**
2. Melaksanakan aktiviti **THINK PAIR SHARE** untuk membincangkan hikmah bersifat benar .
3. Cadangkan tindakan anda bagi situasi berikut
   i. Anda terlewat hadir ke aktiviti kokurikulum
   ii. Anda di tuduh mulakan pergaduhan

## PENILAIAN

1. Nyatakan pengertian bersikap benar
2. Nyatakan dalil naqli tentang kepentingan bersikap benar
3. Jelaskan contoh sikap benar yang diamalkan oleh Rasulullah
4. Terangkan **dua** hikmah bersikap benar terhadap masyarakat
5. **"Kini Terdapat Banyak Penularan Berita Palsu Di Media Social"**
   Huraikan hujah anda cara untuk menangani masalah di atas.

## 23: AKHLAK ISLAMIAH: KHAUF DAN RAJA'

### MAKSUD

| | |
|---|---|
| **KHAUF** | Takutkan kepada kemurkaan dan azab Allah dengan menjauhi segala larangan-Nya. |
| **RAJA'** | Mengharapkan keredhaan Allah dengan melaksanakan segala perintah-Nya. |

### DALIL NAQLI KHAUF

......... فَلَا تَخَافُوهُمۡ وَخَافُونِ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ١٧٥

(Surah ali-Imran :3, ayat:175)

**Maksud:**
Maka Janganlah kamu takut kepada mereka tetapi takut lah kepadaku, Jika kamu memang orang yang beriman

### DALIL NAQLI RAJA'

تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمۡ عَنِ ٱلۡمَضَاجِعِ يَدۡعُونَ رَبَّهُمۡ خَوۡفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقۡنَٰهُمۡ يُنفِقُونَ ١٦

(Surah as-Sajadah:32, ayat;16)

**Maksud:**
Mereka menjauhkan diri dari tempat tidur dan sentiasa berdoa kepada tuhan mereka, dengan perasaan takut dan serta penuh harap dan mereka mendermakan sebahagian daripada apa yang kami rezekikan kepada mereka.

### SPEKTRUM ILMU

### CARA MENDAPATKAN KHAUF

- Bergaul dengan ulama dan para Solihin
- Sentiasa mengambil iktibar daripada kisah kaum terdahulu
- Sentiasa bertaubat sentiasa mengingati mati

### CARA MENDAPATKAN RAJA'

- Bermujahadah menentang hawa nafsu .
- Melaksanakan amal ibadah dengan penuh kesungguhan dan istiqamah .
- Tidak berputus asa dengan merayu dan merintih kepada Allah.

### CONTOH KHAUF DAN RAJA' YANG DIAMALKAN OLEH RASULULLAH SAW.

### CONTOH 1.

- Rasulullah mendirikan solat sunat Gerhana matahari dengan khusyuk,
- pada sujud terakhir nya baginda menangis kerana berasa takut Allah menurunkan azab
- Rasulullah merintih dengan bersabda:
  "Wahai Tuhanku bukankah Engkau telah berjanji kepada aku untuk tidak mengazab mereka, pada ketika aku ada bersama-sama mereka?. Tuhanku bukankah engkau telah berjanji kepada aku , untuk tidak mengazab mereka, apabila mereka memohon ampun?. Sekarang kami sedang memohon ampun kepadaMu".

**(Sunan Abu Daud : Kitab al-Solah)**


syabas181@gmail.com

**CONTOH 2**

- Anas meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW, pernah menziarahi seorang lelaki yang sedang terlantar.
- Rasulullah SAW, bertanya tentang perasaannya pada ketika itu, lelaki itu memberitahu baginda, bahawa dia sangat mengharapkan rahmat Allah dan merasa sangat takut, akan dosa-dosa yang pernah dilakukannya
- Lalu Rasulullah SAW, bersabda:

لَايَجْتَمِعَانِ فِي قَلْبِ عَبْدٍ فِي مِثْلِ هَذَا الْمَوْطِنِ إِلَّا أَعْطَاهُ
اللَّهُ مَا يَرْجُو، وَآمَنَهُ مِمَّا يَخَافُ.

(Riwayat at-Tirmizi)

**Maksud:**
Tidak berhimpun kedua-duanya dalam hati seseorang hamba Allah, pada ketika itu melainkan Allah memberikan apa yang diharapkan dan menyelamatkan daripada apa-apa yang ditakutkan

**SPEKTRUM ILMU**

... إِنَّهُمْ كَانُوا۟ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا ۖ وَكَانُوا۟ لَنَا خَٰشِعِينَ ﴿٩٠﴾

(Surah al-Anbiya:21, ayat:90)

Maksud:
Sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan dan sentiasa berdoa kepada kami, dengan penuh harapan serta gerun, takut dan mereka pula sentiasa kusyuk dan taat kepada Kami.

**KONSEP KHAUF DAN RAJA' YANG SEIMBANG**

1. Rasa takut kepada Allah hendaklah diiringi dengan tindakan yang selari dengan syarak.
2. Seorang yang mengharapkan keredaan Allah hendaklah melakukan amal ibadah dan menjauhi perbuatan maksiat.
3. Ganjaran syurga daripada menjadi ganjaran syurga dapat menjadi motivasi untuk seseorang itu mendekatkan diri kepada Allah .
4. Perasaan Khauf terhadap balasan neraka akan menjadi benteng daripada keinginan melakukan maksiat.
5. Perasaan Raja' akan mendorong seseorang untuk berlumba-lumba melakukan ibadah tanpa putus asa terhadap rahmat Allah.
6. Khauf dan rRaja' hendaklah berpaksikan husnuzon kepada Allah .

**(Sheikh Abdul Samad al-Jawi: Sirus Salikin Ila Ibadah Rabbil Alamin)**

**SPEKTRUM ILMU**

وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَيَخْشَ ٱللَّهَ وَيَتَّقْهِ فَأُوْلَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٥٢﴾

(Surah an-Nur:24, ayat;52)

**Maksud**

Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, serta takut melanggar perintah Allah serta bertaqwa kepadaNya, maka mereka itulah orang yang mendapat kemenangan.

**HIKMAH KHAUF DAN RAJA'**

1. Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah dalam setiap keadaan .
2. Melahirkan insan yang bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan kerana yakin Allah melihat dan menilai setiap perbuatannya.
3. Mendidik jiwa insan agar sentiasa menjauhi larangan Allah kerana takut akan kemurkaan-Nya. Melahirkan insan yang sentiasa berasa gembira melakukan kebaikan supaya mendapat kemanisan Iman .
4. Melahirkan insan yang sentiasa bertawakal kepada Allah setelah berusaha bersungguh-sungguh.

**SPEKTRUM ILMU**

........ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

(Surah al-Hujurat :49, ayat;13)

**Maksud:**

Sesungguhnya dalam kalangan kamu yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa Sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi Maha mendalam pengetahuannya.

**AKTIVITI**

1. Senaraikan cara untuk mendapatkan Khauf dan Raja' dengan menggunakan **COMBO MAT.**
2. Bina peta pemikiran untuk menjelaskan dua cara mengimbangi Khauf dan Raja.'
3. Laksanakan aktiviti **SPEAKER CORNER** berdasarkan tema Khauf dan Raja'.
4. Alunkan Syair doa taubat.

   **PAUTAN KOD QR: SYAIR DOA TAUBAT**

   http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=1941

**PENILAIAN**

1. Nyatakan maksud Khauf dan Raja'
2. Nyatakan dalil naqli Khauf dan Raja'
3. Jelaskan contoh Khauf dan Raja' yang diamalkan oleh rasulullah
4. Terangkan konsep keseimbangan antara Khauf dan Raja'
5. "**Dosaku Terlalu Banyak Adakah Allah Akan Mengampuni Aku**".

   Bincangkan tindakan yang sewajarnya diambil oleh remaja dalam gambar di atas
6. Bagaimanakah sifat Khauf dan Raja' melahirkan muslim sejati? Huraikan.



syabas181@gmail.com

## 24: UNIT 1 : AKHLAK ISLAMIAH: ADAB TERHADAP ORANG SAKIT

**Dalil Naqli**

Abu Musa al-Asy'ari meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda :

عُودُوا الْمَرِيضَ، وَأَطْعِمُوا الْجَائِعَ، وَفُكُّوا الْعَانِيَ.

**Maksud:**
Ziarahilah orang yang sakit berikan makanan kepada orang yang lapar dan bebaskanlah tawanan

**DOA KETIKA MENZIARAHI ORANG SAKIT**

أَسْأَلُ اللهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيْمِ اَنْ يُعَافِيَكَ وَيَشْفِيَكَ. إِلاَّ عَافَاهُ اللهُ مِنْ ذَلِكَ المَرَضِ.

(رواية أبو داود دان الترمذي)

**Maksud**
Aku memohon kepada Allah yang memiliki aras yang tinggi Semoga kamu diberi kesembuhan dan kesihatan hanya Allah yang menyembuhkan dari penyakit itu

**(Riwayat Abu Daud Dan Tirmizi)**

**ADAB ORANG YANG SAKIT**

| | |
|---|---|
| **IBADAH** | 1. Mendoakan kesihatan mereka<br>2. Membantu mereka yang ingin melakukan ibadah |
| **EMOSI** | 1. Memberikan semangat dan motivasi agar mereka sabar dan redha<br>2. Tidak melakukan sesuatu yang boleh mengganggu ketenteraman mereka dengan bunyi bising dan tempoh ziarah yang lama |
| **FIZIKAL** | 1. Memastikan tempat dan tubuh badan pesakit sentiasa bersih<br>2. Menyediakan keperluan dan kemudahan asas untuk pesakit |

**HIKMAH BERADAB KEPADA ORANG SAKIT**

1. Menggembirakan pesakit agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah
2. Mengeratkan ukhuwah sesama anggota masyarakat agar hidup diberkati Allah
3. Melahirkan keinsafan kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit



syabas181@gmail.com

**AKTIVITI**

1. Melaksanakan aktiviti **ROLE PLAY** dalam pelbagai situasi menyantuni orang sakit. Muat naik hasil kerja tersebut dalam bentuk pembelajaran Maya.
2. Laksanakan aktiviti **SPIN-N-THINK** untuk menceritakan pengalaman anda menziarahi orang sakit.
3. Laksanakan aktiviti syarahan spontan bertemakan adab menyantuni orang sakit.Murid diberikan peluang selama 2 minit untuk mencari isi tajuk Kemudian mempersembahkan di hadapan kelas

**PENILAIAN**

1. Nyatakan dalil naqli tuntutan beradab terhadap orang sakit
2. Terangkan dua adab menyantuni orang sakit
3. Terangkan dua hikmah beradab terhadap orang sakit
4. 

   Berdasarkan gambar di atas, terangkan pandangan anda tentang tanggungjawab masyarakat terhadap orang sakit


syabas181@gmail.com

## 24 UNIT 2: AKHLAK ISLAMIAH: ADAB TERHADAP ORANG KURANG UPAYA

### Dalil Naqli

Anas bin Malik RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَنَّ امْرَأَةً كَانَتْ فِي عَقْلِهَا شَيْءٌ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ
لِي إِلَيْكَ حَاجَةً فَقَالَ يَا أُمَّ فُلَانٍ انْظُرِي أَيَّ السِّكَكِ شِئْتِ
حَتَّى أَقْضِيَ لَكِ حَاجَتَكِ فَخَلَا مَعَهَا فِي بَعْضِ الطُّرُقِ حَتَّى
فَرَغَتْ مِنْ حَاجَتِهَا.

(رواية مسلم)

**Maksud:**
Seorang wanita yang mempunyai kekurangan pada akalnya berkata “Wahai Rasulullah saya memerlukan pertolongan mu dalam sesuatu urusan”. Rasulullah bersabda: “Wahai ibu bagaimana caranya untuk aku membantumu”. Lalu Rasulullah SAW meluangkan masanya sehingga wanita itu dapat menyelesaikan urusannya.

### MAKSUD ORANG KURANG UPAYA

Seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk melibatkan diri secara efektif dalam masyarakat dari segi fizikal mental intelektual atau pancaindera sejak lahir atau selepasnya

### ADAB TERHADAP ORANG KURANG UPAYA

| | |
|---|---|
| **IBADAH** | 1. Menyediakan kemudahan kepada mereka untuk melakukan ibadah dengan selesa<br>2. Membantu mereka dengan memberikan tunjuk ajar mengenai urusan ibadah |
| **EMOSI** | 1. Memberikan layanan dengan penuh kasih dan sayang terhadap mereka<br>2. Tidak mengejek dan menghina mereka |
| **FIZIKAL** | 1. Memastikan kemudahan asas yang disediakan untuk mereka tidak disalahgunakan<br>2. Menyediakan ruang dan memberikan peluang kepada mereka sesuai dengan keperluan mereka |

### HIKMAH BERADAB TERHADAP ORANG KURANG UPAYA

1. Menimbulkan rasa dihargai dalam diri orang kurang upaya kerana mendapat perhatian dan keistimewaan
2. Memupuk sifat kebersamaan terhadap semua golongan masyarakat agar perpaduan dapat diwujudkan
3. Melahirkan rasa syukur kerana diberikan fizikal dan mental yang sempurna
4. Memudahkan orang kurang upaya melakukan urusan harian


syabas181@gmail.com

## AKTIVITI

1. Bimbing murid untuk membuat persembahan dalam pelbagai situasi terhadap orang kurang upaya.Muatnaik hasil kerja tersebut dalam bentuk pembelajaran Maya.
2. Cari maklumat daripada portal Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) . Laksanakan aktiviti **WINDOW PANE** untuk membincangkan kebajikan yang disediakan oleh kerajaan untuk orang kurang upaya.
3. Lakarkan model sebuah sekolah yang mesra pengguna bagi orang kurang upaya. Buka peluang kepada setiap kumpulan memberikan ulasan dan cadangan penambahbaikan.

## PENILAIAN

1. Nyatakan dalil naqli tuntutan beradab terhadap orang kurang upaya
2. Jelaskan dua adab menyantuni orang kurang upaya
3. Terangkan hikmah beradab terhadap orang kurang upaya
4. 




Mengapakah situasi di atas berlaku Bincangkan


syabas181@gmail.com

## 25: AKHLAK ISLAMIAH: WASATIAH MENJAMIN KECEMERLANGAN UMAT

### MAKSUD WASATIYYAH

Pendekatan yang sederhana seimbang adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.

### DALIL WASATIYYAH

**DaliI Al-Quran**

وَكَذَٰلِكَ جَعَلۡنَٰكُمۡ أُمَّةٗ وَسَطٗا لِّتَكُونُواْ شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِ وَيَكُونَ ٱلرَّسُولُ عَلَيۡكُمۡ شَهِيدٗاۗ

........... ﴿١٤٣﴾

Surah al-Baqarah:2, ayat:143)

**Maksud:**

Dan demikianlah kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat pertengahan (umat pilihan lagi adil) supaya kamu layak menjadi saksi untuk memberi keterangan kepada umat manusia …….

**Dalil Hadis**

Saidina Aisyah meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda:

سَدِّدُوا وَقَارِبُوا، وَاعْلَمُوا أَنْ لَنْ
يُدْخِلَ أَحَدَكُمْ عَمَلُهُ الْجَنَّةَ، وَأَنَّ
أَحَبَّ الْأَعْمَالِ أَدْوَمُهَا إِلَى اللهِ،
وَإِنْ قَلَّ.

(Riwayat al-Bukhari)

**Maksud:**

Lakukanlah dengan bersederhana, dan ketahuilah bahawa perbuatan kamu tidak akan menyebabkan Kamu masuk syurga. Amalan yang paling disukai Allah ialah yang berterusan walaupun sedikit.

### PRINSIP WASATIYYAH

1. Kesederhanaan
2. Keseimbangan
3. Keadilan
4. Kecemerlangan


syabas181@gmail.com

1. **KESEDERHANAAN**

| | |
|---|---|
| **Maksud** : | Melakukan sesuatu dengan sempurna tidak melampaui batas dan Mematuhi isyarat |
| **Aspek Kesederhanaan** | i. Menunaikan tugasan dengan sempurna dan penuh bertanggungjawab<br>ii. Memenuhi syarat dalam menunaikan tugas mematuhi arahan dan prosedur dalam menjalankan amanah<br>iii. Melaksanakan tugasan sebagai hamba allah dan khalifah di muka bumi |
| **Dalil al-Quran** | وَٱلَّذِينَ إِذَآ أَنفَقُواْ لَمۡ يُسۡرِفُواْ وَلَمۡ يَقۡتُرُواْ وَكَانَ بَيۡنَ ذَٰلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾<br>(Surah al-Furqan: 25, ayat;67)<br>**Maksud:**<br>Dan mereka yang apabila membelanjakan hartanya,tiadalah melampaui batasan dan tiada bakhil kedekut, dan perbelanjaan mereka adalah bentuk sederhana |

**SPEKTRUM ILMU**

**UMAMATAN WASATAN** menggabungkan unsur jasad dan rohhani, tanpa mengabaikan mana-mana aspek.

- Satu umat yang terpilih dan adil
- Umat yang terbaik dan pertengahan dalam semua perkara dan tidak melampaui batas serta tidak lalai.
- Tidak berlebih-lebihan dalam urusan agama dan spiritual semata-mata seperti golongan Nasrani.
- Tidak mementingkan material semata-mata seperti Yahudi dan Musyrik

**(Wahbah al-Zuhaili : At-Tafsir Al Munir)**

**2. KESEIMBANGAN**

| | | |
|---|---|---|
| **Maksud** : | Memenuhi keperluan Rohani Jasmani dan akal secara sempurna dalam semua keadaan | |
| **Aspek Keseimbangan** | **i. Rohani** | • Melaksanakan ibadah fardu dan sunat dengan Istiqamah<br>• Menghayati al-Quran dan berzikir dengan bersungguh-sungguh.<br>• Melakukan ibadat dan ikhlas |
| | **i. Jasmani** | • Mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan.<br>• Berehat setelah penat bekerja supaya padat kembali cergas dan bertenaga<br>• Memenuhi keperluan biologi dan fitrah manusia. |
| | **ii. Aqli** | • Menjauhi barang larangan yang boleh merosakkan akal seperti dadah dan arak.<br>• Menggunakan akal sebaik-baiknya untuk meningkatkan ilmu.<br>• Menggunakan akar untuk memajukan diri dan masyarakat dan meningkatkan pembangunan Negara. |


syabas181@gmail.com

| | |
|---|---|
| **Dalil al-Quran** | وَمِنۡهُم مَّن يَقُولُ رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنۡيَا حَسَنَةٗ وَفِي ٱلۡأٓخِرَةِ حَسَنَةٗ وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ٢٠١<br>(Surah al-Baqarah: 2, ayat:201)<br>**Maksud:**<br>Dan Antara mereka pula ada yang berdoa dengan berkata Wahai Tuhan kami Berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah Kami daripada azab api neraka. |

### 3. KEADILAN

| | |
|---|---|
| **Maksud** : | Meletakkan sesuatu sesuai dengan suasana, masa dan dan tempat. |
| **Aspek Keadilan** | i. Memberikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya.<br>ii. mengambil pendekatan pertengahan yang seimbang secara hikmah antara dua perkara yang ekstrem . |
| **Dalil al-Quran** | يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُونُواْ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ بِٱلۡقِسۡطِۖ وَلَا يَجۡرِمَنَّكُمۡ شَنَـَٔانُ قَوۡمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعۡدِلُواْۚ ٱعۡدِلُواْ هُوَ أَقۡرَبُ لِلتَّقۡوَىٰۖ ٨<br>(Surah al-Maidah:5, ayat:8)<br>**Maksud**:<br>Wahai orang yang beriman adalah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan Keadilan kerana Allah lagi menerangkan kebenaran dan jangan lah kebencian kamu kepada sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk tidak berlaku adil berlaku adalah kerana ia lebih hampir kepada takwa…. |

### 4. KECEMERLANGAN

| | |
|---|---|
| **Maksud** : | Pendekatan yang terbaik dalam melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berkeyakinan teguh kepada Allah. |
| **Ciri-Ciri Ummah Yang Cemerlang** | i. Melakukan kebaikan seperti memakmurkan bumi membangunkan negara dan basmi kemiskinan.<br>ii. Mencegah diri daripada melakukan kezaliman kefasikan dan kekejaman.<br>iii. Menggunakan kekayaan di dunia untuk mendapatkan keredaan allah<br>iv. Melakukan semua tugas dan pekerjaan dengan ikhlas kerana allah |
| **Dalil al-Quran** | كُنتُمۡ خَيۡرَ أُمَّةٍ أُخۡرِجَتۡ لِلنَّاسِ تَأۡمُرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَتَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَتُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِۗ وَلَوۡ ءَامَنَ أَهۡلُ ٱلۡكِتَٰبِ لَكَانَ خَيۡرٗا لَّهُمۚ مِّنۡهُمُ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ وَأَكۡثَرُهُمُ ٱلۡفَٰسِقُونَ ١١٠<br>(Surah ali-Imran: 3, ayat;110)<br>**Maksud**:<br>Kamu (wahai umat Muhammad) ialah umat paling baik yang dilahirkan bagi umat manusia kerana kamu menyuruh agar melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta kamu Beriman Kepada Allah….. |


syabas181@gmail.com

## HIKMAH MELAKSANAKAN PRINSIP WASATIYYAH

1. Syiar Islam dapat ditegakkan dengan menyempurnakan akhlak dan nilai yang murni
2. Pembangunan yang menyeluruh dan seimbang dapat diwujudkan kerana ada yang kestabilan politik
3. Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijana kerana tiada berlaku pembaziran.
4. Tahap pendidikan masyarakat dapat ditingkatkan mengikut keperluan negara.
5. Masyarakat yang aman damai dan bersatu padu dapat dibangunkan dan melaksanakan prinsip-prinsip keadilan.

## SPEKTRUM ILMU

Tiga orang lelaki telah ditegur oleh Rasulullah SAW, kerana Melakukan perkara yang melampaui batas

1. Berpuasa sehingga tidak membuka
2. Mendirikan solat malam sehingga tidak tidur
3. Tidak mahu bernikah

Rasulullah bersabda:

أَمَا وَاللهِ إِنِّي لَأَخْشَاكُمْ لِلَّهِ
وَأَتْقَاكُمْ لَهُ لَكِنِّي أَصُومُ وَأُفْطِرُ،
وَأُصَلِّي وَأَرْقُدُ وَأَتَزَوَّجُ النِّسَاءَ،
فَمَنْ رَغِبَ عَنْ سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي.

(Muttafaqun Alaih)

**Maksud:**
Ada pun Demi Allah. akulah yang paling takutkan Allah dan yang paling bertaqwa, tetapi aku berpuasa dan aku berbuka, aku mendirikan solat kemudian aku juga berbaring, dan aku menikahi wanita. Sesiapa yang membenci sunnahku maka dia bukan daripada kalangan ku.


syabas181@gmail.com

**AKTIVITI ;**

1. Melaksanakan aktiviti **TARSIA PUZZLE** para secara berkumpulan untuk menyatakan maksud wasatiyyah.

   **PAUTAN KOD QR: CONTOH TARSIA PUZZLE**
   http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=2012

2. Bina peta pemikiran untuk membincangkan empat prinsip wasatiah
3. Tulis sebuah sajak yang berkaitan dengan wasatiah. Kemudian laksanakan aktiviti **EXPERT TEAM** untuk membentangkan hasil kerja kumpulan anda
4. Cari maklumat di Internet kemudian merentangkan cara anda mengamalkan prinsip prinsip wasatiyyah dalam kehidupan Sebagai seorang murid

**PENILAIAN ;**

1. Nyatakan maksud wasatiah
2. Nyatakan dalil wasatiah.
3. Jelaskan empat prinsip wasatiyyah.
4. Jelaskan dua cara anda mengamalkan wasatiah dalam kehidupan.
5. Terangkan dua hikmah wasatiah.
6. 

   Berdasarkan gambar di atas cadangkan langkah untuk mengatasi pembaziran yang sering berlaku dalam masyarakat.


syabas181@gmail.com

**PERINGATAN:**

1. Nota ini adalah **bahan bantu PDPC semata-mata**, untuk kemudahan Guru Pendidikan Islam dan murid-murid Islam, terutama yang tidak mahir membaca jawi.
2. Nota ini disediakan berdasarkan Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 4, KSSM.
3. Nota ini juga disediakan bukan untuk **dikomersialkan.**
4. Semoga nota ini memberi manfaat kepada kita semua
5. Sebarang cadangan pemurnian dan penambahbaikan nota ini, boleh email kpd syabas181@gmail.com

Terima kasih.